AL-HALAL WAL HARAM FIL ISLAM

Karya: Dr. Yusuf al-Qardhawi

Alihbahasa: H. Mu'ammal Hamidy
Terbitan: PT. Bina Ilmu, 1993
Sumber: http://media.isnet.org

&&

Alihbahasa: Ustaz Zain Y.S, Ustaz Kamin
Sumber: http://www.al-ahkam.com.my

Bab 1: Asas-asas Islam di dalam urusan halal dan haram

1. Asal bagi setiap sesuatu adalah mubah
2. Kuasa menghalalkan dan mengharamkan sesuatu adalah hak mutlak Allah
3. Mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram sama seperti syirik
4. Mengharamkan yang Halal akan mengakibatkan Timbulnya Kejahatan dan Bahaya
5. Setiap yang Halal Tidak Memerlukan yang Haram
6. Perkara-perkara yang Membawa Kepada Haram adalah Haram
7. Berhelah Dalam Perkara yang Haram, Hukumnya adalah Haram
8. Niat Baik Tidak Dapat Melepaskan yang Haram
9. Menghindarkan Diri dari Syubhat Kerana Bimbang Terjebak ke dalam Haram
10. Sesuatu yang Haram Berlaku Untuk Semua Orang
11. Keadaan darurat membenarkan perkara yang dilarang

Bab 2: Halal dan Haram di dalam Kehidupan Individu Muslim

1. Makanan dan Minuman
    - a- Sembelihan syar'i
    - b- Berburu
    - c- Khamar/arak.. Dadah
2. Pakaian dan Perhiasan
3. Di Rumah
4. Bidang Pekerjaan dan Profesional

Bab 3: Halal dan Haram di dalam rumahtangga dan kehidupan berkeluarga

1. Gharizah
2. Rumahtangga
3. Hubungan suami isteri
4. Merancang keluarga
5. Hak-hak dalam pergaulan suami isteri
6. Antara ibababa dan anak-anak

Bab 4: Halal dan haram di dalam kehidupan muslim secara am

1. I'tikad dan adat kebiasaan
2. Muamalat
3. Hiburan dan kesenangan
4. Hubungan sosial
5. Hubungan muslim dengan non muslim

Bab 1: Asas-asas Islam di dalam urusan halal dan haram

PERSOALAN halal-haram adalah seperti halnya soal-soal lain, di mana orang-orang jahiliah pernah tersesat dan mengalami kekacauan yang luarbiasa, sehingga mereka berani menghalalkan yang haram, dan mengharamkan yang halal.

Keadaan yang sama pernah juga dialami oleh golongan penyembah berhala (watsaniyin) dan ahli-ahli kitab.

Kesesatan ini akhirnya dapat menimbulkan suatu penyimpangan yang ekstrimis kanan, atau suatu penyimpangan yang ekstrimis kiri.

Di pihak kanan, misalnya: Kaum Brahmana Hindu, Para Rahib Kristian dan beberapa golongan lain yang berprinsip menyiksa diri dan menjauhi hal-hal yang baik dalam masalah makanan ataupun pakaian yang telah diserahkan Allah kepada hambaNya.

Kedurhakaan para rahib ini sudah pernah mencapai puncaknya pada abad pertengahan. Beribu-ribu rahib mengharamkan barang yang halal sehingga sampai kepada sikap yang keterlaluan. Sampai-sampai di antara mereka ada yang menganggap dosa kerana mencuci dua kaki, dan masuk kamar mandi dianggap dapat membawa kepada penyesalan dan kerugian.

Dari golongan ekstrimis kiri, dapat dijumpai misalnya aliran Masdak yang timbul di Parsi. Golongan ini menyuarakan kebolehan yang sangat meluas. Kendali manusia dilepaskan, supaya dapat mencapai apa saja yang dikehendaki. Segala-galanya bagi mereka adalah halal, sampaipun kepada masalah identitas dan kehormatan diri yang telah dianggapnya suci oleh fitrah manusia.

Bangsa Arab di zaman Jahiliah merupakan contoh konkrit, betapa tidak beresnya barometer untuk menentukan halal-haramnya sesuatu benda atau perbuatan. Oleh kerana itu membolehkan minuman-minuman keras, makan riba yang berlipat-ganda, menganiaya wanita dan sebagainya. Lebih dari itu, mereka juga telah dipengaruhi oleh godaan syaitan yang terdiri dari jin dan manusia sehingga mereka tega membunuh anak mereka dan mengunyah-ngunyah jantungnya. Godaan itu mereka turutinya juga. Perasaan kebapaan yang bersarang dalam hatinya, sama sekali ditentang.

"Dan begitu juga kebanyakan dari orang-orang musyrik itu telah dihiasi oleh sekutu-sekutu mereka untuk membunuh anak-anak mereka guna menjerumuskan mereka dan meragu kan mereka agama mereka. " (al-An'am : 137)

Para sekutu dari pelindung berhala itu melalui berbagai cara dalam mengganggu kaum bapa untuk membunuh anak-anak mereka antara lain:

- takut miskin.
- takut tercela, kalau anak yang lahir itu wanita.
- demi bertakarrub kepada Tuhan, iaitu dengan mengorbankan anak.

Satu hal yang menghairankan, iaitu bahawa mereka yang membolehkan membunuh anak, baik dengan dipotong ataupun dengan ditanam hidup-hidup, tetapi justeru mengharamkan beberapa makanan dan haiwan yang baik-baik.

Dan yang lebih menghairankan lagi, bahawa itu semua dianggapnya sebagai hukum agama. Mereka nisbatkannya kepada Allah. Tetapi kemudian oleh Allah, anggapan ini dibantah dengan firmanNya:

"Mereka berpendapat: ini adalah haiwan-haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang terlarang, tidak boleh dimakan kecuali orang-orang yang kami kehendaki menurut anggapan mereka dan juga diharamkan untuk dinaiki, dan haiwan-haiwan yang mereka tidak sebut asma Allah atasnya kerana hendak berbuat dusta atas nama Allah. (Begitulah) mereka itu kelak akan dibalas lantaran kedustaan yang mereka perbuat." (al-An'am: 138)

Al-Quran telah menegaskan kesesatan mereka yang berani menghalalkan sesuatu yang seharusnya haram, dan mengharamkan sesuatu yang seharusnya halal; al-Quran mengatakan:

"Sungguh rugilah orang-orang yang telah membunuh anak-anak mereka lantaran kebodohannya dengan tidak mengerti itu, dan mereka yang telah mengharamkan rezeki yang Allah sudah berikan kepada mereka (lantaran hendak) berdusta atas (nama) Allah; mereka itu pada hakikatnya telah sesat, dan mereka itu tidak hendak mengikuti pimpinan." (al-An'am: 140)

Kedatangan Islam langsung dihadapkan dengan kesesatan dan ketidak-beresan tentang persoalan halal dan haram ini. Oleh kerana itu pertama kali undang-undang yang dibuat guna memperbaiki segi yang sangat membahayakan ini ialah dengan membuat sejumlah Pokok-pokok Perundang-undangan sebagai standard untuk dijadikan landasan guna menentukan halal dan haram. Seluruh persoalan yang timbul, dapat dikembalikan kepadanya, seluruh neraca kejujuran dapat ditegakkan; keadilan dan keseimbangan yang menyangkut soal halal dan haram dapat dikembalikan.

Oleh kerana itu ummat Islam menduduki sebagai golongan penengah (ummatan wasathan) di antara ekstrimis kanan dan ekstrimis kiri sebagaimana telah ditegaskan sendiri oleh Allah; iaitu dengan dijadikan ummat Islam ini sebagai ummat pilihan (khaira ummah) yang diketengahkan ke hadapan ummat manusia.

Bab 1: 1. Asal bagi setiap sesuatu adalah mubah

Asas pertama yang telah ditetapkan oleh Islam ialah: Bahawa asal setiap sesuatu ciptaan Allah adalah harus. Ia tidak diharamkan melainkan jika ada nash yang sahih lagi sharih (jelas/tegas) dari syari' yang mengharamkannya. Jika di sana tidak ada nash yang sahih - seperti ada nash tetapi dengan hadis dha'if - atau nash berkenaan sahih tetapi tidak sharih dalam menunjukkan keharamannya, maka hal ini akan kekal atas sifat asalnya sebagai hal yang diharuskan.

Para ulamak Islam menetapkan kaedah asal setiap sesuatu itu adalah harus dengan mengambil dalil dari beberapa ayat al-Quran:

"Dialah Zat yang menjadikan untuk kamu apa-apa yang ada di bumi ini semuanya."
(al-Baqarah: 29)

"(Allah) telah memudahkan untuk kamu apa-apa yang ada di langit dan apa-apa yang ada di bumi semuanya daripadaNya." (al-Jatsiyah: 13)

"Belum tahukah kamu, bahawa sesungguhnya Allah telah memudahkan untuk kamu apa-apa yang ada di langit dan apa-apa yang ada di bumi; dan Ia telah sempurnakan buat kamu nikmat-nikmatNya yang nampak hendakpun yang tidak nampak." (Luqman: 20)

Allah Taala tidak mencipta semua ini yang diserahkan dan dikurniakan kepada manusia, kemudian mengharamkannya. Jadi, mengapa Allah menciptanya lalu menyerahkannya dan mengurniakannya. Dari semua ciptaan itu, Allah hanya mengharamkan sebahagian kecil sahaja kerana ada sebabnya dan hikmat yang kami akan sebutkan nanti.

Dari sini, kita dapati betapa sempitnya rwang lingkup yang diperuntukkan oleh syariat Islam untuk perkara-perkara yang diharamkan. Manakala rwang untuk halal diberikan seluas-luasnya. Kerana nash-nash yang sahih lagi sharih yang datang membawa hukum haram amat sedikit sekali. Sedangkan apa-apa yang tidak kedapatan nash-nash yang menghalalkan ataupun yang mengharamkannya akan terus kekal dengan sifat asalnya, iaitu harus (mubah). Iaitu ia berada di dalam rwang kemaafan dari Allah.

Untuk perkara ini terdapat di dalam Hadis:

"Apa yang Allah halalkan di dalam KitabNya, maka ia adalah halal. Dan, apa yang Allah haramkan, maka ia adalah haram. Manakala apa yang didiamkan olehNya, maka ia adalah

dimaafkan. Oleh itu, terimalah kemaafan dari Allah. Sesungguhnya Allah tidak akan lupa sedikitpun." Kemudian Rasulullah s.a.w. membaca ayat: "Dan Tuhanmu tidak pelupa."(Maryam: 64) (HR al-Hakim, dan dia mensahihkannya daripada hadis Abi Darda' dan dikeluarkan oleh al-Bazzar, dia berkata: Sanad yang baik).

Dari Salman al-Farisi: Rasulullah s.a.w. ditanya mengenai minyak, keju dan keldai hutan, lalu baginda s.a.w. bersabda: "Halal ialah apa yang telah dihalalkan oleh Allah, dan haram ialah apa yang telah diharamkan oleh Allah di dalam kitabNya, Dan apa yang didiamkan olehNya, maka ia adalah dariapa perkara yang dimaafkan untuk kamu." (HR al-Tarmizi, Ibnu Majah dan al-Hakim)

Rasulullah s.a.w. tidak mahu menjawab pertanyaan orang-orang yang bertanya secara terperinci. Tetapi baginda s.a.w. mengetengahkan kepada mereka kaedah yang dapat dirujuk untuk mengenal halal dan haram. Memadailah dengan mereka mengetahui apa yang telah diharamkan oleh Allah, kerana selain dari itu, semuanya adalah halal.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Sesungguhnya Allah telah memfardhukan beberapa perkara perkara yang fardhu, maka jangan engkau mensia-siakannya. Dia telah memberi batas-batas tertentu, maka janganlah engkau melampauinya. Dia telah mengharamkan beberapa perkara, maka janganlah kamu perselisihkannya. Dia telah mendiamkan beberapa perkara, kerana kasih sayangnya kepada kamu. Dia tidak lupa. Maka janganlah kamu membahaskannya." (HR al-Daruquthni, dari Hadis al-Tsa'labah dan telah dianggap sebagai hadis Hasan oleh al-Nawawi di dalam hadis 40).

Saya suka untuk mengingatkan di sini, bahawa kaedah asal setiap sesuatu itu adalah harus, tidak terhad kepada masalah benda sahaja, tetapi ia meliputi perbuatan dan tingkah laku yang tidak tergolong di dalam urusan ibadah. Inilah apa yang dinamakan sebagai "adat atau muamalat".

Asal untuk perkara 'adat dan muamalat' ini adalah tidak diharamkan dan tidak juga terikat, melainkan yang telah diharamkan dan yang ditegaskan oleh syari'. Firman Allah Taala:

"Dan Allah telah memerinci kepadamu sesuatu yang Dia telah haramkan atas kamu." (al-An'am: 119)

Berlainan pula dengan urusan ibadah. Ia adalah urusan agama yang murni, di mana penetapannya hendaklah melalui jalan wahyu. Hal ini ada disebutkan oleh Rasulullah s.a.w.:

"Barangsiapa yang mengada-adakan satu perkara baru dalam urusan kami yang bukan darinya, maka ia tertolak." (HR Muttafaq Alaih)

Inilah dia hakikat agama, yang menjunjung dua perkara, iaitu tidak menyembah melainkan Allah dan tidak menyembah Allah (beribadah) melainkan berdasarkan apa yang telah disyariatkan olehNya. Atas asas ini, sesiapa sahaja yang mereka-reka atau mengada-adakan satu cara peribadatan ia adalah satu kesesatan yang tidak boleh diterima sama sekali. Kerana hanya syari' (Allah) sahaja yang berhak untuk menentukan bentuk dan cara peribadatan untuk mendekatkan diri kepadaNya.

Manakala adat ataupun muamalat, syari' tidak menentukan bentuknya. Manusia-lah yang menentukannya. Syari' datang hanya untuk membetulkan, meluruskan, mendidik dan mengakuinya sahaja. Melainkan dalam beberapa keadaan, untuk mengelakkan kerosakan dan kemudaratan.

Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah berkata: "Tingkah laku manusia, samada perkataan dan perbuatannya ada 2 jenis, iaitu:

1. Ibadah, untuk maslahat (kebaikan) agamanya.
2. Adat yang mereka perlukan untuk kehidupan di dunia ini.

Maka bersandarkan penelitian kepada asas-asas syariat, kita akan dapat mengetahui bahawa ibadah yang diwajibkan atau yang disukai oleh Allah tidak dapat ditetapkan melainkan hanya dengan syarak sahaja.

Adat pula ialah apa yang biasa diguna pakai oleh manusia untuk keperluan mereka hidup di dunia ini. Asal hukum bagi adat ini adalah tidak dilarang kecuali apa yang telah dilarang oleh Allah. Kerana perintah dan larangan adalah syariat Allah. Di dalam ibadah, mestilah dengan perintah Allah. Oleh itu (dalam hal adat) bagaimana dapat dihukumkan sebagai haram jika ia tidak diperintahkan.

Sebab itulah imam Ahmad dan para fuqaha' ahli Hadis mengatakan:

"Sesungguhnya asal untuk perkara ibadah adalah tauqif (mesti ditetapkan oleh syariat). Ia tidak boleh disyariatkan melainkan apa yang telah disyariatkan oleh Allah. Jika tidak, maka kita akan terjerumus di dalam makna firman Allah:

"Apakah mereka itu mempunyai sekutu yang mengadakan agama untuk mereka, sesuatu yang tidak diizinkan oleh Allah?" (as-Syura: 21)

Adat pula, pada asalnya adalah dimaafkan. Oleh itu, ia tidak dilarang melainkan apa yang telah diharamkan oleh Allah, kerana jika tidak maka kita akan terjerumus di dalam firman

Allah:

“Katakanlah! Apakah kamu sudah mengetahui sesuatu yang diturunkan Allah untuk kamu daripada rezeki, kemudian kamu jadikan daripadanya itu haram dan halal? Katakanlah! Apakah Allah telah memberi izin kepadamu, ataukah kamu memang berdusta atas (nama) Allah?" (Yunus: 59)

Di atas itu adalah satu kaedah yang amat berguna sekali. Jika begitulah keadaannya, maka dapatlah kita katakan:
Jual beli, sewa menyewa dan adat-adat lainnya yang diperlukan oleh manusia untuk kehidupan mereka seperti makan, minum dan pakaian - syariat datang dengan membawa adab (etika) yang baik untuknya. Mana-mana yang membawa kerosakan akan diharamkan. Mana-mana yang dimestikan, akan diwajibkan. Mana-mana yang kurang elok, akan dimakruhkan. Dan, mana-mana yang membawa kebaikan, akan disunatkan.

Atas asas ini, maka manusia boleh sekehendak hati mereka berjual beli dan sewa menyewa selama syariat tidak mengharamkannya. Begitu juga dengan makan dan minum, mereka boleh lakukannya sesuka hati mereka selama syariat tidak mengharamkannya. Dan sekalipun ada sebahagiannya disunatkan atau dimakruhkan (tetapi ia masih dibenarkan). Sedangkan perkara-perkara yang tidak diberi batasan oleh syariat, maka ia kekal dengan kemutlakan hukum asalnya (iaitu diharuskan).

(Al-Qawaid al-Nuraniah al-Feqhiyah, Ibnu Taimiyah, hal. 112, 113. Atas asas kaedah ini Ibnu Taimiyah, muridnya Ibnu al-Qaiyim dan seluruh fuqahak Hanabilah menetapkan: “Bahawa asal di dalam aqad dan syarat adalah mubah/harus. Maka setiap aqad yang tiada nash mengharamkannya secara khusus dan tidak mengandungi keharaman, maka ia adalah halal.”)
Kaedah di atas bertepatan dengan apa yang terdapat di dalam Hadis sahih daripada Jabir bin Abdullah r.a, katanya:

“Kami pernah melakukan `azal, padahal al-Quran masih turun. Kalaulah perkara ini dilarang, nescaya al-Quran akan menegahnya.” (HR Bukhari)

Hadis di atas menunjukkan bahawa apa yang didiamkan oleh wahyu adalah tidak diharamkan dan tidak dilarang. Mereka boleh melakukan apa sahaja secara bebas selagi tidak ada nash yang melarang dan menegahnya.

Ini adalah sebahagian dari kesempurnaan feqh para sahabat r.a. Dengan inilah kaedah berikut ditetapkan: “Tidak disyariatkan ibadah melainkan dengan syariat Allah. Tidak diharamkan adat melainkan dengan pengharaman Allah.”

Bab 1: 2. Kuasa menghalalkan dan mengharamkan sesuatu adalah hak mutlak Allah

Asas kedua: Islam telah menghadkan kuasa untuk menghalalkan dan mengharamkan. Ia mencabutnya dari tangan manusia. Mereka tidak memiliki kuasa ini setinggi manapun kedudukan mereka di sisi Allah dan di mata dunia. Islam menjadikan kekuasaan menghalal dan mengharamkan sesuatu itu milik mutlak Allah Taala. Bukan paderi, bukan pendeta dan bukan raja yang memiliki kuasa untuk mengharamkan sesuatu…. Barangsiapa yang melakukannya juga, maka dia dianggap telah melanggar garis sempadan yang telah tetapkan, dan dianggap telah menentang hak ketuhanan dalam mentetapkan syariat untuk manusia. Dan, barangsiapa yang redha terhadap perbuatan ini, atau menjadi pengikutnya, maka dia telah menjadikan mereka itu sebagai sekutu-sekutu Allah. Dan dapatlah dikatakan bahawa para pengikutnya itu sebagai orang yang menyekutukan Allah (musyrik). Firman Allah Taala:

Ertinya: "Apakah mereka itu mempunyai sekutu yang mengadakan agama untuk mereka, sesuatu yang tidak diizinkan Allah?" (as-Syura: 21)

Al-Quran telah menceritakan keburukan Ahli Kitab yang menjadikan kuasa menghalal dan mengharam di tangan paderi-paderi dan pendeta-pendeta mereka, firmanNya:

Ertinya: "Mereka itu telah menjadikan para paderi dan pendetanya sebagai tuhan selain Allah; dan begitu juga Isa bin Maryam (telah dituhankan), padahal mereka tidak diperintah melainkan supaya hanya berbakti kepada Allah Tuhan yang Esa, tiada Tuhan melainkan Dia, maha suci Allah dari apa-apa yang mereka sekutukan." (at-Taubah: 31)

Pada suatu ketika `Adi bin Hatim telah datang kepada Rasulullah s.a.w. - beliau begitu akrab dengan orang-orang Nasrani sebelum memeluk Islam -, maka apabila beliau mendengar Rasulullah s.a.w. membaca ayat ini, dia berkata:

Ertinya: “Wahai Rasulullah s.a.w., mereka tidak menyembah para paderi dan pendeta mereka.” Rasulullah s.a.w. menjawab: “Memang benar, tetapi mereka mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram, kemudian para pengikutnya menuruti mereka. Perbuatan demikian itu adalah penyembahan kepada mereka.” (HR al-Tarmizi dan selainnya, serta menganggapnya sebagai Hasan).

Di dalam satu riwayat lain ada menyebutkan ketika Nabi s.a.w. menafsirkan ayat ini:

Ertinya: “Adapun mereka tidaklah menyembah para paderi dan pendeta mereka, tetapi apabila para paderi dan pendeta mengharamkan sesuatu, maka mereka turuti. Dan apabila menghalalkan sesuatu yang halal, juga mereka turuti.”

Orang-orang Kristian, masih lagi menyangka bahawa Nabi Isa a.s. ketika dinaikkan ke langit, telah memberi kepada para muridnya hak untuk menetapkan halal dan haram sesuka hati. Hal ini ada disebutkan di dalam Injil Matius 18:18:

“Sesungguhnya aku berkata kepadamu, apa sahaja yang kamu ikat di atas mukabumi ini, maka itulah yang akan terikat di syurga. Dan apa yang lepaskan di atas mukabumi ini, maka itulah yang akan terlepas di syurga nanti.”

Al-Quran juga telah menceritakan kesalahan kaum musyrikin yang menetapkan halal dan haram di luar keizinan Allah:

Ertinya: "Katakanlah! Apakah kamu mengetahui apa-apa yang Allah telah turunkan untuk kamu daripada rezeki, kemudian dijadikan sebagian daripadanya itu, haram dan halal; katakanlah apakah Allah telah memberi izin kepadamu, ataukah memang kamu hendak berdusta atas (nama) Allah?" (Yunus: 59)

Firman Allah lagi:

Ertinya: "Dan jangan kamu berani mengatakan terhadap apa yang dikatakan oleh lidah-lidah kamu dengan dusta; bahawa ini halal dan ini haram, supaya kamu berbuat dusta atas (nama) Allah, sesungguhnya orang-orang yang berani berbuat dusta atas (nama) Allah tidak akan dapat bahagia." (an-Nahl: 116)

Dari ayat-ayat dan Hadis-hadis ini, para fuqaha’ Islam telah mengetahui secara yakin, bahawa:

Bahawa hanya Allah sahajalah yang mempunyai hak mutlak untuk menetapkan halal dan haram di dalam KitabNya, atau melalui perantaraan lidah rasulNya. Tugas para fuqaha’ ini tidak lebih dari menjelaskan atau menerangkan hukum-hakam Allah sahaja, samada yang telah dihalalkan atau yang diharamkan. Firman Allah:

Ertinya: "Sungguh Allah telah menerangkan kepada kamu apa yang Ia haramkan atas kamu." (al-An'am: 119)

Dan, bukanlah tugas para fuqaha’ ini membuat satu syariat agama untuk manusia, apa yang boleh dan apa yang tidak boleh (mereka tidak ada kuasa itu). Mereka ini dengan taraf

mereka sebagai imam dan mujtahid, cuba menghindarkan diri dari berfatwa. Masing-masing berusaha agar tidak terjebak ke dalam jurang kesalahan menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal.

Diriwayatkan oleh imam al-Syafi'I di dalam kitabnya al-Umm (7/317), daripada al-Qadhi Yusof, murid Abu Hanifah, katanya: "Saya mendapati guru-guru kami dari kalangan ahli ilmu tidak suka berfatwa dengan mengatakan bahawa ini halal dan ini haram, kecuali apa yang ada di dalam Kitab Allah dengan jelas tanpa ada penafsiran."

Ibnu al-Sa'ib telah menceritakan kepada kami daripada al-Rabi' bin Khaitsam - yang merupakan sebaik-baik tabi'in -, katanya: "Berhati-hatilah terhadap seorang lelaki yang berkata: Sesungguhnya Allah telah menghalalkan ini atau meredhainya, lalu Allah berkata kepadanya: Aku tidak menghalalkan ini dan tidak meredhainya. Atau lelaki itu berkata: "Sesungguhnya Allah telah mengharamkan ini, lalu Allah berkata kepadanya: Engkau berdusta. Aku tidak tidak mengharamkan dan melarangnya."

Sebahagian sahabat-sahabat kami telah menceritakan kepada kami daripada Ibrahim al-Nakha'I - salah seorang dari fuqaha' besar tabi'in di Kufah -, dia menceritakan mengenai sahabat-sahabatnya: "Sesungguhnya mereka apabila berfatwa tentang sesuatu atau melarang sesuatu, mereka akan berkata: "Ini makruh." "Ini tidak mengapa." Adapaun untuk kami mengatakan: "Ini halal dan ini haram, maka apakah yang lebih dahsyat daripada ini!!"

Ini adalah yang telah dinukilkan oleh Abu Yusof daripada salafus soleh dan yang telah dinukilkan juga oleh al-Syafi'I dan beliau mengakuinya. Dan, samalah halnya dengan apa yang telah dinukilkan oleh Ibnu Muflih daripada Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah: "Bahawa salafus soleh tidak secara mutlak mengharamkan sesuatu kecuali setelah diketahui pengharamannya secara pasti." (Perkara ini disokong oleh apa yang telah diriwayatkan bahawa para sahabat tidak menjauhi khamar secara menyeluruh selepas turun ayat dari (al-Baqarah 219), kerana ayat ini tidak ada kata putus di dalam pengharamannya. Mereka menjauhinya secara total setelah turun ayat dari (al-Maidah).

Begitulah kita akan dapati imam seperti imam Ahmad bin Hanbal apabila ditanya mengenai suatu perkara, beliau akan menjawab: "Saya membencinya, atau saya tidak menyenanginya, atau saya tidak menyukainya, atau saya tidak menganggapnya sebagai elok."

Perkara seumpama inilah yang diriwayatkan daripada Malik, Abu Hanifah dan seluruh imam-imam lainnya.

Bab 1: 3. Mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram sama seperti syirik

Apabila Islam memberi celaan ke atas semua orang-orang yang mengharamkan dan menghalalkan, maka ia memberi pengkhususan kepada orang-orang yang mengharamkan dengan celaan yang lebih berat lagi. Memandangkan golongan ini memberi kongkongan ke atas manusia serta mempersempitkan apa yang telah Allah Taala luaskan. Dan memandangkan juga ia berkaitan dengan sikap keras dan berlebih-lebihan oleh sebahagian ahli agama yang memang berpengaruh.

Nabi s.a.w. telah memerangi sikap keras dan berlebihan dengan segenap senjata yang ada. Baginda s.a.w. mengutuk sikap berkenaan dan mengkhabarkan tentang kebinasaan mereka dalam sabdanya:

Ertinya: "Ingatlah! Mudah-mudahan binasalah orang-orang yang berlebih-lebihan itu." (3 kali). (Riwayat Muslim dan lain-lain)

Baginda s.a.w. telah mengumumkan mengenai risalah yang dibawanya melalui sabdaannya:

Ertinya: “Aku diutus dengan membawa suatu agama yang sederhana.”

Iaitu bersederhana di dalam akidah dan tauhid, bersederhana dalam urusan amal dan pensyariatan. Ia menjadi musuh kepada dua perkara, iaitu syirik dan pengharaman sesuatu yang halal. Kedua-duanya ada disebutkan oleh Nabi s.a.w. dari apa yang diriwayatkannya dari Allah:
Ertinya: "Aku ciptakan hamba-hambaKu ini dengan sikap yang lurus, tetapi kemudian datanglah syaitan kepada mereka. Syaitan ini kemudian memalingkan mereka dari agamanya, dan mengharamkan atas mereka sesuatu yang Aku halalkan kepada mereka, serta mempengaruhi supaya mereka menyekutukan Aku dengan sesuatu yang Aku tidak turunkan keterangan padanya." (Riwayat Muslim)

Oleh itu, mengharamkan yang halal samalah dengan syirik. Kerana itulah al-Quran dengan begitu tegas menentang kesyirikan dan keberhalaan yang ada pada orang-orang Arab Jahiliyah. Juga ditentangnya sikap mengharamkan ke atas diri mereka perkara-perkara yang baik dan halal samada tanaman atau haiwan, sedangkan perbuatan mereka itu di luar dari keizinan Allah Taala. Atas sikap inilah, maka mereka telah mengharamkan bahirah, sa’ibah, washilah dan ham.

Mereka ini, pada zaman jahiliyah, apabila unta betina telah beranak sebanyak lima kali, manakala anak kelima itu adalah jantan, maka mereka belah telinganya dan ia tidak boleh ditunggangi. Unta betina tadi diserahkan kepada berhala-berhala mereka. Selain itu, unta ini

tidak akan disembelih, tidak digunakan untuk mengangkut bebanan dan menarik air. Mereka menamakan unta ini sebagai al-bahirah, iaitu unta yang dibelah telinganya.

Dan, jika ada seseorang yang baru kembali dari bermusafir, atau baru sembuh dari penyakit atau seumpamanya, seekor untanya akan diberi tanda. Unta ini diperlakukan seperti unta al-bahirah tadi. Mereka menamakannya sebagai al-sa'ibah.

Seekor kambing betina pula, apabila ia melahirkan anak betina, maka anak kambing itu adalah menjadi milik pemiliknya. Sebaliknya jika anak itu jantan, maka ia adalah untuk berhala-berhala mereka. Manakala jika kambing betina tadi melahirkan anak jantan dan betina, mereka akan berkata: "Ia sampai kepada saudaranya." Anak kambing jantan ini tidak akan disembelih. Ia diserahkan untuk berhala-berhala mereka. Kambing ini mereka namakan sebagai al-washilah.

Dan, seekor unta apabila ia membuntingkan anak-anaknya, mereka akan berkata: "Sesungguhnya ia sudahpun melindungi punggungnya." Unta ini tidak akan ditunggangi, tidak akan diberi beban muatan dan seumpamanya. Unta ini dinamakan sebagai al-hami.

Terdapat pelbagai penafsiran mengenai empat nama ini (Bahirah, sa'ibah, washilah dan ham) yang berkisar masalah berkenaan.

Al-Quran telah menolak perbuatan pengharaman yang mereka lakukan itu. Al-Quran tidak menerima alasan mereka kerana mengikut nenek moyang mereka di dalam perkara yang sesat itu:
Ertinya: "Allah tidak menjadikan (mengharamkan) bahirah, saibah, washilah dan ham, tetapi orang-orang kafirlah yang berbuat dusta atas (nama) Allah, dan kebanyakan mereka itu tidak hendak berfikir. Dan apabila dikatakan kepada mereka: Mari kepada apa yang telah diturunkan Allah dan kepada Rasul, maka mereka menjawab: Kami cukup menirukan apa yang kami jumpai pada nenek-nenek moyang kami; apakah (mereka tetap akan mengikutinya) sekalipun nenek-nenek moyangnya itu tidak berpengetahuan sedikitpun dan tidak terpimpin?" (al-Maidah : 103-104)

Di dalam surah al-An'am, terdapat diskusi yang terperinci terhadap sangkaan mereka di dalam mengharamkan haiwan ternak seperti unta, lembu dan kambing. Al-Quran memaparkannya dengan cara yang cukup mematikan, tetapi dapat membangkitkan:

"Ada lapan jenis haiwan; dari kambing biri-biri ada dua, dan dari kambing biasa ada dua pula; katakanlah (Muhammad): Apakah kedua-duanya yang jantan itu yang diharamkan, atau kedua-duanya yang betina ataukah semua yang dikandung dalam kandungan yang betina kedua-duanya? (Cubalah) beri penjelasan aku dengan suatu dalil, jika kamu orang-orang

yang benar! Begitu juga dari unta ada dua macam,- dan dari lembu ada dua macam juga; katakanlah (Muhammad!) apakah kedua-duanya yang jantan itu yang diharamkan, ataukah kedua-duanya yang betina?" (al-An'am: 143-144)

Di dalam surah al-A'raf terdapat satu lagi diskusi di mana Allah telah mengingkari mereka yang melakukan pengharaman berkenaan. Dinyatakan juga prinsip-prinsip asas yang bersifat kekal dalam menetapkan hukum haram:

Ertinya: "Katakanlah! Siapakah yang berani mengharamkan perhiasan Allah yang telah diberikan kepada hamba-hambaNya dan beberapa rezeki yang baik itu? Katakanlah! Tuhanku hanya mengharamkan hal-hal yang tidak baik yang timbul daripadanya dan apa yang tersembunyi dan dosa dan durhaka yang tidak benar dan kamu menyekutukan Allah dengan sesuatu yang Allah tidak turunkan keterangan padanya dan kamu mengatakan atas (nama) Allah dengan sesuatu yang kamu tidak mengetahui." (al-A'raf: 32-33) Diskusi-diskusi ini terdapat di dalam surah-surah al-Makkiyah (ayat yang diturunkan di Mekah), yang sentiasa memberi penekanan terhadap kemantapan akidah, tauhid dan hari akhirat. Ia dapat memberi kita petunjuk bahawa masalah ini bukanlah masalah cabang, tetapi ia adalah masalah dasar.

Di kalangan kaum muslimin di Madinah terdapat beberapa orang yang bersikap keras dan berlebihan. Mereka mengharamkan diri mereka perkara-perkara yang baik. Lalu Allah Taala menurunkan ayat-ayat muhkamah agar mereka dapat berdiri di atas batasan-batasan yang telah ditetapkan oleh Allah, dan mengembalikan mereka ke jalan Islam yang lurus. FirmanNya:

Ertinya: "Hai orang-orang yang beriman: Janganlah kamu mengharamkan yang baik-baik (dari) apa yang Allah telah halalkan buat kamu, dan jangan kamu melewati batas, kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang suka melewati batas. Dan makanlah sebagian rezeki yang Allah berikan kepadamu dengan halal dan baik, dan takutlah kamu kepada Allah zat yang kamu beriman dengannya." (al-Maidah: 87-88)

Bab 1: 4. Mengharamkan yang Halal akan mengakibatkan Timbulnya Kejahatan dan Bahaya

Adalah menjadi hak Allah Taala sebagai pencipta da yang memberi manusia nikmat yang tidak terhingga untuk menetapkan halal dan haram ke atas mereka sekehendakNya. Sepertimana Dia juga berhak sekehendakNya menetapkan pembebanan hukum (takalif) dan syiar-syiar ibadah. Manusia sama sekali tidak boleh membangkang atau mengingkarinya.

Kerana ini adalah hak ketuhanan (rububiya) Allah untuk manusia dan kehendak udubiyah (pengabdian) manusia kepadaNya.

Namun, Allah Taala Maha pengasih kepada para hambaNya. Bukti kasiNya, Dia menjadikan sesuatu itu halal dan sesuatu itu haram dengan ada alasan yang logik (illah) di sebaliknya. Alasan-alasan yang wujud di sebalik halal dan haram ini adalah untuk kebaikan manusia itu sendiri. Oleh itu, Dia tidak menghalalkan sesuatu melainkan yang baik-baik sahaja. Dan Dia tidak mengharamkan sesuatu melainkan hanya yang keji dan buruk sahaja.

Memang benar, dahulu Allah pernah mengharamkan ke atas umat Yahudi sebahagian perkara yang baik-baik.. Namun, itu tidak lain hanyalah sebagai hukuman atas sikap berontak mereka yang melampau dan mengenepikan larangan-larangan Allah. Perkara ini ada disebutkan di dalam firman Allah Taala:

Ertinya: "Dan kepada orang-orang Yahudi kami haramkan semua haiwan yang berkuku, dan dari lembu dan kambing kami haramkan lemak-lemaknya, atau (lemak) yang terdapat di punggungnya, atau yang terdapat dalam perut, atau yang tercampur dengan tulang. Yang demikian itu kami (sengaja) hukum mereka lantaran kedurhakaan mereka, dan sesungguhnya kami adalah (di pihak) yang benar." (al-An'am: 146)

Allah Taala juga telah memberi satu gambaran lain tentang sikap berontak mereka ini, firmanNya:

Ertinya: "Sebab kezaliman yang dilakukan oleh orang-orang Yahudi itu, maka kami haramkan atas mereka (makanan-makanan) yang baik yang tadinya telah dihalalkan untuk mereka; dan sebab gangguan mereka terhadap agama Allah dengan banyak; dan sebab mereka memakan harta riba padahal telah dilarangnya; dan sebab mereka memakan harta manusia dengan cara yang batil." (an-Nisa': 160-161)

Dan, apabila Allah Taala mengutuskan rasul terakhir dengan agama yang universal dan abadi, maka dengan sifat rahmatNya ke atas bangsa manusia dan selepas mereka bersifat matang, Dia telah mengangkat hukum haram yang pernah dikenakan ke atas kaum sebelum ini. Di mana hukum yang pernah dikenakan itu merupakan hukum sementara untuk mendidik mereka. Hukuman berkenaan cukup berat yang membelenggu leher.

Risalah yang dibawa oleh Nabi Muhamad s.a.w. sudah tercatat di dalam Taurat dan sudah ada di tangan ahli kitab, sebagaimana yang telah disebutkan oleh al-Quran:
Ertinya: "Mereka (ahli kitab) itu mengetahui dia (nama Muhammad) tertulis di sisi mereka dalam Taurat dan Injil --dengan tugas-- untuk mengajak kepada kebajikan dan melarang daripada kemungkaran, dan menghalalkan kepada mereka yang baik-baik, dan

mengharamkan atas mereka yang tidak baik, serta mencabut dari mereka beban mereka dan belenggu yang ada pada mereka." (al-A'raf: 157)

Di dalam Islam, untuk menebus dosa dan kesalahan, Allah tidak mensyariatkan penebusan dengan mengharamkan sesuatu yang baik-baik. Tetapi dengan perkara lain. Di sana kita dapat lihat ada penebusan dosa dengan taubat nasoha yang dapat menghapus dosa sebagaimana air menghapuskan kotoran. Di sana ada juga amalan baik yang dapat menyingkirkan dosa. Di sana ada lagi sedekah yang dapat memadamkan dosa sebagaimana air dapat memadamkan api. Di sana ada juga dugaan, ujian dan musibah yang mampu menggugurkan dosa seperti dedaunan yang berguguran dari pohonnya sewaktu musim sejuk.

Dengan demikian, dapatlah diketahui bahawa di dalam Islam pengharaman terhadap sesuatu yang halal itu akan mengakibatkan keburukan dan kemudaratan. Menurut Islam, apa yang benar-benar memberi mudarat, maka ia adalah haram. Apa yang benar-benar baik dan bagus, maka ia adalah halal. Apa yang kemudaratannya lebih besar dari kemanfaatannya, maka ia adalah haram. Dan, apa yang manfaatnya lebih besar, maka ia adalah halal. Perkara ini telah dijelaskan di dalam al-Quran mengenai khamar dan judi:

Ertinya: "Mereka menanyakan kepadamu (Muhammad) tentang hukum arak dan berjudi, maka jawablah: bahawa keduanya itu ada suatu dosa yang besar, di samping dia juga bermanfaat bagi manusia, tetapi dosanya lebih besar daripada manfaatnya." (al-Baqarah: 219)

Ia menjadi suatu jawapan yang begitu jelas sekali, apabila ditanya mengenai perkara yang halal di dalam Islam, maka jawapannya ialah: Ia adalah perkara yang baik-baik. Maksudnya, ia adalah perkara-perkara yang dianggap baik oleh jiwa yang normal dan dapat digunapakai oleh semua manusia. Tanggapan begini tidak timbul hasil dari pengaruh adat dan tradisi.

Ertinya: "Mereka akan bertanya kepadamu (Muhammad) tentang apa saja yang dihalalkan untuk mereka? Maka jawablah: semua yang baik adalah dihalalkan buat kamu." (al-Maidah: 4)

Bukanlah menjadi satu kemestian bagi seorang muslim untuk mengetahui secara terperinci perkara-perkara yang keji atau yang memudaratkan yang kerana itulah Allah haramkannya. Ia tidak semestinya diketahui secara satu-persatu, kerana adakalanya ia tidak kelihatan, tetapi kelihatan pada orang lain. Adakalanya juga, perkara yang keji itu tidak tersingkap pada suatu zaman, tetapi ia terbongkar pada zaman akan datang. Oleh itu, yang menjadi kewajipan atau kemestian bagi seorang muslim ialah sentiasa mengucapkan “saya dengar dan saya taat.”

Tidakkah kita melihat bahawa Allah mengharamkan babi, sedangkan orang-orang Islam tidak tahu apakah alasan (illah) pengharaman itu melainkan kerana ia kotor dan jijik. Kemudian dengan perkembangan kemajuan zaman, maka tersingkaplah rahsia pengharaman berkenaan. Baru dapat diketahui bahawa di dalam daging babi itu ada cacing dan bakteria yang membunuh.

Seandainya tidak tersingkap pengetahuan mengenai rahsia di sebalik pengharaman babi, ataupun tersingkap lebih dari apa yang disebutkan tadi, maka seorang muslim akan tetap berpegang teguh bahawa ia tetap najis.

Ertinya: "Takutlah kamu kepada tiga pelaknat (tiga perkara yang menyebabkan seseorang mendapat laknat Allah), iaitu: bwang air besar di tempat mata air, di jalan besar dan di bawah pohon (yang biasa dipakai berteduh)." (Riwayat Abu Daud, Ibnu Majah, Hakim dan Baihaqi)

Pada kurun pertama, manusia hanya sekadar mengetahui bahawa ia adalah sesuatu yang keji. Perasaan yang sihat dan tatasusila secara umumnya tidak dapat menerimanya. Namun apabila ilmu pengetahuan bertambah maju, maka tersingkaplah bahawa tiga pelaknat itu dapat membahayakan kesihatan umum. Ia merupakan punca utama penyebaran wabak penyakit kanak-kanak yang merbahaya seperti anchylostoma dan bilharzia.

Begitulah keadaannya apabila cahaya ilmu semakin terpancar, kita semakin berpelwang untuk mengetahui apa yang ada di sebalik penghalalan dan pengharaman di dalam Islam, dan juga apa sahaja yang disyariatkan olehnya. Bagaimana tidak, ia disyariatkan oleh Tuhan yang Maha Mengetahui lagi Bijaksana serta Maha Pengasih. FirmanNya:

Ertinya: "Allah mengetahui orang yang suka berbuat jahat dari pada orang yang berbuat baik; dan jika Allah hendak, nescaya Ia akan beratkan kamu, kerana sesungguhnya Allah Maha Gagah dan Maha Bijaksana." (al-Baqarah: 220)

Bab 1: 5. Setiap yang Halal Tidak Memerlukan yang Haram

Sebahagian dari kebaikan Islam dan sikapnya yang memudahkan manusia ialah, Islam tidak akan mengharamkan sesuatu melainkan ia digantikan dengan sesuatu yang lebih baik lagi yang dapat memenuhi apa yang diperlukan dalam hal berkenaan. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ibnul Qaiyim rhm (Raudhatul Muhibbin, hal. 10, I'lam al-Muwaqi'in, 2/111):

1. Allah Taala mengharamkan menilik nasib dengan membahagi-bahagikan daging kepada azlam. Ia digantikan dengan doa istikharah.

2. Allah Taala mengharamkan riba, dan digantikan dengan menghalalkan perniagaan yang menguntungkan.

3. Allah Taala mengharamkan judi, dan ia digantikan dengan menghalalkan perolehan harta melalui pertandingan yang ada manfaatnya untuk agama, seperti berlumba kuda, unta dan memanah.
4. Allah Taala mengharamkan sutera, dan ia digantikan dengan menghalalkan jenis-jenis pakaian yang mahal samada dari bulu dan kapas.

5. Allah taala mengharamkan zina dan liwath, dan ia digantikan dengan menghalalkan perkahwinan.

6. Allah Taala mengharamkan meminum khamar/arak, dan ia digantikan dengan menghalalkan minuman-minuman yang lazat serta yang memberi faedah untuk roh dan tubuh badan.

7. Allah Taala mengharamkan makanan-makanan yang tidak baik, dan ia digantikan dengan menghalalkan sejumlah makanan yang baik-baik.

Begitulah keadaannya jika kita patuh kepada semua hukum-hakam Allah, kita akan dapati bahawa Allah tidak akan mengharamkan sesuatu, melainkan pada sisi lain Dia akan membuka pintu keluasan kepada hamba-hambaNya. Kerana Allah tidak mengkehendaki hamba-hambaNya merasa sempit, susah dan takut. Malah sebaliknya و Dia mengkehendaki hamba-hambaNya merasa senang, mudah, beroleh kebaikan, petunjuk dan rahmat. Sebagaimana dalam firman Allah Taala:

Ertinya: "Allah berkehendak akan menerangkan kepadamu dan memberikan petunjuk kepadamu tentang cara-cara (sunnah) yang dilakukan orang-orang sebelum kamu, dan Allah juga berkehendak untuk menerima taubatmu, dan Allah adalah Zat yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana. Allah berkehendak untuk menerima taubatmu, tetapi orang-orang yang mengikuti keinginan hawa nafsunya itu berkehendak untuk berpaling dengan palingan yang sangat. Allah (juga) berkehendak untuk memberikan keringanan kepadamu, sebab manusia itu dicipta dengan keadaan yang lemah." (an-Nisa': 26-27)

Bab 1: 6. Perkara-perkara yang Membawa Kepada Haram adalah Haram

Sebahagian dari asas-asas yang telah ditetapkan oleh Islam ialah: Apabila sesuatu itu diharamkan, maka perantara (wasilah) yang membawa kepadanya juga dihukumkan sebagai haram. Dan, ditutup pintu-pintu yang boleh membawa kepada perkara haram itu.

Apabila Islam mengharamkan zina, sebagai contoh, diharamkan juga segala mukadimah zina dan perkara-perkara yang boleh membawa ke arah itu. Seperti mempamerkan perhiasan (tabarruj jahiliyah), berkhalwat/berdua-duaan yang diharamkan, bercampur gaul dengan bebas, gambar lucah/porno, tidak berkahlak, nyanyian tidak bermoral dan seterusnya....

Dari sinilah para fuqahak telah menetapkan satu kaedah: "Perkara-perkara yang boleh membawa kepada haram adalah haram."

Kaedah ini mirip kepada apa yang telah Islam tetapkan, iaitu dosa perbuatan haram itu tidak hanya terbatas ke atas pelakunya sahaja secara langsung, tetapi ia menyebar ke kawasan yang luas. Ia meliputi kepada mereka yang terbabit samada melalui material ataupun moral. Setiap seorang dari mereka mendapat dosa bersesuaian dengan kadar pembabitannya.

Di dalam masalah arak, Nabi s.a.w. telah mengisytiharkan bahawa peminum, pemerah (yang membuat), yang menghidangkan, yang diberi, penjual dan seterusnya... adalah berdosa semuanya. Masalah ini akan dijelaskan pada babnya...

Di dalam masalah riba pula, Baginda memberitahu yang berdosa ialah pemakan riba, pemberi riba, penulis dan para saksinya.

Begitula keadaannya, semua perkara yang dapat membantu kepada perbuatan haram, adalah haram. Dan, sesiapa sahaja yang membantu atas perkara yang diharamkan, maka dia akan terlibat dalam dosanya.

Bab 1: 7. Berhelah Dalam Perkara yang Haram, Hukumnya adalah Haram

Sebagaimana Islam mengharamkan setiap perbuatan yang boleh membawa kepada haram dengan cara yang jelas kelihatan, diharamkan juga perbuatan membuat helah untuk melakukan perbuatan haram itu dengan cara yang tersembunyi dan helah syaitan.

Rasulullah s.a.w pernah mencela orang-orang Yahudi atas perbuatannya menghalalkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dengan jalan helah. Sabdanya:

Ertinya: "Jangan kamu berbuat seperti perbuatan Yahudi, dan jangan kamu menganggap halal terhadap larangan-larangan Allah walaupun dengan helah yang paling kecil." (Disebutkan oleh Ibnul Qaiyim di dalam Ighatsatul Lahafan: 1/348, katanya: Ia diriwayatkan oleh Abu Abdullah bin Batthah dengan sanad yang baik. Ia disahihkan seumpamanya oleh

al-Tarmizi)

Dapat dilihat, orang-orang Yahudi diharamkan menangkap ikan pada hari Sabtu. Mereka melakukan helah atas perkara yang diharamkan ini. Caranya ialah, mereka menggali parit pada hari Jumaat, supaya ikan-ikan dapat masuk pada hari Sabtu. Nanti, pada hari Ahad, mereka akan ambil ikan-ikan berkenaan.

Perbuatan di atas, oleh orang-orang yang melakukan helah dianggap sebagai tidak mengapa. Namun bagi fuqaha' Islam, ia adalah perbuatan haram. Kerana tujuannya adalah untuk menangkap ikan, samada melalui cara helah ataupun secara langsung.
Sebahagian dari helah yang berdosa ialah memberi nama sesuatu yang diharamkan dengan satu nama lain. Diubah rupabentuknya tetapi bendanya yang itu juga. Dan, tidak syak lagilah bahawa tidak dapat diambil kira dengan perubahan nama sedangkan ia adalah benda itu juga. Dan tidaklah boleh juga diambil kira dengan berubahnya rupabentuk sedangkan hakikat benda yang berubah itu adalah benda itu juga.

Sesiapa sahaja yang cuba mereka-reka rupabentuk lain dengan tujuan mahu melakukan helah untuk menghalalkan riba, atau mengubah nama khamar dengan tujuan melakukan helah untuk menghalalkan khamar, maka sesungguhnya dosa memakan riba dan meminum khamar itu tetap ada dan tidak berubah. Ini ada disebutkan di dalam hadis Rasulullah s.a.w.:

Ertinya: "Sungguh akan ada satu golongan dari ummatku yang menganggap halal minum arak dengan memberikan nama lain." (Riwayat Ahmad)

Ertinya: "Akan datang suatu masa di mana manusia menganggap halal riba dengan nama jual-beli." (Ada disebutkan di dalam Ighatsatul Lahafan, 1/325)

Sesuatu yang sungguh pelik pada zaman kita ini di mana tarian bogel mereka beri nama seni, khamar mereka beri nama minuman kerohanian dan riba mereka namakan dengan faedah.. Begitulah seterusnya.

Bab 1: 8. Niat Baik Tidak Dapat Melepaskan yang Haram

Islam menghargai apa sahaja yang dapat membangkitkan perbuatan mulia, niat yang baik dan mulia di dalam semua pensyariatannya dan penghalaannya. Nabi Muhamad s.a.w. telah bersabda:

Ertinya: Sesungguhnya setiap amalan itu dengan niat, dan sesungguhnya setiap orang itu dinilai berdasarkan apa yang diniatkannya." (Bukhari)

Dengan niat yang baik, perkara yang harus/mubah dan adat dapat diangkat menjadi ketaatan dan ibadah kepada Allah. Sesiapa yang makan makanan dengan niat untuk memelihara kehidupannya, menguatkan tubuh badan dan supaya dapat melaksanakan kewajipan terhadap Tuhan dan umatnya, maka makan dan minumnya itu menjadi ibadah.

Dan sesiapa sahaja yang melepaskan syahwat seks bersama isterinya dengan niat untuk mendapatkan anak atau untuk memelihara diri dan keluarganya dari terjebak ke lembah maksiat, maka perbuatannya itu adalah ibadah yang berhak diberi pahala. Dalam hal ini Nabi s.a.w. telah bersabda:
Ertinya: "Pada kemaluanmu itu ada sadaqah. Para sahabat kemudian bertanya: Apakah kalau kita melepaskan syahwat juga mendapatkan pahala? Jawab Nabi: Apakah kalau dia lepaskan pada yang haram, dia juga akan beroleh dosa? Maka begitu jugalah halnya kalau dia lepaskan pada yang halal, dia pun akan beroleh pahala." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Sabdanya lagi:

Ertinya: "Barangsiapa mencari rezeki yang halal dengan niat untuk menjaga diri supaya tidak minta-minta, dan berusaha untuk mencukupi keluarganya, serta supaya dapat ikut berbelas kasih (membantu tetangganya), maka kelak dia akan bertemu Allah (di akhirat) sedang wajahnya bagaikan bulan di malam purnama." (Riwayat Thabarani)

Begitulah keadaanya pada setiap amalan yang diharuskan/mubah yang dikerjakan oleh seorang mukmin, yang ada di dalamnya niat yang baik, maka ia dapat diangkat menjadi ibadah kepada Allah. Manakala perkara yang diharamkan, ia akan tetap dihukum sebagai haram, sekalipun orang yang melakukannya berniat baik atau bertujuan mulia.

Islam selama-lamanya tidak mengakui perbuatan menjadikan perkara yang haram itu sebagai jembatan untuk mencapai matlamat yang terpuji. Kerana Islam memelihara kemuliaan tujuan dan membersihkan wasilah/perantaraan secara serentak. Syariat Islam tidak mengakui sama sekali prinsip: “Matlamat menghalalkan cara.” Atau prinsip: “Untuk menuju kebenaran. Tidak mengapa jika bergelumang dengan banyak kebatilan.” Malah Islam mengatakan, untuk menuju matlamat yang benar mestilah melalui cara yang benar juga.

Barangsiapa yang mengumpul harta dengan riba, maksiat, permainan yang diharamkan, judi atau apa sahaja amalan yang diharamkan untuk membina masjid atau untuk projek-projek kebajikan atau sebagainya, maka ia tidak menjadi syafaat sekalipun niat tujuannya adalah baik. Dan ia juga tidak dapat menghilangkan dosa perbuatan haram berkenaan. Kerana di dalam Islam, perkara yang diharamkan terkesan dengan niat dan tujuan yang baik.

Ini adalah apa yang telah diajarkan oleh Rasullah s.a.w. kepada kita semua, ketika baginda s.a.w. bersabda:

Ertinya: "Sesungguhnya Allah itu baik, Ia tidak hendak menerima kecuali yang baik pula. Allah pun memerintah kepada orang mu'min seperti halnya perintah kepada para Rasul." Kemudian bagida s.a.w. membaca ayat:

"Hai para Rasul! Makanlah dari yang baik-baik (halal) dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya aku Maha Mengetahui apa saja yang kamu perbuat." (al-Mu'minun: 51)
"Hai orang-orang yang beriman! Makanlah dari barang-barang baik yang telah Kami berikan kepadamu." (al-Baqarah: 172)
"Kemudian ada seorang lelaki yang datanq dari tempat yang jauh, rambutnya tidak terurus penuh dengan debu, dia mengangkat kedua tangannya ke langit sambil berdoa: yaa rab, yaa rab (hai Tuhanku, hai Tuhanku), padahal makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan diberi makan dengan barang yang haram pula, maka bagaimana mungkin doanya itu dikabulkan?" (Riwayat Muslim dan Tarmizi)

Baginda bersabda lagi:

Ertinya: "Barangsiapa mengumpulkan wang dari jalan yang haram kemudian dia sedekahkan harta itu, sama sekali dia tidak akan beroleh pahala, bahkan dosanya akan menimpa dia " (Riwayat Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibban dan Hakim)

Ertinya: "Tidak seorang pun yang bekerja untuk mendapatkan kekayaan dengan jalan haram kemudian ia sedekahkan, bahawa sedekahnya itu akan diterima; dan kalau dia infaqkan tidak juga mendapat barakah; dan tidak pula ia tinggalkan di belakang punggungnya (sesudah ia meninggal), melainkan dia itu sebagai perbekalan ke neraka. Sesungguhnya Allah tidak akan menghapuskan kejahatan dengan kejahatan, tetapi kejahatan dapat dihapus dengan kebaikan. Kejelekan tidaklah dapat menghapuskan kejelekan." (Riwayat Ahmad dan lain-lain)

Bab 1: 9. Menghindarkan Diri dari Syubhat Kerana Bimbang Terjebak ke dalam Haram

Sebahagian daripada rahmat dan kasih sayang Allah terhadap manusia ialah, tidak dibiarkan manusia ini berada dalam kegelapan tentang hal halal dan haram. Malah yang dijelaskan yang mana halal dan yang mana haram. Sebagaimana firman Allah:
Ertinya: "Dan sungguh Allah telah menerangkan kepadamu apa-apa yang Ia haramkan atas kamu." (al-An'am: 119)

Mana-mana yang jelas halal, maka tidak ada halangan untuk dikerjakan. Mana-mana yang jelas haram, maka tidak boleh dikerjakan (tidak ada rukhsah) ketika tidak di dalam keadaan darurat.

Dan, di sana terdapat suatu daerah yang berada di antara halal yang nyata dan haram yang nyata. Itulah dia daerah syubhat yang oleh sebahagian manusia keadaannya samar antara halal dan haram. Adakalanya kesamaran ini disebabkan oleh dalil-dalilnya yang tidak jelas. Adakalanya penerapan nash (tathbiq nash) atas masalah berkenaan tidak jelas.

Islam menggolongkan orang Islam yang menjauhkan diri dari syubhat ini sebagai warak. Ia dijauhi agar tidak terjebak kepada perkara yang dapat membawanya kepada perkara yang diharamkan. Ia adalah sebahagian dari sadduz zara'I (menutup pintu kemaksiatan) yang telahpun kita bincangkan sebelum ini. Dan, ia juga semacam suatu jenis pendidikan yang berpandangan jauh dan yang dapat menelusuri hakikat kehidupan manusia.

Asal untuk prinsip ini ialah sabda Rasulullah s.a.w:
Ertinya: "Yang halal sudah jelas dan yang haram pun sudah jelas, di antara keduanya itu ada beberapa perkara yang belum jelas (syubhat), banyak orang yang tidak tahu: apakah dia itu masuk bagian yang halal ataukah yang haram? Maka barangsiapa yang menjauhinya kerana hendak membersihkan agama dan kehormatannya, maka dia akan selamat,. dan barangsiapa mengerjakan sedikitpun daripadanya hampir-hampir ia akan iatuh ke dalam haram, sebagaimana orang yang menggembala kambing di sekitar daerah larangan, dia hampir-hampir akan jatuh kepadanya. Ingatlah! Bahawa tiap-tiap raja mempunyai daerah larangan. Ingat pula, bahawa daerah larangan Allah itu ialah semua yang diharamkan." (Riwayat Bukhari, Muslim dan Tarmizi, dan riwayat ini adalah lafaz Tarmizi)

Bab 1: 10. Sesuatu yang Haram Berlaku Untuk Semua Orang

Perkara yang diharamkan di dalam Islam bersifat menyeluruh dan menghambat. Di sana tidak ada suatupun perkara yang diharamkan untuk orang ajam dan dihalalkan untuk orang Arab. Tidak ada suatu perkara yang dilarang untuk orang berkulit hitam dan dibenarkan untuk orang berkulit putih. Tidak ada satu perkara yang diharuskan atau diberi rukhsah (keringanan) yang dikhususkan untuk satu lapisan masyarakat atau satu puak tertentu yang bertindak menurut kehendak nafsu mereka atas nama rukhsah serta berselindung di sebalik nama paderi, pendeta, raja dan orang-orang suci. Malah tidak ada keistimewaan untuk orang Islam tertentu sehingga berlaku, suatu perkara itu haram atas orang lain dan halal untuk dirinya sendiri. Sama sekali tidak berlaku perkara ini. Sesungguhnya Allah itu adalah Tuhan untuk semua manusia. Begitu juga dengan syariat. Ia adalah untuk semuanya. Apa

yang Allah Taala halalkan dengan syariatNya, maka ia halal untuk semuanya. Dan apa yang diharamkan, maka ia diharamkan untuk semuanya. Perkara ini berlaku hingga hari kiamat.

Mencuri sebagai contoh, hukumnya adalah haram. Samada yang mencuri itu orang Islam atau bukan Islam, samada yang dicuri itu harta orang Islam atau bukan Islam, maka hukum ini akan tetap berlaku tidak kira apa keturunannya dan darjat kedudukannya. Inilah apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan apa yang dinyatakannya:

Ertinya: "Demi Allah! Kalau sekiranya Fatimah binti Muhammad yang mencuri, pasti akan kupotong tangannya." (Riwayat Bukhari)

Pada zaman Rasulullah s.a.w. pernah berlaku satu kecurian yang dilakukan oleh orang Islam. Telah berlaku satu kesamaran berkisar masalah orang Yahudi dan orang Islam. Sebahagian dari keluarga orang orang Islam yang mencuri ini telah melemparkan tuduhan ke atas orang Yahudi dengan mendatangkan beberapa bukti. Mereka cuba mengelakkan tuduhan mencuri ke atas sahabat mereka. Sedangkan pada hakikatnya orang Islam inilah yang mencuri. Sehinggalah mereka bertemu dengan Rasulullah s.a.w. mengadukan hal berkenaan dengan anggapan baginda s.a.w. akan melepaskannya. Dengan peristiwa ini Allah menurunkan wahyuNya membongkar kejahatan mereka ini dan membebaskan Yahudi berkenaan. Rasulullah s.a.w. telah mencela mereka ini dan meletakkan kebenaran di tempatnya. Firman Allah Taala:

Ertinya: "Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu kitab dengan benar, supaya kamu menghukum diantara manusia dengan (faham) yang Allah beritahukan kepadamu, dan janganlah kamu menjadi pembela orang-orang yang khianat. Dan minta ampunlah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan betas-kasih. Dan janganlah kamu membela orang-orang yang mengkhianati dirinya itu, kerana sesungguhnya Allah tidak suka berkhianat dan berbuat dosa. Mereka bersembunyi (berlindung) kepada manusia, tetapi tidak hendak bersembunyi kepada Allah, padahal Dia selalu bersama mereka ketika mereka mengatur siasatnya itu di waktu malam, iaitu sesuatu yang tidak diridhai dari perkataan itu, dan Allah maha meliputi semua apa yang mereka perbuat. Awaslah! Kamu ini adalah orang-orang yang membela mereka di dalam kehidupan dunia ini, maka siapakah yang akan membela mereka dari hukuman Allah kelak di hari kiamat? Atau siapakah yang akan mewakili untuk (menghadapi urusan) mereka itu?" (an Nisa': 105-109)

Golongan Yahudi telah beranggapan bahawa riba adalah haram jika yang berhutangmeminjam itu adalah dari kalangan Yahudi. Manakala jika yang berhutang itu bukan Yahudi, mereka membenarkan mengambil riba dari mereka. Inilah apa yang tersebut di dalam Ulangan 23: 19-20: "Maka tak boleh kamu mengambil riba daripada saudaramu, samada riba wang, atau riba makanan, atau riba barang sesuatu yang dapat makan riba.

Maka daripada bangsa lain boleh kamu mengambil riba, tetapi daripada saudaramu tak boleh kamu mengambil riba."

Sikap yang seumpama ini telah diceritakan oleh al-Quran, di mana mereka membenarkan perbuatan khianat terhadap orang yang bukan dari bangsa dan penganut agama mereka. Mereka tidak sedikitpun melihat bahawa perbuatan itu sebagai berdosa. Ia disebutkan di dalam al-Quran:
Ertinya: "Di antara mereka ada beberapa orang yang apabila diserahi amanat dengan satu dinar pun, dia tidak hendak menyampaikan amanat itu kepadamu, kecuali kalau kamu terus-menerus berdiri (menunggu); yang demikian itu kerana mereka pernah mengatakan. tidak berdosa atas kami (untuk memakan hak) orang-orang bodoh itu, dan mereka juga berkata dusta atas (nama) Allah, padahal mereka sudah mengerti." (Ali-Imran: 75)

Memang benar, mereka telah berdusta atas nama Allah, kerana syariatNya tidak pernah membeza-bezakan antara satu kaum dengan kaum yang lain. Sesungguhnya, perbuatan khianat ini telah diharamkan melalui lidah para rasul dan nabiNya.

Kita amat kesalkan tentang jiwa israeliyah ini yang merupakan satu kebiadapan yang amat tidak bertamadun. Ia tidak layak sama sekali untuk dinisbahkan kepada agama samawi. Kerana akhlak yang mulia, malah akhlak yang benar ialah sesuatu yang bersifat menyeluruh. Oleh itu ia tidak ia tidak menghalalkan untuk satu pihak dan mengharamkan untuk pihak lain. Perbezaan antara kita dan golongan tidak bertamadun ini adalah di sekitar sempit luasnya rwang lingkup akhlak. Bukannya perbezaan itu dari sudut ada ataupun tidak adanya akhlak berkenaan. Sebagai contohnya, sifat amanah.. bagi mereka ia adalah satu sifat yang terpuji, tetapi hanya khusus untuk anak bangsa satu puak sahaja, antara sesama mereka. Manakala apabila keluar dari rwang lingkup puak atau kelompok perbuatan khianat dibenarkan. Malah ia disukai, atau… Ia diwajibkan.

Penulis Qishah al-Hadharah mengatakan:
“Sesungguhnya setiap kelompok manusia dapat dikatakan hampir serupa dalam pegangan mereka bahawa kelompok bangsa merekalah yang terbaik sekali berbanding kelompok lain. Kaum Indian di Amerika menganggap diri mereka bangsa pilihan Tuhan. Tuhan mencipta mereka dengan jiwa yang besar khusus sebagai suri teladan kepada bangsa-bangsa lain. Manakala salah satu dari puak dari bangsa Indian menganggap diri mereka sebagai manusia yang tiada tolok bandingnya. Puak lain pula beranggapan bahawa diri mereka adalah manusia di antara manusia. Puak Caribion pula mengatakan: Kami sahajalah manusia.

Natijah dari semua ini ialah, manusia yang tidak bertamadun (primitif) dalam layanan mereka terhadap kelompok lain tidak menggunakan tatacara akhlak yang mereka gunakan terhadap kelompok mereka sendiri. Jelaslah kepada kita bahawa akhlak amat berfungsi memperteguh

kelompoknya dan memperkuatkan keupayaan mereka ketika berhadapan dengan kelompok-kelompok lain. Oleh itu, kewajipan-kewajipan akhlak dan perkara-perkara yang terlarang tidak akan berlaku melainkan untuk kelompok mereka sahaja. Manakala kelompok lain, tidak lebih hanya sebagai tetamu sahaja. Mereka boleh untuk mengikuti sekadar yang mereka mahu terhadap tradisi kelompok lain."

Bab 1: 11. Keadaan darurat membenarkan perkara yang dilarang

Islam telah mempersempitkan daerah haram, namun setelah itu ia mengetatkan perkara yang haram dan menutup pintu yang boleh membawa kepadanya, samada secara nyata atau tersembunyi. Oleh itu, apa sahaja yang dapat membawa kepada haram, maka ia adalah haram. Dan apa sahaja yang dapat membantu kepada yang haram, maka ia adalah haram. Begitu juga, apa sahaja helah untuk melakukan perkara yang haram, maka ia adalah haram. Begitulah seterusnya sebagaimana yang telah disebutkan dalam prinsip-prinsip sebelum ini.

Dalam pada itu, Islam tidak pernah melupakan keperluan-keperluan hidup dan kelemahan manusia ketika berhadapan dengannya. Dengan ini, Islam menghargai keperluan yang pasti mendatang dan menghargai kelemahan manusiawi. Atas asas ini, seoang muslim ketika terjadi tekanan keperluan yang memaksa (dalam keadaan darurat) dibenarkan melakukan perkara yang diharamkan untuk mengelakkan kemudaratan dan memelihara diri dari kemusnahan.

Selepas menyebutkan pengharaman makanan yang terdiri dari bangkai, darah dan daging babi, Allah berfirman:
Ertinya: "Barangsiapa dalam keadaan terpaksa dengan tidak sengaja dan tidak melewati batas, maka tiada berdosa atasnya, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Belas-kasih." (al-Baqarah: 173)

Maksud ayat ini diulang di dalam empat surah di dalam al-Quran semasa menyebut pengharaman makanan tertentu. Dan dari ayat ini dan ayat-ayat yang seumpamanya, para fuqahak Islam telah menetapkan satu kaedah:
Ertinya: "Keadaan darurat membenarkan perkara yang dilarang."
Namun perlulah diberi perhatian bahawa di dalam ayat-ayat berkenaan ada mengemukakan garis panduan keadaan darurat, iaitu:

Ertinya: Tidak sengaja dan tidak melampaui batas.

Ayat ini dapat ditafsirkan: "Tidak sengaja" bermaksud tidak sengaja mencari kelazatan/keseronokan. Manakala ayat: "Tidak melampaui batas" bermaksud tidak melampaui keperluan yang diperlukan.

Melalaui kaitan “tidak sengaja” dan “tidak melampaui batas”, para fuqahak telah menetapkan satu kaedah lain iaitu:
Ertinya: Dharurat itu dianggarkan menurut ukurannya.
Oleh itu, seorang manusia sekalipun boleh tunduk terhadap tekanan darurat, namun dia tidak boleh menyerah kepadanya, dan tidak boleh juga mencampakkan diri ke dalam keadaan berkenaan. Dia wajib bepegang kepada asal yang halal dengan mencarinya, sehingga nanti tidaklah dirinya terjebak ke dalam perkara yang diharamkan atau meringan-ringankannya dengan dakwaan ini adalah darurat.

Islam dengan pendiriannya membenarkan perkara terlarang ketika dalam keadaan darurat, hanya sebagai penghalaan semangat dan roh universal dan kaedah umum yang ada di dalam Isam. Itulah dia semangat memberi mudah yang tidak dijamah oleh kesukaran, meringan-ringankan dan bentuk yang membelenggu sebagaimana yang telah dilalui oleh umat-umat sebelumnya. Dan, benarlah firman Allah Taala:

Ertinya: "Allah berkehendak memberikan kemudahan bagi kamu, dan Ia tidak menghendaki memberikan beban kesukaran kepadamu." (al-Baqarah: 185)

Ertinya: "Allah tidak menghendaki untuk memberikan kamu sesuatu beban yang berat, tetapi ia berkehendak untuk membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmatNya kepadamu supaya kamu berterimakasih." (al-Maidah: 6)

Ertinya: "Allah berkehendak untuk memberikan keringanan kepadamu, kerana manusia itu dijadikan serba lemah." (an-Nisa': 28)

Bab 2: Halal dan Haram di dalam Kehidupan Individu Muslim

Umat-umat dan bangsa-bangsa dahulukala berbeza-beza pandangan terhadap apa yang mereka makan dan apa yang mereka minum. Makanan mana yang mereka bolehkan. Dan makanan mana yang tidak dibolehkan. Dan, lebih-lebih lagi terhadap makanan berasaskan daging haiwan.

Untuk makanan dan minuman berasaskan tumbuh-tumbuhan pula, apa yang diketahui memang umat manusia tidak banyak berbeza mengenai halal-haramnya. Untuk jenis ini, Islam tidak mengharamkannya melainkan jika ia sudah menjadi arak, samada ia diperbuat dari perahan anggur, kurma, gandum atau apa sahaja bahan lain selama ia menjadi sesuatu yang memabukkan.

Begitu juga diharamkan setiap yang boleh mengkhayalkan (hilang ingatan), melemahkannya dan apa sahaja yang boleh memudaratkan tubuh badan.

Mengenai makanan berasaskan daging haiwan pula, memang terjadi perbezaan yang begitu ketara sekali di kalangan pelbagai agama dan golongan.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Penyembelihan dan Memakan Haiwan Menurut Brahmin (Hindu)

Di sana terdapat satu golongan seperti golongan Brahmin Hindu dan sebahagian ahli falsafah yang mengharamkan ke atas diri mereka menyembelih dan memakan haiwan. Mereka hidup dengan makanan berasaskan tumbuh-tumbuhan. Mereka berkata: "Penyembelihan haiwan adalah tindakan keganasan oleh manusia ke atas makhluk bernyawa. Manusia tidak berhak untuk menyekat hak makhluk ini untuk hidup."

Tetapi, derdasarkan kepada pengamatan kita, dapatlah diketahui bahawa kewujudan haiwan-haiwan di mukabumi ini bukanlah ada matlamat tertentu. Haiwan-haiwan ini tidak dikurniakan akal dan kehendak. Nampaklah kepada kita bahawa kewujudan haiwan-haiwan ini adalah untuk memberi manfaat kepada manusia. Oleh itu, bukanlah suatu perkara yang pelik apabila manusia memanfaatkan daging haiwan yang disembelih, sebagaimana manusia memanfaatkan khidmat tenaganya.

Kita dapat ketahui perkara ini adalah sunatullah (peraturan alam) yang berlaku pada makhlukNya. Di mana makhluk dari jenis yang lebih rendah akan menjadi mangsa untuk kepentingan makhluk yang lebih tinggi. Tumbuh-tumbuhan yang menghijau diragut untuk keperluan makanan haiwan. Manakala haiwan bula disembelih untuk keperluan makanan manusia. Malah, lebih jauh lagi manusia berperang dan dibunuh demi kepentingan orang ramai… Dan, begitulah seterusnya.

Tindakan menahan manusia dari menyembelih haiwan tidak akan dapat melindunginya dari mati atau binasa. Kerana haiwan-haiwan ini, jika tidak mati kerana bercakaran sesama sendiri, ia akan mati juga dengan sendirinya. Dan, adakalanya kematiannya melalui cara begitu lebih pedih lagi berbanding mati akibat ketajaman pisau.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Haiwan-haiwan yang diharamkan oleh Yahudi dan Nasrani

Haiwan-haiwan yang diharamkan oleh Yahudi dan Nasrani:

Di dalam agama-agama samawi, Allah Taala mengharamkan ke atas orang-orang Yahudi terlalu banyak jenis-jenis haiwan darat dan haiwan laut. Ini ada dijelaskan di dalam kitab Taurat, fasal 11. Manakala di dalam al-Quran ada menyebutkan sebahagian haiwan yang diharamkan ke atas orang-orang Yahudi. Alasan pengharamannya telahpun kami sebutkan sebelum ini, iaitu sebagai hukuman dari Allah atas perbuatan zalim dan dosa mereka. Firman Allah Taala:

Ertinya: "Dan kepada orang-orang Yahudi kami haramkan semua haiwan yang berkuku, dan dari sapi dan kambing kami haramkan lemak-lemaknya, kecuali (lemak) yang terdapat di punggungnya, atau yang terdapat dalam perut, atau yang tercampur dengan tulang. Yang demikian itu kami (sengaja) hukum mereka. Dan sesungguhnya Kami adalah (di pihak) yang benar." (al-An'am: 146)

Itu adalah keadaan orang-orang Yahudi yang sudah semestinya diikuti oleh orang-orang Nasrani. Kerana Nabi Isa a.s. tidak diutuskan untuk memansukhkan hukum yang terdapat di dalam Taurat, bahkan untuk menyempurnakannya.

Tetapi golongan Nasrani ini kemudiannya menghalalkan apa yang diharamkan ke atas mereka sebagaimana yang termaktub di dalam Taurat, sedangkan hukum berkenaan tidakpun dimansukhkan oleh Injil. Mereka mengikut Paulus Di dalam menghalalkan semua jenis makanan dan minuman, kecuali yang disembelih untuk berhala apabila dikatakan kepada orang Nasrani: “Haiwan ini disembelih untuk berhala.”

Paulus memberi alasan bahawa setiap sessuatu itu adalah suci untuk orang yang suci. Dan bahawa apa sahaja yang masuk ke dalam mulut tidak menajiskan mulut. Hanyasanya, yang dapat menajiskan mulut ialah apa yang keluar darinya.

Mereka telah menghalalkan memakan daging babi, meskipun ia telah diharamkan dengan nash Taurat. Dan, hukum ini masih berlaku sehingga ke hari ini.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Menurut orang-orang Arab jahiliyah

Orang-orang Arab Jahiliyah pula mengharamkan setengah haiwan kerana kotor atau menjijikkan. Sebahagian haiwan pula mereka haramkan kerana penyembahan dan ibadah kepada berhala dan kerana mengikut perkara-perkara yang tidak benar. Ini dapat kita lihat apabila mereka mengharamkan bahirah, sa’ibah, washilah dan ham (perkar aini telah disebutkan sebelum ini). Dan, sebagai tukar ganti dari pengharaman ini mereka menghalalkan banyak perkara-perkara keji seperti menghalalkan bangkai dan darah yang mengalir.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Islam menghalalkan yang baik-baik

Islam datang ketika keadaan manusia dalam hal makan dan minum, samada terlalu longgar dalam menghalalkan dan terlalu ketat dalam mengharamkannya. Islam menyeru kepada semua umat manusia di dalam Kitabnya:

Ertinya: "Hai manusia! Makanlah dari apa-apa yang ada di bumi ini yang halal dan baik, dan jangan kamu mengikuti jejak syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu musuh yang terang-terangan bagi kamu." (al-Baqarah: 168)

Islam menyeru mereka dengan menyifatkannya sebagai manusia agar makan yang baik-baik dari hidangan besar yang disediakan, iaitu mukabumi ini yang seluruhnya diciptakan untuk mereka. Allah mahu agar manusia tidak mengikut jejak-jejak syaitan yang sentiasa menggoda manusia supaya mengharamkan perkara yang baik yang telah dihalalkan oleh Allah. Syaitan juga mahukan manusia agar terjerumus ke dalam lembah kesesatan.

Kemudian Islam membuat seruan khusus untuk orang-orang beriman, firmanNya:

Ertinya: "Hai orang-orang yang beriman! Makanlah yang baik-baik dari apa-apa yang telah Kami berikan kepadamu, serta bersyukurlah kepada Allah kalau betul-betul kamu berbakti kepadaNya. Allah hanya mengharamkan kepadamu bangkai, darah, daging babi dan haiwan yang disembelih bukan kerana Allah. Maka barangsiapa dalam keadaan terpaksa dengan tidak sengaja dan tidak melewati batas, maka tidaklah berdosa baginya, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Belas-kasih." (al-Baqarah: 172-173)

Seruan ini adalah khusus untuk orang-orang beriman yang memerintahkan mereka agar makan makanan yang baik yang dikurniakan olehNya dan menunaikan hak nikmat dengan bersyukur kepada pemberi nikmat yang Maha Agung. Kemudian, dijelaskan jugam bahawa Allah Taala tidak mengharamkan ke atas mereka melainkan hanya empat perkara sahaja sebagaimana yang disebutkan di dalam ayat.

Manakala di dalam satu ayat lain ada disebutkan dengan lebih jelas lagi yang menunjukkan bahawa yang diharamkan hanya berkisar di sekitar empat perkara sahaja. FirmanNya: Ertinya: "Katakanlah! Aku tidak menemukan tentang sesuatu yang telah diwahyukan kepadaku soal makanan yang diharamkan untuk dimakan, melainkan bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi; kerana sesungguhnya dia itu kotor (rijs), atau haiwan yang disembelih bukan kerana Allah. Maka barangsiapa yang dalam keadaan terpaksa dengan tidak sengaja dan tidak melewati batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun dan Maha Belas-kasih." (al-An'am: 145)

Di dalam surah al-Maidah, al-Quran menyebutkan perkara-perkara yang diharmkan ini dengan lebih terperinci lagi, firmanNya:

Ertinya: "Telah diharamkan atas kamu bangkai, darah, daging babi, haiwan yang disembelih bukan kerana Allah, yang (mati) kerana dicekik, yang (mati) kerana dipukul, yang (mati) kerana jatuh dari atas, yang (mati) kerana ditanduk, yang (mati) kerana dimakan oleh haiwan buas kecuali yang dapat kamu sembelih dan yang disembelih untuk berhala." (al-Maidah: 3)

Dalam ayat di atas telah ditetapkan 10 jenis haiwan yang diharamkan, dan ia tidak bercanggah satu dengan yang lain, kerana ayat yang lalu itu memperinci ayat-ayat yang lain. Haiwan yang mati dicekik, dipukul, jatuh dari atas, ditanduk dan dimakan binatng buas; semuanya itu termasuk di dalam makna bangkai. Ia hanya memperincikan maksud bangkai. Begitu juga dengan haiwan yang disembelih untuk berhala, ia termasuk di dalam makna sembelihan bukan kerana Allah. Kedua-duanya berada di bawah satu maksud. Oleh itu secara ringkasnya haiwan yang diharamkan ada empat jenis, manakala secara terperincinya ada sepuluh jenis.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Pengharaman bangkai dan hikmat di sebaliknya

Pengharaman bangkai dan hikmat di sebaliknya .

1. Perkara pertama yang disebutkan oleh ayat di atas mengenai pengharaman makanan ialah bangkai. Iaitu haiwan atau burung yang sendiri, bukan dengan hasil usaha manusia, samada melaui sembelihan atau perburuan.

Kadangkala dalam fikiran manusia hari ini tertanya-tanya tentang hikmah dan rahsia pengharaman bangkai ke atas manusia dan perlu membwangnya tanpa boleh dimakan. Kita jawab persoalan ini, bahawa pengharamnya itu mengandungi hikmat yang cukup besar di sebaliknya, antaranya ialah:

a. Manusia yang mempunyai tabiat semulajadi yang sejahtera akan menolak dan merasa jijik dengan bangkai. Golongan cerdik pandai secara umumnya menganggap memakan bangkai adalah satu kehinaan yang menafikan kemuliaan manusia. Kerana itulah kita dapat melihat seluruh penganut-penganut agama kitabiyah mengharamkannya. Mereka tidak akan memakannya kecualiyang disembelih sahaja, sekalipun cara penyembelihannya berbeza-beza antara satu sama lain.

b. Merangsang agar setiap muslim membiasakan diri dengan niat dan kehendak dalam apa sahaja urusan. Seorang muslim tidak akan memperoleh sesuatu atau mengecap sesuatu

hasil melainkan selepas mempunyai niat, kehendak dan usaha ke arah itu. Dengan ini, maksud penyembelihan (mengelakkan haiwan dari menjadi bangkai) ialah: Qasad untuk meragut nyawa haiwan untuk dimakan. Jadi, seolah-olahnya Allah tidak redha jika seorang manusia itu makan tanpa ada niat serta tujuan dan tanpa berfikir terlebih dahulu, sepertimana halnya dengan bangkai ini. Mengenai haiwan yang disembelih dan yang diburu, kedua-duanya ini tidak makan haiwan melainkan dengan niat, tujuan dan usaha.

c. Haiwan yang mati sendiri, menurut kebiasaannya ia mati kerana suatu penyakit atau kerana memakan tumbuhan beracun atau kerana sebab-sebab seumpamanya. Bagaimanapun keadaannya, semuanya berada dalam keadaan tidak selamat untuk dimakan. Contohnya ialah apabila haiwan itu mati kerana terlalu lemah dan tidak dalam keadaan biasa.

d. Allah Taala mengharamkan bangkai ke atas kita bangsa manusia adalah untuk memberi rwang kesempat kepada haiwan-haiwan dan burung-burung untuk dijadikan makanannya. Ini adalah sebagai rahmat dan kasih sayang dari Allah terhadap mereka. Kerana sebagaimana yang termaktub di dalam al-Quran, mereka juga adalah umat seperti kita juga. Ini jelas sekali di mana tidak kelihatan bangkai-bangkai haiwan di tanah-tanah lapang dan tempat-tempat lain.

e. Supaya manusia dapat memelihara dan menjaga haiwan milik mereka dengan tidak membiarkannya terkena penyakit yang akan menyebabkan mereka mati dan musnah. Mereka akan menjaga dengan segera merawat dan memberi kerehatan kepadanya.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Pengharaman darah yang mengalir

Pengharaman darah yang mengalir :

2. Perkara kedua yang diharamkan ialah darah yang mengalir. Ibnu Abbas pernah ditanya mengenai hukum limpa, beliau menjawab: “Kamu boleh memakannya.” Mereka berkata lagi: “Bukanlah ia darah?” Beliau menjawab lagi: “Hanyasanya yang diharamkan ke atas kamu ialah darah yang mengalir.”

Hikmah pengharaman darah yang mengalir ialah kerana ia kotor di mana tabiat manusia yang bersih menganggapnya sebagai menjijikkan. Ia juga sebagaimana bangkai yang diduga dapat memberi mudarat.

Orang-orang jahiliyah apabila mereka lapar, mereka akan mengambil satu benda tajam dari tulang atau sebagainya, kemudian dicucukkan ke unta atau haiwan lainnya. Mereka kemudian mengumpul darah yang mengalir dari haiwan itu kemudian diminumnya. Mengenai perkara ini, al-A’sya berkata:

Ertinya: “Jauhi dirimu dari bangkai dan jangan dekati * Jangan kamu ambil tulang yang tajam lalu mengeluarkan darah.“

Oleh kerana mengeluarkan darah itu adalah perbuatan menyakitkan haiwan danm melemahkannya, maka Allah Taala telah mengharamkannya.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Daging babi

Daging babi:

3. Yang ketiga untuk hukum daging babi.. Sesungguhnya tabiat (naluri) manusia yang sejahtera menganggapnya sebagai jijik dan kotor. Ini kerana seleran makan babi ini suka kepada benda-benda kotor dan najis. Manakala perubatan moden pula menjelaskan bahawa memakannya boleh mendatangkan mudarat di semua daerah, terutamanya di daerah panas.

Kajian ilmiah telah menyatakan bahawa memakan daging babi akan mengakibatkan cacing yang dapat membunuh. Siap tahu, boleh jadi pada masa akan datang ilmu pengetahuan dapat menyingkap lebih banyak lagi rahsia mengapa daging babi diharamkan. Dan, benar firman Allah Yang Maha Agung:

Ertinya: "Dan Allah mengharamkan atas mereka yang kotor-kotor." (al-A'raf: 156)

Para penyelidik mengatakan: “Sesungguhnya mengamalkan secara berterusan memakan daging babi boleh mengurangkan perasaan cemburu terhadap perkara-perkara yang diharamkan.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Sembelihan bukan kerana Allah

4. Perkara keempat yang diharamkan ialah: Sembelihan bukan kerana Allah. Maksudnya ialah haiwan disembelih dengan menyebut nama selain Allah, seperti berhala. Kaum penyembah berhala, apabila mereka menyembelih disebutnya nama berhala mereka atas sembelihan itu, seperti Lata dan Uzza. Ini adalah perbuatan ibadah kepada selain dari Allah dan perbuatan penyembahan dengan nama selain dari nama Allah yang Maha Agung.

Perbuatan di atas diharamkan adalah dengan alasan (illah) agama yang bertujuan untuk memelihara tauhid, membersihkan aqidah dan memerangi syirik serta lambang-lambang berhala di dalam setiap bidang kehidupan.

Allah telah menciptakan manusia. Dunia ini pula diserahkan kepada mereka. Manakala haiwan ditundukkan untuk mereka. Allah membenarkan menyembelih haiwan untuk kepentingan mereka jika di dalamnya ada disebutkan nama Allah. Jadi, menyebut nama Allah ketika itu adalah sebagai pernyataan bahawa perkara ini dilakukan terhadap makhluk bernyawa ini adalah dengan izin dan keredhaan dari Allah. Apabila yang disebut bukan nama Allah ketika menyembelih, bermakna dia telah mengenetepikan keizinan yang diberikan, dan kerana itu dia berhak diharamkan dari memakan haiwan yang disembelih.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Jenis-jenis bangkai

Empat perkara yang diharamkan di atas itu adalah perkara-perkara yang diharamkan dalam bentuk ijmal (bukan terperinci). Ayat dari surah al-Ma'idah telah memperincikannya di dalam 10 perkara sebagaimana telah kami sebutkan. Ia adalah sebagai berikut:

5. Haiwan yang mati tercekik: Iaitu yang mati akibat tercekik samada dengan menjerut lehernya atau memasukkanya ke tempat yang sempit atau sebagainya.

6. Haiwan yang mati kerana dipukul dengan tongkat atau sebagainya.

7. Haiwan yang mati akibat jatuh dari tempat yang tinggi atau seumpamanya, seperti yang terjatuh ke dalam telaga.

8. Haiwan yang mati akibat bercakaran sesama sendiri.

9. Haiwan yang mati akibat terkaman haiwan buas.

Selepas menyebutkan lima jenis haiwan yang diharamkan di atas, Allah berfirman: "Kecuali haiwan yang kamu sembelih." Maksudnya, "jika kamu mendapat haiwan yang masih hidup, maka kamu sembelihlah.. Ia dihalalkan untuk kamu."

Perkara ini akan dibincangkan kemudian.

Untuk membolehkan haiwan itu disembelih dan dimakan, memadai jika haiwan berkenaan dalam keadaan nafas terakhirnya. Daripada Ali bin Abi Thalib r.a.: "Jika kamu sempat menyembelih haiwan yang jatuh dari atas, yang dipukul atau yang bercakar sesama sendiri, iaitu yang masih bergerak kaki hadapan dan kaki belakangnya."

Daripada ad-Dhahhak: "Orang-orang Jahiliyah haiwan-haiwan yang begitu, tetapi Allah mengharamkannya melainkan selepas disembelih. Haiwan-haiwan yang dijumpai masih

bergerak kaki, ekor atau matanya maka ia boleh disembelih dan halal dimakan. (Sebahagian fuqaha' mengatakan: Haiwan berkenaan mestilah masih berada dalam keadaan hayat mustaqirrah. Tanda-tandanya ialah darahnya masih mengalir dan matannya masih bergerak).

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Hikmah Pengharaman Haiwan-haiwan dari Jenis ini

Hikmah pengharaman jenis-jenis bangkai, apa yang telah kami sebutkan hanyalah kerana ia membahayakan. Namun, hikmah berkenaan tidaklah begitu jelas dan ketara. Jadi di sini, ia diperkuatkan lagi dengan satu hikmah lain, iaitu:
Syari' (Allah Taala) yang Maha Bijaksana mengajar manusia agar mengambil berat tentang haiwan, menyayangi dan memeliharanya atau menjaganya. Oleh itu, tidak patut bintang berkenaan dibiarkan hingga dicekik atau jatuh dari tempat yang tinggi. Atau membiarkan mereka bertandukan sesama sendiri sehingga terbunuh. Tidak boleh juga menyiksa haiwan dengan memukulnya hingga mati seperti yang dilakukan oleh para penggembala yang tidak berhati perut lebih-lebih lagi penggembala upahan. Begitu juga tidak boleh melagakan sesama haiwan. Melagakan lembu. Atau melagakan kambing. Haiwan yang dilagakan ini akan bertandukan sesama mereka sehingga mati atau hampir mati.

Di sinilah para ulamak menyatakan haramnya haiwan yang mati kerana berlaga sekalipun ia tercedera kerana tandukan pada tempat sembelihan kemudian mengalir darah. Apa yang saya lihat, tujuan pengharaman ini adalah untuk menghukum mereka yang membiarkan haiwan berlaga sesama mereka sehingga terbunuh. Jadi, hukum begini memang tepat sekali.

Mengenai pengharaman haiwan yang telah diterkam oleh haiwan buas ialah (yang paling asas) untuk memuliakan bangsa manusia serta membersihkan mereka dari memakan sisa-sisa haiwan buas. Dahulu, orang-orang jahiliyah memakan sisa-sisa makanan haiwan buas, samada kambing, unta ataupun lembu, kemudian Allah mengharamkannya ke atas orang-orang beriman.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Haiwan yang Disembelih Untuk Berhala

10. Haiwan kesepuluh yang diharamkan ialah haiwan yang disembelih untuk berhala. Berhala (nushub) ialah sesuatu yang dibangunkan/ditegakkan samada berhala atau batu sebagai tanda bagi taghut - iaitu penyembahan selain dari Allah. Ia pernah berada di sekitar ka'bah

di mana orang-orang jahiliyah membuat sembelihan untuknya dengan tujuan mendekatkan diri kepada tuhan-tuhan atau berhala-berhala mereka.

Sembelihan begini termasuk sembelihan bukan kerana Allah. Sembelihan bukan kerana Allah dan sembelihan untuk berhala kedua-duanya adalah sama sahaja, iaitu untuk mengagungkan taghut. Perbezaan antara keduanya ialah, sembelihan bukan kerana Allah adakalanya sembelihan itu adalah untuk berhala yang jauh darinya. Sembelihan berkenaan disebut nama taghut. Manakala sembelihan untuk berhala pula ialah sembelihan itu mestilah dilakukan pada batu berhala berkenaan. Bukan satu kemestian disebutkan nama selain Allah pada sembelihan itu.

Semasa berhala-berhala itu masih berada di sekitar ka'bah, mereka beranggapan bahawa sembelihan untuk berhala itu adalah sebagai penghormatan kepada baitil haram (ka'bah). Kemudian Islam melenyapkan tanggapan ini dan menyatakan pengharamannya dengan nash yang jelas dan nyata, sekalipun ia difahami dari ayat "apa sahaja yang disembelih bukan kerana Allah."

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Ikan dan Belalang Tidak Termasuk Bangkai

Syariat Islam telah mengecualikan beberapa haiwan dari bangkai yang diharamkan, iaitu ikan, ikan paus dan haiwan-haiwan laut lain yang seumpamanya. Ketika Nabi s.a.w. ditanya mengenai laut, baginda s.a.w. bersabda: "Airnya suci lagi menyucikan dan bangkai haiwannya adalah halal." (HR Ahmad; Ashab al-Sunan)

Allah Taala berfirman:
Ertinya: "Dihalalkan bagi kamu haiwan buruan laut dan makanannya." (al-Maidah. 96) Umar r.a. berkata: Buruannya (صيده) bermaksud haiwan yang diburu dan makanannya (طعامه)bermaksud apa yang dicari."

Ibnu Abbas r.a. pula mengatakan: "Makanannya (طعامه) bermaksud bangkainya."

Di dalam Sahih Bukhari dan Muslim menyebutkan, dari Jabir r.a., bahawa Nabi s.a.w. telah mengutuskan angkatan perang dari kalangan para sahabatnya. Mereka ini mendapat seekor ikan paus besar yang telah mati (menjadi bangkai). Mereka memakannya selama 20 hari. Kemudian mereka kembali ke Madinah dan menceritakannya kepada Rasulullah s.a.w, lalu Baginda s.a.w. bersabda: "Makanlah rezeki yang telah Allah berikan kepada kamu. Berilah kepada kami jika kamu masih ada lagi." Kemudian salah seorang dari mereka memberikannya kepada baginda s.a.w. dan dimakannya. (HR Bukhari)

Belalang samalah hukumnya seperti bangkai haiwan laut. Rasulullah s.a.w. telah memberi rukhsah (keringanan) memakan bangkai belalang. Kerana belalang tidak mungkin dapat disembelih. Ibnu Abi Aufa r.a. telah berkata: “Kami berperang bersama Rasulullah s.a.w. sebanyak tujuh peperangan. Kami bersama baginda s.a.w. memakan belalang.” (HR al-Jamaah kecuali Ibnu Majah)

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Memanfaatkan Kulit Bangkai, Tulang dan Bulunya

Diharamkan bangkai bermaksud diharamkan memakannya. Adapun untuk memanfaatkan kulit, tanduk, tulang atau bulunya, maka itu tidak mengapa. Bahkan ia adalah perkara yang dituntut, kerana ia masih boleh diambil faedahnya dan tidak boleh disia-siakan.

Terdapat dalam Hadis riwayat Ibnu Abbas, katanya:

Ertinya: Hamba Maimunah -Ummul Mukminin- telah disedekahkan dengan seekor kambing, tetapi mati. Semasa Rasulullah s.a.w. lalu, baginda s.a.w. bersabda: “Mengapa kamu tidak ambil kulitnya, lalu kamu menyamak dan manfaatkannya.” Mereka berkata: “Bukankah ia bangkai?” Rasulullah s.a.w. menjawab: “Hanyasanya yang diharamkan ialah memakannya.” (HR al-Jamaah melainkan Ibnu Majah)

Nabi s.a.w. telah memberi jalan bagaimana cara menyucikan kulit bangkai, iaitu dengan cara menyamaknya. Baginda s.a.w. telah bersabda dalam sebuah hadis lain:

Ertinya: “Menyamak kulit adalah seperti menyembelihnya.” (HR Abu Daud dan al-Nasa’I)
Ia bermaksud, sesungguhnya menyamak kulit untuk menyucikannya samalah kedudukannya seperti menyembelih kambing atau seumpamanya supaya halal dimakan.

Di dalam satu riwayat lain:

„Menyamaknya dapat menghilangkan kotoran.” (HR al-Hakim)

Menurut satu riwayat lain:

Ertinya: "Apabila kulit disamak maka ia menjadi suci.” (HR Muslim dan selainnya)
Apa yang disebut di atas meliputi semua jenis kulit sekalipun kulit anjing dan babi. Ini adalah pendapat ulamak mazhab Zahiri. Ia juga pendapat dari Abu Yusof murid Abu Hanifah, dan al-Syaukani telah mentarjihkannya.

Dari Saudah Ummul Mukminin r.a., katanya: “Kami kematian seekor kambing, kemudian kami menyamak kulitnya dan dijadikan menyimpan kurma (agar rasa airnya lebih manis). Selepas itu kami jadikan tempat menyimpan air.” (HR al-Bukhari dan selainnya)

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Pengecualian Dalam Keadaan Darurat

Semua perkara yang diharamkan di atas itu berlaku hanya dalam keadaan ikhtiar (bukan darurat).

Manakala dalam keadaan darurat, ia mempunyai hukumnya yang tersendiri - sebagaimana yang telah kami sebutkan sebelum ini. Firman Allah Taala:

Ertinya: "Allah telah menerangkan kepadamu apa-apa yang Ia telah haramkan atas kamu, kecuali kamu dalam keadaan terpaksa." (al-An'am: 119)

Selepas menyebut tentang pengharaman bangkai, darah dan selainnya, Allah berfirman:

Ertinya: "Barangsiapa terpaksa dengan tidak sengaja dan tidak melampaui batas, maka tidak ada dosa atasnya, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Belas-kasih." (al-Baqarah: 173)

Darurat yang telah ulamak sepakati ialah darurat dalam masalah makan. Iaitu yang mengalami kelaparan, di mana sebahagian fuqahak telah menetapkan tempohnya berlalu sehari semalam tidak memperoleh makanan kecuali makanan yang diharamkan. Maka ketika itu dia boleh memakannya atas alasan darurat untuk menolak kemudaratan dan kemusnahan jiwa.

Imam Malik berkata: “Had batasannya ialah kenyang dan boleh menyimpannya sehingga memperoleh makanan lain.”

Ulamak pula mengatakan: “Tidak boleh makan makanan yang haram itu (ketika darurat) melainkan untuk memelihara nyawa sahaja.”

Barangkali inilah maksud zahir ayat dari firman Allah Taala:
Ertinya: "Tidak sengaja dan tidak melampaui batas.”

Maksudnya, bukan dengan sengaja kerana mahu memenuhi kehendak syahwat. Dan, tidak melampaui batas-batas yang dibenarkan dalam menghadapi keadaan darurat.”

Mengenai darurat kelaparan, Allah Taala telah mengemukan secara jelas dengan firmanNya:

Ertinya: "Dan barangsiapa yang terpaksa pada (waktu) kelaparan dengan tidak sengaja untuk berbuat dosa, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Belas-kasih." (al-Maidah: 3)

Perkataan " مخمصة" bermaksud kelaparan.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Darurat Kerana Berubat

Darurat kerana berubat ialah, kesembuhan suatu penyakit bergantung kepada makanan yang diharamkan. Mengenai hal ini, para fuqahak telah berselisih pendapat mengenainya. Sebahagian mereka tidak menganggap berubat dalam keadaan ini sebagai darurat yang memaksa sebagaimana dalam masalah makan. Pendapat ini bersandarkan kepada Hadis:

Ertinya: "Sesungguhnya Allah tidak menjadikan kesembuhanmu dengan sesuatu yang Ia haramkan atas kamu." (Riwayat Bukhari)

Sebahagian fuqahak pula mengatakan bahawa ia dapat digolongkan di dalam keadaan darurat. Mereka menganggap masalah memakan ubat sama seperti masalah makan (boleh makan yang diharamkan ketika darurat). Dalil golongan yang membolehkan memakan yang haram kerana berubat ialah, Nabi Muhamad s.a.w. pernah memberi rukhsah (keringanan) memakai sutera kepada Abdul Rahman bin Auf dan al-Zubair bin al-Awam r.a. Ini disebabkan penyakit yang menimpa mereka berdua, sedangkan pemakaian sutera adalah dilarang dan pemakainya diancam.

Barangkali inilah pendapat yang lebih hampir kepada roh Islam yang bersifat sentiasa melindungi kehidupan manusia. Sifat ini boleh kita perolehi di dalam setiap pensyariatan dan pesan-pesannya.

Namun, rukhsah (keringanan) memakan ubat yang mengandungi bahan yang diharamkan ada beberapa syaratnya, iaitu:

1. Dapat benar-benar merbahayakan kesihatan jika tidak memakan ubat berkenaan.
2. Tidak terdapat ubat lain yang halal sebagai penggantinya.
3. Hal ini disahkan oleh doktor yang dapat dipercayai dari sudut kepakaran dan agamanya.

Dapat kami katakan dari apa yang kami ketahui berdasarkan kepada kenyataan yang berlaku dan bersandarkan kepada kenyataan doktor-doktor yang dapat dipercayai: Bahawa tidak ada

darurat perubatan yang sampai ke peringkat terpaksa memakan sesuatu yang diharamkan sebagai ubat. Cuma, kami di sini hanya menetapkan prinsipnya sahaja sebagai langkah berjaga-jaga (ihthiati) kepada orang Islam yang kadangkala berada di suatu situasi di mana tidak ada apa-apa melainkan yang diharamkan sahaja.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Individu Tidak Di Anggap Sebagai Dalam Keadaan Terpaksa Apabila Dalam Masyarakat Ada Sesuatu Yang Dapat Menolak Keterpaksaan itu

Tidak tergolong di dalam mereka yang mengikut syarat darurat seandainya seseorang itu tidak memperolehi makanan, juga tidak boleh digolongkan ke dalam mereka yang boleh memakan benda yang haram seandainya ada individu di dalam masyarakatnya samada muslim ataupun kafir zimmi yang mempunyai lebihan makanan yang dapat menghindarkan dirinya dari keadaan darurat itu. Kerana masyarakat Islam itu sifatnya lengkap melengkapi seumpama satu jasad atau satu bangunan yang saling memperkuat antara satu sama lain.

Satu penelitian yang amat berharga bagi fuqahak Islam mengenai tanggungjawab sosial ialah apa yang telah dinyatakan oleh Ibnu Hazmin, katanya:

"Tidak halal bagi seorang muslim yang berada dalam keadaan terpaksa memakan bangkai atau daging babi, sedangkan dia boleh mendapat makanan halal dari lebihan temannya samada yang muslim atau kafir zimmi. Kerana menjadi kewajipan ke atas pemilik makanan untuk memberi makan kepada mereka yang kelaparan. Jika keadaannya memang benar-benar berlaku seperti itu, maka dia boleh memeranginya, jika dia terbunuh maka pembunuh itu wajib di-qisash (bunuh balas bunuh). Jika yang menahan hak itu yang terbunuh, maka laknat Allah ke atasnya kerana telah menahan hak orang lain. Mereka yang menahan hak ini adalah tergolong sebagai bughat (orang-orang yang melampaui batas/zalim). Firman Allah Taala:

Ertinya: "Kalau salah satunya berbuat zalim kepada yang lain, maka perangilah golongan yang berbuat zalim itu sehingga mereka hendak kembali kepada hukum Allah." (al-Hujurat: 9)

Orang yang menghalang hak adalah orang yang menzalimi saudaranya yang memang mempunyai hak berkenaan. Kerana inilah maka Abu Bakar r.a. telah memerangi mereka yang enggan mengeluarkan zakat. (Al-Muhalla, Ibnu Hazmin 6/159)

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Sembelihan Syar'I: Haiwan-haiwan Laut Semuanya Halal

Berdasarkan tempat tinggal, dapat kita bahagian haiwan itu kepada dua bahagian, iaitu: Haiwan laut dan haiwan darat.

Haiwan laut: Iaitu haiwan yang hidup di dalam perut air. Ia tidak boleh hidup melainkan di situ. Semua haiwan laut ini adalah halal, tidak kira bagaimana keadaan ia diperolehi, samada ketika diambil ia masih hidup atau sudah menjadi bangkai. Samada berkeadaan timbul ataupun tenggelam. Sama sahaja hukumnya, samada ia itu adalah ikan atau ikan besar (ikan paus dan sebagainya). Halal juga apa yang dinamakan sebagai anjing laut atau babi laut atau seumpamanya. Hukum halal ini tidak memandang siapa yang menangkapnya, samada muslim atau non muslim.

Memang Allah telah memberi keluasan kepada hamba-hambaNya dengan menghalalkan semua apa yang terdapat di laut tanpa mengharamkan jenis-jenis tertentu. Tidak juga disyaratkan supaya haiwan laut itu disembelih terlebih dahulu. Malah, Allah menyerahkan 100% kepada manusia bagaimana cara memperolehinya sebagai sumber keperluan mereka, dengan usaha semampu mungkin untuk menghindari dari perbuatan menyiksa.

Firman Allah Taala:

Ertinya: "Dialah Zat yang memudahkan laut supaya kamu makan daripadanya daging yang lembut." (an-Nahl: 14)

FirmanNya lagi:
Ertinya: "Dihalalkan buat kamu haiwan buruan laut dan makanannya sebagai perbekalan buat kamu dan untuk orang-orang yang belayar." (al-Maidah: 96)

Allah Taala menyatakannya secara umum dan tidak ada yang dikhususkan dan “Sedang Allah tidak akan lupa” (Maryam: 64)

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Sembelihan syar’i: Haiwan darat yang diharamkan

Mengenai haiwan darat, al-Quran tidak menyebutkannya secara jelas pengharamannya melainkan untuk pengharaman daging babi, bangkai, darah dan haiwan yang disembelih untuk berhala. Ini ada disebutkan pada ayat yang lalu dengan menghadkan pengharaman itu hanya di sekitar empat perkara sahaja secara ringkasnya, dan sepuluh perkara secara terperincinya.

Namun dalam pada itu al-Quran mengatakan:

Ertinya: "Dan Allah mengharamkan atas mereka yang kotor-kotor." (al-A'raf: 157)

Maksud kotor (khaba'its) ialah yang secara umumnya dianggap kotor oleh perasaan rata-rata manusia, sekalipun ada beberapa individu yang tidak menganggapnya begitu.

Kerana itulah semasa peperangan Khaibar Nabi s.a.w. melarang memakan daging keldai negeri/kota. Ia ada disebutkan di dalam hadis:

Ertinya: "Rasulullah s.a.w. melarang makan daging keledai kota pada perang Khaibar." (Riwayat Bukhari)

Di dalam hadis Sahihain ada juga menyebutkan:

Ertinya: "Rasulullah melarang makan semua haiwan buas yang bertaring dan burung yang kukunya mencengkam." (Riwayat Bukhari)

Yang dimaksudkan dengan haiwan buas ialah haiwan yang menerkam dan menangkap haiwan lain serta memakannya dengan keras dan ganas, seperti singa, harihendak, serigala dan yang seumpamanya.

Dan yang dimaksudkan dengan berkuku mencengkam ialah jenis burung yang mempunyai kuku yang boleh melukakan seperti burung helang, rajawali, dan seumpamanya. Menurut mazhab Ibnu Abbas: "Bahawasanya tidak diharamkan melainkan empat perkara yang telah disebutkan di dalam al-Quran." Jadi, seolah-olahnya, beliau melihat bahawa hadis-hadis yang melarang memakan haiwan buas dan seumpamanya hanya membawa maksud makruh sahaja, bukannya haram. Ataupun, barangkali tidak sampaipun ke tahap itu.

Beliau berkata: "Orang-orang jahiliyah memakan sesuatu dan tidak makan sesuatu kerana memandangnya sebagai kotor. Kemudian Allah mengutuskan NabiNya Muhamad s.a.w., dan menurunkan KitabNya. Kandungannya menghalalkan yang halal dan mengharamkan yang haram. Maka, apa yang dihalalkannya maka ia adalah halal, dan apa yang diharamkan maka ia adalah haram. Sedangkan apa yang didiamkannya maka ia adalah dimaafkan. Beliau membaca:

Ertinya: "Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya..." (al-An'am: 145) (Riwayat Abu Daud daripada Ibnu Abbas secara hendakquf)

Dan ayat ini, Ibnu Abbas r.a. berpendapat bahawa daging keldai kota adalah halal.

Mazhab Ibnu Abbas ini telah diikut oleh mazhab Imam Malik, di mana beliau juga telah berpendapat bahawa haiwan buas dan sebagainya tidak diharamkan. Beliau menganggapnya sebagai makruh sahaja.

Apa yang telah ditetapkan ialah, bahawa sembelihan syar'I tidak dapat menghalalkan haiwan yang diharamkan, namun ia dapat memberi kesan terhadap penyucian kulitnya. Dengan itu ia tidak perlu lagi disamak.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Sembelihan syar'i: Sembelihan Menjadi Syarat Menghalalkan Haiwan Halal

Haiwan darat yang boleh dimakan ada dua jenis:

1. Haiwan yang mampu ditangkap, seperti haiwan ternakan seperti unta, lembu, kambing dan selainnya. Begitu juga ayam, burung yang dipelihara di rumah dan yang seumpamanya.

2. Haiwan yang tidak mampu ditangkap.

Untuk haiwan dari jenis pertama iaitu yang mampu ditangkap, Islam telah mensyaratkan sembelihan syar'I untuk membolehkannya dimakan.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Sembelihan syar'i: Syarat-syarat Sembelihan Syar'i

Penyembelihan menurut syara' yang dimaksud, hanya bisa sempurna jika terpenuhinya syarat-syarat sebagai berikut:

1) Haiwan tersebut harus disembelih atau ditusuk (nahr) dengan suatu alat yang tajam yang dapat mengalirkan darah dan mencabut nyawa haiwan tersebut, baik alat itu berupa batu ataupun kayu.

'Adi bin Hatim ath-Thai pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: "Ya Rasulullah! Kami berburu dan menangkap seekor haiwan, tetapi waktu itu kami tidak mempunyai pisau, hanya batu tajam dan belahan tongkat yang kami miliki, dapatkah itu kami pakai untuk menyembelih?" Maka jawab Nabi:

"Alirkanlah darahnya dengan apa saja yang kamu suka, dan sebutlah nama Allah atasnya." (Riwayat Ahmad, Abu Daud, Nasal, Ibnu Majah, Hakim dan Ibnu Hibban)

2) Penyembelihan atau penusukan (nahr) itu harus dilakukan di leher haiwan tersebut, iaitu: bahawa kematian haiwan tersebut justeru sebagai akibat dari terputusnya urat nadi atau kerongkongannya.

Penyembelihan yang paling sempurna, iaitu terputusnya kerongkongan, tenggorokan dan urat nadi.

Persyaratan ini dapat gugur apabila penyembelihan itu ternyata tidak dapat dilakukan pada tempatnya yang khas, misalnya kerana haiwan tersebut jatuh dalam sumur, sedang kepalanya berada di bawah yang tidak mungkin lehernya itu dapat dipotong; atau kerana haiwan tersebut menentang sifat kejinakannya. Waktu itu boleh diperlakukan seperti buronan, yang cukup dilukai dengan alat yang tajam di bagian manapun yang mungkin.
Raafi' bin Khadij menceritakan:

"Kami pernah bersama Nabi dalam suatu bepergian, kemudian ada seekor unta milik orang kampung melarikan diri, sedang mereka tidak mempunyai kuda, untuk mengejar, maka ada seorang lelaki yang melemparnya dengan panah. Kemudian bersabdalah Nabi: 'Haiwan ini mempunyai sifat primitif seperti primitifnya haiwan biadab (liar), oleh kerana itu apa saja yang dapat dikerjakan, kerjakanlah; begitulah." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

3) Tidak disebut selain asma' Allah; dan ini sudah disepakati oleh semua ulama. Sebab orang-orang jahiliah bertaqarrub kepada Tuhan dan berhalanya dengan cara menyembelih haiwan, yang ada kalanya mereka sebut berhala-berhala itu ketika menyembelih, dan ada kalanya penyembelihannya itu diperuntukkan kepada sesuatu berhala tertentu. Untuk itulah maka al-Quran melarangnya, iaitu sebagaimana disebutkan dalam firmannya:

"Dan haiwan yang disembelih kerana selain Allah ... dan haiwan yang disembelih untuk berhala." (al-Maidah: 3)

4) Harus disebutnya nama Allah (membaca bismillah) ketika menyembelih. Ini menurut zahir nas al-Quran yang mengatakan:
"Makanlah dari apa-apa yang disebut asma' Allah atasnya, jika kamu benar-benar beriman kepada ayat-ayatNya." (al-An'am: 118)
"Dan janganlah kamu makan dari apa-apa yang tidak disebut asma' Allah atasnya, kerana sesungguhnya dia itu suatu kedurhakaan." (al-An'am: 121)

Dan sabda Rasulullah s.a.w.:

"Apa saja yang dapat mengalirkan darah dan disebut asma' Allah atasnya, maka makanlah dia." (Riwayat Bukhari)

Di antara yang memperkuat persyaratan ini, ialah beberapa hadis shahih yang mengharuskan menyebut asma' Allah ketika melepaskan panah atau anjing berburu, sebagaimana akan diterangkan nanti.

Sementara ulama ada juga yang berpendapat, bahawa menyebut asma' Allah itu sudah menjadi suatu keharusan, akan tetapi tidak harus ketika menyembelihnya itu. Bisa juga dilakukan ketika makan. Sebab kalau ketika makan itu telah disebutnya asma' Allah bukanlah bererti dia makan sesuatu yang disembelih dengan tidak disebut asma' Allah.

Kerana sesuai dengan cerita Aisyah, bahawa ada beberapa orang yang baru masuk Islam menanyakan kepada Rasulullah:

"Sesungguhnya suatu kaum memberi kami daging, tetapi kami tidak tahu apakah mereka itu menyebut asma' Allah atau tidak? Dan apakah kami boleh makan daripadanya atau tidak? Maka jawab Nabi: 'Sebutlah asma' Allah dan makanlah.'" (Riwayat Bukhari)

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Sembelihan syar'i: Rahsia dan hikmah sembelihan syar'i

Rahsia penyembelihan, menurut yang kami ketahui, iaitu melepaskan nyawa haiwan dengan jalan yang paling mudah, yang kiranya meringankan dan tidak menyakiti. Untuk itu maka disyaratkan alat yang dipakai harus tajam, supaya lebih cepat memberi pengaruh.

Di samping itu dipersyaratkan juga, bahawa penyembelihan itu harus dilakukan pada leher, kerana tempat ini yang lebih dekat untuk memisahkan hidup haiwan dan lebih mudah.

Dan dilarang menyembelih haiwan dengan menggunakan gigi dan kuku, kerana penyembelihan dengan alat-alat tersebut dapat menyakiti haiwan. Pada umumnya alat-alat tersebut hanya bersifat mencekik.

Nabi memerintahkan, supaya pisau yang dipakai itu tajam dan dengan cara yang sopan. Sabda Nabi:
"Sesungguhnya Allah mewajibkan untuk berbuat baik kepada sesuatu. Oleh kerana itu jika kamu membunuh, maka perbaikilah cara membunuhnya, dan apabila kamu menyembelih maka perbaikilah cara menyembelihnya dan tajamkanlah pisaunya serta mudahkanlah penyembelihannya itu." (Riwayat Muslim)

Di antara bentuk kebaikan ialah seperti apa yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar, bahawa Rasulullah memerintahkan supaya pisaunya itu yang tajam. Sabda Nabi:
"Apabila salah seorang di antara kamu memotong (haiwan), maka sempurnakanlah." (Riwayat Ibnu Majah)
Diriwayatkan oleh Ibnu Abbas, bahawa ada seorang yang membaringkan seekor kambing sambil ia mengasah pisaunya, maka kata Nabi:

"Apakah kamu akan membunuhnya, sesudah dia menjadi bangkai? Mengapa tidak kamu asah pisaumu itu sebelum haiwan tersebut kamu baringkan?" (Riwayat Hakim)
Umar Ibnul-Khattab pernah juga melihat seorang lelaki yang mengikat kaki seekor kambing dan diseretnya untuk disembelih, maka kata Umar: 'Sial kamu! Giringlah dia kepada mati dengan suatu cara yang baik.' (Riwayat Abdurrazzaq)
Begitulah kita dapati pemikiran secara umum dalam permasalahan ini, iaitu yang pada pokoknya harus menaruh belas-kasih kepada haiwan dan meringankan dia dari segala penderitaan dengan segala cara yang mungkin.

Orang-orang jahiliah dahulu suka memotong kelasa unta (bhs Jawa, punuk) dan jembel kambing dalam keadaan hidup. Cara semacam itu adalah menyiksa haiwan. Oleh kerana itu Rasulullah s.a.w. kemudian menghalangi maksud mereka dan mengharamkan memanfaatkan haiwan dengan cara semacam itu. Maka kata Nabi:

"Daging yang dipotong dari haiwan dalam keadaan hidup, bererti bangkai." (Riwayat Ahmad, Abu Daud, Tarmizi dan Hakim)

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Sembelihan syar'i: Hikmah ucapan basmalah ketika menyembelih

Perintah untuk menyebut asma' Allah ketika menyembelih terkandung rahsia yang halus sekali, yang kiranya perlu untuk direnungkan dan diperhatikan:

Ditinjau dari segi perbezaannya dengan orang musyrik. Bahawa orang-orang musyrik dan orang-orang jahiliah selalu menyebut nama-nama tuhan dan berhala mereka ketika menyembelih. Kalau orang-orang musyrik berbuat demikian, mengapa orang mu'min tidak menyebut nama Tuhannya?

Segi kedua, iaitu bahawa haiwan dan manusia sama-sama makhluk Allah yang hidup dan bernyawa. Oleh kerana itu mengapa manusia akan mentang-mentang begitu saja mencabutnya haiwan tersebut, tanpa minta izin kepada penciptanya yang juga mencipta seluruh isi bumi ini? Justeru itu menyebut asma' Allah di sini merupakan suatu

pemberitahuan izin Allah, yang seolah-olah manusia itu mengatakan: Aku berbuat ini bukan kerana untuk memusuhi makhluk Allah, bukan pula untuk merendahkannya, tetapi adalah justeru dengan nama Allah kami sembelih haiwan itu dan dengan nama Allah juga kami berburu dan dengan namaNya juga kami makan.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Sembelihan syar'i: Sembelihan Ahlil Kitab (Yahudi dan Nasrani)

Kita tahu bagaimana Islam memperkeras persoalan penyembelihan dan menganggap penting persoalan ini. Hal ini adalah justeru kerana orang-orang musyrik Arab dan pengikut-pengikut agama lain telah menjadikan penyembelihan termasuk persoalan ibadah, bahkan masuk persoalan keyakinan dan pokok kepercayaan agama. Oleh kerana itu menyembelih, mereka jadikan sebagai sesuatu cara untuk berbakti kepada tuhannya, maka disembelihnya haiwan untuk berhala atau dengan menyebut nama tuhannya. Kemudian datanglah Islam menghapus cara-cara ini dan mewajibkan untuk tidak menyebut kecuali asma' Allah, serta mengharamkan haiwan yang disembelih untuk berhala dan dengan menyebut nama berhala.

Kemudian setelah ahli kitab yang semula adalah bertauhid itu telah banyak dipengaruhi oleh perasaan-perasaan syirik dan sama sekali tidak melepaskan dari kesyirikanriya yang dulu-dulu, sehingga sementara orang Islam menganggap, bahawa mereka tidak bisa lagi bergaul dan bertemu dengan mereka sebagaimana halnya terhadap orang-orang musyrik lainnya, maka Allah memberikan perkenan (rukhsah) kepada mereka untuk makan makanan ahli kitab sebagaimana halnya dalam persoalan-persoalan perkawinan. Hal ini ditegaskan Allah dalam firmanNya yang merupakan ayat terakhir, iaitu:

"Hari ini dihalalkan yang baik-baik buat kamu dan begitu juga makanan orang-orang yang pernah diberi kitab (ahli kitab) adalah halal buat kamu, dan sebaliknya makananmu halal buat mereka." (al-Maidah: 5)

Maksud ayat di atas secara ringkas: bahawa hari ini semua yang baik, halal buat kamu, kerana itu tidak ada lagi apa yang disebut: Bahirah, saibah, washilah dan ham. Dan makanan ahli kitab pun halal buat kamu sesuai dengan hukum asal di mana sama sekali Allah tidak mengharamkannya, dan sebaliknya makananmu pun halal buat mereka. Jadi kamu boleh makan haiwan yang disembelih dan diburu oleh ahli kitab, dan sebaliknya kamu boleh memberi makan ahli kitab dengan haiwan yang kamu sembelih atau yang kamu buru.

Islam bersifat keras terhadap orang musyrik tetapi terhadap ahli kitab sangat lunak dan mempermudah, kerana mereka ini lebih dekat kepada orang mu'min, sebab sama-sama mengakui wahyu Allah, mengakui kenabian dan pokok-pokok agama secara global. Justeru itu pula kita dianjurkan untuk menaruh mawaddah terhadap mereka, boleh makan makanan

mereka, boleh kawin dengan wanita-wanita mereka dan bergaul dengan baik bersama mereka. Sebab kalau mereka itu sudah bergaul dengan kita dan memeluk Islam dengan penuh keyakinan dan kesadaran, mereka pun akan tahu bahawa agama kita itu justeru agama mereka juga dalam pengertian yang lebih tinggi, lebih sempurna bentuk-bentuknya dan lebih bersih lembaran-lembarannya dari segala macam bid'ah, kebatilan dan persekutuan.

Perkataan makanan ahli kitab adalah suatu ungkapan yang bersifat umum, meliputi seluruh macam makanan: sembelihannya, biji-bijiannya dan sebagainya. Semua ini halal buat kita, selama barang-barang tersebut tidak termasuk kategori haram, kerana zatnya seperti darah, bangkai dan daging babi. Semua ini tidak boleh kita makan dengan ijma' ulama, baik barang-barang tersebut makanan ahli kitab ataupun milik orang muslim.

Sampai di sini selesailah pembicaraan kita tentang masalah haiwan yang halal dan haram. Sekarang tinggal yang perlu untuk diterangkan kepada orang-orang Islam beberapa masalah yang sangat penting, iaitu:

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Sembelihan syar'i: Sembelihan untuk gereja dan perayaan

1. Masalah pertama: Apabila tidak terdengar suara dari ahli kitab itu sebutan nama selain Allah, misalnya: Nama al-Masih dan Uzair ketika menyembelih, maka makanannya tersebut tetap halal buat orang Islam. Tetapi kalau sampai terdengar suara penyebutan nama selain Allah, maka dari kalangan ahli fiqih ada yang mengharamkannya kerana termasuk apa yang disebut uhilla lighairillah (yang disembelih bukan kerana Allah). Tetapi sementara ada juga yang berpendapat halal.

Abu Darda' pernah ditanya tentang kambing yang disembelih untuk suatu gereja yang disebut jurjas, haiwan itu mereka hadiahkan buat gereja tersebut, apakah boleh kita makan? Maka jawab Abu Darda': "Boleh." Sebab mereka itu adalah ahli kitab yang makanannya sudah jelas halal buat kita, dan sebaliknya makanan kita pun halal buat mereka. Kemudian dia suruh memakannya.

Imam Malik pernah ditanya tentang sembelihan ahli kitab untuk hari-hari besar dan gereja mereka, maka kata Imam Malik: Aku memakruhkannya dan aku tidak menganggapnya haram.

Imam Malik memakruhkannya, kerana termasuk dalam kategori wara' (berhati-hati supaya tidak jatuh ke dalam maksiat) kerana khuatir kalau-kalau dia itu termasuk ke dalam apa yang disebut haiwan yang disembelih bukan kerana Allah. Dan ia tidak mengharamkan,

kerana erti dan maksud apa yang disembelih bukan kerana Allah itu menurut pendapatnya, sepanjang yang dinisbatkan kepada ahli kitab, iaitu yang disembelih untuk bertaqarrub kepada Tuhan sedang mereka (ahli kitab) itu sendiri tidak memakannya. Dan apa yang disembelih dan dimakan adalah termasuk makanan mereka, sedang dalam hal ini Allah telah menegaskan: "Bahawa makanan ahli kitab itu halal buat kamu."

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Sembelihan syar'i: Sembelihan dengan elektrik

2. Masalah kedua: Apakah penyembelihan mereka itu dipersyaratkan seperti penyembelihan kita juga, iaitu dengan pisau yang tajam dan dilakukan pada leher haiwan?

Kebanyakan para ulama berpendapat demikian. Tetapi menurut fatwa pengikut-pengikut madzhab Imam Malik, bahawa yang demikian itu tidak termasuk persyaratan.

Al-Qadhi Ibnu Arabi berkata ketika menafsiri ayat 5 surah al-Maidah itu sebagai berikut: Ini suatu dalil yang tegas, bahawa haiwan buruan dan makanan ahli kitab itu adalah termasuk makan yang baik-baik (thayyibaat) yang telah dihalalkan Allah dengan mutlak. Allah mengulang-ulanginya itu hanyalah bermaksud untuk menghilangkan keragu-raguan pertentangan-pertentangan yang timbul dari perasaan-perasaan yang salah, yang memang sering menimbulkan suatu pertentangan dan memperpanjang omongan.

Saya pernah ditanya tentang seorang Kristian yang membelit leher ayam kemudian dimasaknya, apakah itu boleh dimakan atau diambil sebagian daripadanya sebagai makanan? Maka jawab saya: Boleh dimakan, kerana dia itu termasuk makanannya dan makanan pendeta dan pastor, sekalipun ini menurut kita tidak termasuk penyembelihan, namun Allah telah menghalalkan makanan mereka itu secara mutlak. Makanan apapun yang dibenarkan oleh agama mereka bererti halal buat kita, kecuali yang memang oleh Allah telah didustakan. Ulama-ulama kita pernah berkata: Mereka telah menyerahkan wanita-wanita mereka kepada kita untuk dikawin dan halal kita setubuhi, mengapa penyembelihannya tidak boleh kita makan, sedang makan tidak sama dengan setubuh, halal dan haramnya. Demikian pendapat Ibnul-Arabi.

Kemudian di tempat lain ia berkata lagi: Mereka tidak makan yang bukan kerana disembelih, misalnya dengan dicekik dan dipukul kepalanya (dengan tidak bermaksud menyembelih, kerana itu haiwan tersebut termasuk bangkai yang haram).

Kedua pendapat beliau ini tidak bertentangan, sebab yang dimaksud ialah: Apa yang mereka anggap sebagai penyembelihan, bererti halal buat kita sekalipun menurut kita

sembelihannya itu tidak benar. Dan apa yang mereka anggap itu bukan sembelihan, tidaklah halal buat kita.

Dengan demikian, menurut mafhum musytarak apa yang disebut penyembelihan, iaitu bermaksud menyabung nyawa haiwan dengan niat untuk halalnya memakan haiwan tersebut.

Ini adalah pendapat ulama-ulama Malikiyah.
Dengan bercermin kepada apa yang telah kami sebutkan di atas, maka kita dapat mengetahui hukumnya daging-daging yang diimport dari negara-negara yang penduduknya majoritas ahli kitab, seperti ayam, corned sapi, yang semua itu kadang-kadang disembelih dengan menggunakan tenaga elektronik dan sebagainya. Selama haiwan-haiwan tersebut oleh mereka dianggapnya sebagai sembelihan, maka jelas halal buat kita, sesuai dengan umumnya ayat.

Adapun daging-daging yang diimport dari negara-negara Komunis, tidak boleh kita makan. Sebab mereka itu bukan ahli kitab, bahkan mereka adalah kufur dan anti kepada semua agama dan menentang Allah serta seluruh risalahnya.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Sembelihan syar'i: Sembelihan Majusi dan yang seumpamanya

Para ulama berbeza pendapat tentang penyembelihan orang Majusi. Kebanyakan mereka berpendapat tidak boleh memakannya kerana mereka termasuk orang musyrik. Sedang yang lain berpendapat halal kerana Nabi s.a.w. pernah bersabda:

"Perlakukanlah mereka itu seperti perlakuan terhadap ahli kitab." (Riwayat Malik dan Syafi'i)
"Dan Nabi sendiri pernah menerima upeti dari Majusi Hajar." (Riwayat Bukhari).

Oleh kerana itu, Ibnu Hazim berkata di bab penyembelihan dalam kitabnya Muhalla: "Mereka itu adalah ahli kitab, oleh kerana itu mereka dihukumi seperti hukum yang berlaku untuk ahli kitab dalam segala hal." (Lihat juz 7: 456).

Dan shabiun (penyembah haiwan) oleh Abu Hanifah dianggap sebagai ahli kitab juga.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Sembelihan syar'i: Qa'idah - Apa yang ghaib dari kita, jangan kita tanyakan mengenainya

Tidak menjadi kewajiban seorang muslim untuk menanyakan hal-hal yang tidak disaksikan,

misalnya: Bagaimana cara penyembelihannya? Terpenuhi syaratnya atau tidak? Disebut asma' Allah atau tidak? Bahkan apapun yang tidak kita saksikan sendiri tentang penyembelihannya baik dilakukan oleh seorang muslim, walaupun dia bodoh dan fasik, ataupun oleh ahli kitab, semuanya adalah halal buat kita.
Sebab, seperti apa yang telah kita sebutkan di atas, iaitu ada suatu kaum yang bertanya kepada Nabi: "Bahawa ada satu kaum yang memberinya daging, tetapi kita tidak tahu apakah disebut asma' Allah atau tidak. Maka jawab Nabi: Sebutlah asma' Allah atasnya dan makanlah," (Riwayat Bukhari).

Berdasar hadis ini para ulama berpendapat, bahawa semua perbuatan dan pengeluaran selalu dihukumi sah dan baik, kecuali ada dalil (bukti) yang menunjukkan rusakan batalnya perbuatan tersebut.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Berburu

BANYAK sekali orang-orang Arab dan bangsa-bangsa lain yang hidupnya berburu. Oleh kerana itu al-Quran dan hadis menganggap penting dalam persoalan ini; dan ahli-ahli fiqih pun kemudian membuatnya bab tersendiri, dengan menghuraikan mana yang halal dan mana yang haram, mana yang wajib dan mana yang sunnat.

Hal mana justeru banyaknya haiwan dan burung-burung yang dagingnya sangat baik sekali tetapi sukar didapat oleh manusia, kerana tidak termasuk haiwan peliharaan. Untuk itu Islam tidak memberikan persyaratan dalam menyembelih haiwan-haiwan tersebut seperti halnya persyaratan yang berlaku pada haiwan-haiwan peliharaan yang harus disembelih pada lehernya.

Islam menganggap cukup apa yang kiranya mudah, untuk memberikan keringanan dan keleluasaan kepada manusia. Di mana hal ini telah dibenarkan juga oleh fitrah dan keperluan manusia itu sendiri. Disini Islam hanya membuat beberapa peraturan dan persyaratan yang tunduk kepada aqidah dan tata-tertib Islam, serta membentuk setiap persoalan umat Islam dalam suatu karakter (shibghah) Islam.

Syarat-syarat itu ada yang bertalian dengan si pemburunya itu sendiri, ada yang bertalian dengan haiwan yang diburu dan ada yang bertalian dengan alat yang dipakai untuk berburu.

Semua persyaratan ini hanya berlaku untuk haiwan darat. Adapun haiwan laut, adalah seperti yang dikemukakan di atas, iaitu secara keseluruhannya telah dihalalkan Allah tanpa suatu ikatan apapun. Firman Allah:

"Dihalalkan bagi kamu haiwan buruan laut dan makanannya." (al-Maidah: 96)

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Berburu: Syarat Yang Berlaku Untuk Pemburu

1. Syarat yang berlaku untuk pemburu haiwan darat, sama halnya dengan syarat yang berlaku bagi orang yang akan menyembelih, iaitu harus orang Islam, ahli kitab atau orang yang dapat dikategorikan sebagai ahli kitab seperti Majusi dan Shabiin.

Termasuk tuntunan yang diajarkan Islam kepada orang-orang yang berburu, iaitu: mereka itu tidak bermain-main, sehingga melayanglah jiwa haiwan tersebut tetapi tidak ada maksud untuk dimakan atau dimanfaatkan. Di dalam salah satu hadisnya, Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Barangsiapa membunuh seekor burung pipit dengan maksud bermain-main, maka nanti di hari kiamat burung tersebut akan mengadu kepada Allah; ia berkata: 'Ya Tuhanku! Si Anu telah membunuh aku dengan bermain-main, tetapi tidak membunuh aku untuk diambil manfaat.'" (Riwayat Nasa'i dan Ibnu Hibban)

Dan di hadisnya yang lain pula, beliau bersabda:

"Tidak seorang pun yang membunuh burung pipit dan yang lebih kecil dari itu, tidak menurut haknya, melainkan akan ditanyakan Allah kelak di hari kiamat. Rasulullah s.a.w. kemudian ditanya: 'Apa hak burung itu, ya Rasulullah!' Nabi menjawab: 'Iaitu dia disembelih kemudian dimakan, tidak diputus kepalanya kemudian dibwang begitu saja.'" (Riwayat Nasa'i dan Hakim)

Selain daripada itu, bahawa diharuskan pula bagi seorang yang berburu itu, bukan sedang berihram. Sebab seorang muslim yang sedang berihram bererti dia berada dalam fase kedamaian dan keamanan yang menyeluruh yang berpengaruh sangat luas sekali terhadap alam sekelilingnya, termasuk haiwan di permukaan bumi dan burung yang sedang terbang di angkasa, sehingga haiwan-haiwan itu sekalipun berada di hadapannya dan mungkin untuk ditangkap dengan tangan. Tetapi hal ini adalah justeru merupakan ujian dan pendidikan guna membentuk seorang muslim yang berpribadi kuat dan tabah. Dalam hal ini Allah telah berfirman yang ertinya sebagai berikut:

"Hai orang-orang yang beriman! Sungguh Allah menguji kamu dengan sesuatu daripada haiwan buruan yang dapat ditangkap oleh tangan-tangan kamu dan tombak-tombak kamu, supaya Allah dapat membuktikan siapakah orang yang takut kepadaNya dengan ikhlas. Maka barangsiapa melanggar sesudah itu, baginya adalah siksaan yang pedih." (al-Maidah: 94)

"Diharamkan atas kamu berburu (haiwan) darat selama kamu dalam keadaan berihram." (al-Maidah: 96)

"...padahal kamu tidak dihalalkan berburu, sedang kamu dalam keadaan berihram." (al-Maidah: 1)

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Berburu: Syarat yang Berkenaan dengan Haiwan yang Diburu

2. Adapun syarat yang berkenaan dengan haiwan yang diburu, iaitu hendaknya haiwan tersebut tidak memungkinkan ditangkap manusia untuk disembelih pada lehernya. Kalau ternyata memungkinkan haiwan tersebut untuk disembelih di lehernya, maka haruslah disembelih dan tidak boleh pindah kepada cara lain, kerana menyembelih adalah termasuk pokok.

Begitu juga, kalau ada orang melepaskan panahnya atau anjingnya kemudian menangkap seekor haiwan dan ternyata haiwan tersebut masih hidup, maka dia harus menjadikan halalnya haiwan tersebut dengan disembelih di lehernya sebagaimana lazimnya. Tetapi kalau hidupnya itu tidak menentu, jika disembelih juga baik dan apabila tidak disembelih juga tidak berdosa. Sabda Nabi:

"Kalau kamu melepas anjingmu, maka sebutlah asma' Allah atasnya, maka jika anjing itu menangkap untuk kamu dan kamu dapati dia masih hidup, maka sembelihlah." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Berburu: Alat yang Dipakai Untuk Berburu

3. Alat yang dipakai untuk berburu ada dua macam:

a. Alat yang dapat melukai, seperti panah, pedang dan tombak. Sebagaimana diisyaratkan al-Quran dalam firmanNya:

"...yang dapat ditangkap oleh tangan-tangan kamu dan tombak-tombak kamu. " (al-Maidah: 94)

b. Haiwan yang dapat melukai kerana berkat didikan yang diberikan, seperti anjing, singa, burung elang, rajawali dan sebagainya. Firman Allah:

"Dihalalkan buat kamu yang baik-baik dan apa-apa yang kamu ajar dari haiwan-haiwan pemburu. yang terdidik, kamu ajar mereka dari apa-apa yang Allah ajarkan kepadamu." (al-Maidah: 4)

2.1: Berburu Dengan Senjata Tajam

Berburu dengan alat diperlukan dua persyaratan:

1) Hendaknya alat tersebut dapat menembus kulit, di mana haiwan tersebut mati kerana ketajaman alat tersebut, bukan kerana beratnya.

Adi bin Hatim pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w. bahawa ia melempar haiwan dengan golok dan mengenainya. Maka jawab Nabi:

"Apabila Kamu melempar dengan golok, dan golok itu dapat menembus (melukai) kulit, maka makanlah. Tetapi kalau yang mengenai itu silangnya, maka janganlah kamu makan." (Riwayat Bukhari, Muslim)
Hadis ini menunjukkan, bahawa yang terpenting ialah lukanya, sekalipun pembunuhan itu dilakukan dengan alat yang berat. Dengan demikian, maka halallah haiwan yang diburu dengan peluru dan senjata api dan sebagainya. Kerana alat-alat tersebut lebih dapat menembus daripada panah, tombak dan pedang.

Adapun hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad yang berbunyi:

"Jangan kamu makan haiwan yang mati kerana senapan, kecuali apa-apa yang kamu sembelih."
Dan yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dari perkataan Umar dalam bab Haiwan yang mati kerana senapan, bahawa senapan yang dimaksud di sini, ialah senapan yang pelurunya itu terbuat dari tanah liat, kalau sudah kering kemudian dipakai untuk berburu. Senapan seperti ini bukan senapan yang sebenarnya (menurut pengertian sekarang. Penyusun).

Termasuk senapan jenis ini, ialah berburu dengan menggunakan batu bulat (sebangsa kerikil). Hal ini dengan tegas telah dilarang oleh Nabi dengan sabdanya:

"Bahawa (kerikil) itu tidak dapat untuk memburu haiwan dan tidak dapat melukai musuh, tetapi dia dapat menanggalkan gigi dan mencabut mata." (Riwayat Bukhari dan Muslim)
2) Harus disebut asma' Allah ketika melemparkan alat tersebut atau ketika memukulkannya, sebagaimaria apa yang diajarkan Rasulullah s.a.w. kepada Adi bin Hatim. Sedang hadis-hadisnya adalah merupakan asas daripada bab ini.

2.1: Berburu dengan Menggunakan Anjing dan Sebagainya

Kalau berburu itu dengan menggunakan anjing, atau burung elang, misalnya, maka yang diharuskan dalam masalah ini ialah sebagai berikut:

1. Haiwan tersebut harus dididik.

2. Haiwan tersebut harus memburu untuk kepentingan tuannya. Atau dengan ungkapan yang dipakai al-Quran, iaitu: Hendaknya haiwan tersebut menangkap untuk kepentingan tuannya, bukan untuk kepentingan dirinya sendiri.

3. Disebutnya asma' Allah ketika melepas. Dasar persyaratan ini ialah sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Quran:

"Mereka bertanya kepadamu (Muhammad!). Apakah yang dihalalkan buat mereka? Katakanlah: Telah dihalalkan kepadamu yang baik-baik dan apa-apa yang kamu ajar dari haiwan-haiwan penangkap yang terdidik, yang kamu ajar mereka dari apa-apa yang Allah telah mengajarkan kepadamu, maka makanlah dari apa-apa yang mereka tangkap untuk kamu dan sebutlah asma'Allah atasnya" (al-Maidah: 4)

a) Definisi mengajar, sebagaimana yang dikenal, iaitu kemampuan si tuan untuk memberi komando dan mengarahkan, di mana kalau anjing itu diundang akan datang, kalau dilepas untuk berburu dia akan bertahan dan kalau diusir akan pergi - walaupun definisi ini ada sedikit perbezaan antara ahli-ahli fiqih dalam beberapa hal - tetapi yang terpenting, iaitu pendidikannya itu dapat dibuktikan menurut kebiasaan yang berlaku.

b) Definisi menangkap untuk tuannya, iaitu bahawa haiwan tersebut tidak makan haiwan yang ditangkap itu.

Sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w.:

"Kalau kamu melepaskan anjing, kemudian dia makan haiwan buruan itu, maka jangan kamu makan dia, sebab bererti dia itu menangkap untuk dirinya sendiri. Tetapi jika kamu lepas dia kemudian dapat membunuh dan tidak makan, maka makanlah kerana dia itu menangkap untuk tuannya." (Riwayat Ahmad, dan yang sama dengan hadis ini diriwayatkan juga oleh Imam Bukhari dan Muslim)

Diantara ahli-ahli fiqih ada yang membezakan antara haiwan buas sebangsa anjing dan burung sebangsa rajawali. Kalau burung itu makan sedikit dari haiwan yang ditangkapnya, maka haiwan tersebut boleh dimakan, tetapi apa yang dimakan oleh anjing tidak boleh dimakan.

Hikmah kedua persyaratan ini, iaitu: mendidik anjing dan menangkap untuk tuannya, adalah menunjukkan ketinggian martabat manusia dan kebersihan manusia sehingga tidak hendak

makan kelebihan atau sisa anjing; dan keberanian anjing itu sendiri dapat memungkinkan untuk mempermainkan jiwa-jiwa yang lemah. Tetapi kalau anjing itu terdidik dan dia menangkap untuk tuannya, maka waktu itu dia berkedudukan sebagai alat yang dipakai oleh pemburu yang tak ubahnya dengan tombak.

3) Sedang menyebut asma' Allah ketika melepas anjing, iaitu seperti menyebut asma' Allah ketika melepaskan panah, tombak atau memukulkan pedang. Dalam hal ini ayat al-Quran telah memerintah dengan tegas "dan sebutlah asma' Allah atasnya" (al-Maidah: 4). Begitu juga beberapa hadis yang sahih, yang di antaranya ialah hadisnya Adi bin Hatim.

Di antara dalil yang menunjukkan persyaratan ini, iaitu kalau ada seekor anjing berburu bersama anjing lainnya, kemudian si tuan itu memakai kedua anjing tersebut, maka haiwan yang ditangkap oleh kedua anjing tersebut tidak halal.

Dalam hal ini Adi pernah bertanya kepada Nabi sebagai berikut:

"Aku melepaskan anjingku, tetapi kemudian kudapati anjingku itu bersama anjing lain, aku sendiri tidak tahu anjing manakah yang menangkapnya? Maka jawab Nabi. Jangan kamu makan, sebab kamu menyebut asma' Allah itu pada anjingmu, sedang anjing yang lain tidak." (Riwayat Ahmad)
Kemudian kalau lupa tidak menyebut asma' Allah baik ketika memanah ataupun ketika melepas anjing, maka dalam hal ini Allah tidak mengambil suatu tindakan hukum kepada orang yang lupa dan keliru. Oleh kerana itu susullah penyebutan asma' Allah itu ketika makan, sebagaimana telah terdahulu pembicaraannya dalam bab menyembelih.

Tentang hikmah menyebut asma' Allah telah kami jelaskan dalam bab penyembelihan, maka apa yang dikatakan di sana, begitulah yang dikatakan di bab ini juga.

Kalau Haiwan Itu Didapati Sudah Mati:

Kadang-kadang terjadi, seorang pemburu melepaskan panahnya mengenai seekor haiwan, tetapi haiwan tersebut menghilang, beberapa saat, kemudian dijumpainya sudah mati. Hal ini bisa jadi sudah berjalan beberapa hari lamanya.

Dalam persoalan ini, haiwan tersebut bisa menjadi halal dengan beberapa syarat:

1) Bahawa haiwan tersebut tidak jatuh ke dalam air.

Seperti yang dikatakan oleh Nabi s.a.w.:

"Kalau kamu melemparkan panahmu, maka jika kamu dapati haiwan itu sudah mati, makanlah, kecuali apabila haiwan tersebut kamu dapati jatuh ke dalam air, maka kamu tidak tahu: apakah air itu yang menyebabkan haiwan tersebut mati ataukah panahmu?" (Riwayat Bukhari dan Muslim)
2) Tidak terdapat tanda-tanda mati kerana bekas panah orang lain yang menjadi sebab matinya haiwan tersebut.

Seperti apa yang pernah ditanyakan Adi bin Hatim kepada Rasulullah s.a.w:
"Ya Rasulullah! Saya melempar haiwan, kemudian saya dapati pada haiwan tersebut ada bekas panahku yang kemarin, apakah boleh dimakan? Maka jawab Nabi, 'Kalau kamu yakin, bahawa panahmulah yang membunuhnya dan tidak ada bekas (digigit) haiwan buas, maka makanlah." (Riwayat Tarmizi)
3) Haiwan tersebut belum sampai busuk; sebab menurut tabiat yang wajar akan menganggap kotor dan jijik terhadap haiwan yang sudah busuk, lebih-lebih kalau hal itu dimungkinkan akan membawa bahaya.

Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. pernah berkata kepada Abu Tsa'labah al-Khasyani sebagai berikut:

"Kalau kamu melemparkan panahmu, kemudian haiwan itu menghilang sampai tiga hari dan kamu dapati sudah mati, maka makanlah selama haiwan tersebut belum busuk." (Riwayat Tarmizi)

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Khamar (Arak): KHAMAR adalah bahan yang mengandung alkohol yang memabukkan.
Untuk lebih jelasnya, di sini akan kami sebutkan beberapa bahaya khamar terhadap pribadi seseorang, baik akalnya, tubuhnya, agamanya dan dunianya. Akan kami jelaskan juga betapa bahayanya terhadap rumahtangga ditinjau dari segi pemeliharaannya hendakpun pengurusannya terhadap isteri dan anak-anak. Dan akan kami bentangkan juga betapa mengancamnya arak terhadap masyarakat dan bangsa dalam existensinya, baik yang berupa moral hendakpun etika.

Sungguh benar apa yang dikatakan oleh salah seorang penyelidik, bahawa tidak ada bahaya yang lebih parah yang diderita manusia, selain bahaya arak. Kalau diadakan penyelidikan secara teliti di rumah-rumah sakit, bahawa kebanyakan orang yang gila dan mendapat gangguan saraf adalah disebabkan arak. Dan kebanyakan orang yang bunuh diri ataupun yang membunuh kawannya adalah disebabkan arak. Termasuk juga kebanyakan orang yang

mengadukan dirinya kerana diliputi oleh suasana kegelisahan, orang yang membawa dirinya kepada lembah kebangkrutan dan menghabiskan hak miliknya, adalah disebabkan oleh arak.

Begitulah, kalau terus diadakan suatu penelitian yang cermat, nescaya akan mencapai batas klimaks yang sangat mengerikan yang kita jumpai, bahawa nasihat-nasihat, kecil sekali ertinya.

Orang-orang Arab dalam masa kejahilannya selalu disilaukan untuk minum khamar dan menjadi pencandu arak. Ini dapat dibuktikan dalam bahasa mereka yang tidak kurang dari 100 hama dibuatnya untuk mensifati khamar itu. Dalam syair-syairnya mereka puji khamar itu, termasuk sloki-slokinya, pertemuan-pertemuannya dan sebagainya.

Setelah Islam datang, dibuatnyalah rencana pendidikan yang sangat bijaksana sekali, iaitu dengan bertahap khamar itu dilarang. Pertama kali yang dilakukan, iaitu dengan melarang mereka untuk mengerjakan sembahyang dalam keadaan mabuk, kemudian meningkatkan dengan diterangkan bahayanya sekalipun manfaatnya juga ada, dan terakhir baru Allah turunkan ayat secara menyeluruh dan tegas, iaitu sebagaimana firmanNya:

"Hai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, berhala, dan undian adalah kotor dari perbuatan syaitan. Oleh kerana itu jauhilah dia supaya kamu bahagia. Syaitan hanya bermaksud untuk mendatangkan permusuhan dan kebencian di antara kamu disebabkan khamar dan judi, serta menghalangi kamu ingat kepada Allah dan sembahyang. Apakah kamu tidak hendak berhenti?" (al-Maidah: 90-91)

Dalam kedua ayat tersebut Allah mempertegas diharamkan arak dan judi yang diiringi pula dengan menyebut berhala dan undian dengan dinilainya sebagai perbuatan najis (kotor). Kata-kata His (kotor, najis) ini tidak pernah dipakai dalam al-Quran, kecuali terhadap hal yang memang sangat kotor dan jelek.
Khamar dan judi adalah berasal dari perbuatan syaitan, sedang syaitan hanya gemar berbuat yang tidak baik dan mungkar. Justeru itulah al-Quran menyerukan kepada umat Islam untuk menjauhi kedua perbuatan itu sebagai jalan untuk menuju kepada kebagiaan.

Selanjutnya al-Quran menjelaskan juga tentang bahaya arak dan judi dalam masyarakat, yang di antaranya dapat mematahkan orang untuk mengerjakan sembahyang dan menimbulkan permusuhan dan kebencian. Sedang bahayanya dalam jiwa, iaitu dapat menghalang untuk menunaikan kewajiban-kewajiban agama, diantaranya ialah zikrullah dan sembahyang.

Terakhir al-Quran menyerukan supaya kita berhenti dari minum arak dan bermain judi.

Seruannya diungkapkan dengan kata-kata yang tajam sekali, iaitu dengan kata-kata: fahal antum muntahun? (apakah kamu tidak hendak berhenti?).

Jawab seorang mu'min terhadap seruan ini: "Ya, kami telah berhenti, ya Allah!"

Orang-orang mu'min membuat suatu keanehan sesudah turunnya ayat tersebut, iaitu ada seorang lelaki yang sedang membawa sloki penuh arak, sebagiannya telah diminum, tinggal sebagian lagi yang sisa. Setelah ayat tersebut sampai kepadanya, gelas tersebut dilepaskan dan araknya ditwang ke tanah.

Banyak sekali negara-negara yang mengakui bahaya arak ini, baik terhadap pribadi, rumah tangga ataupun tanah air. Sementara ada yang berusaha untuk membanterasnya dengan menggunakan kekuatan undang-undang dan kekuasaan, seperti Amerika, tetapi akhirnya mereka gagal. Tidak dapat seperti yang pernah dicapai oleh Islam di dalam membanteras dan menghilangkan arak ini.

Dari kalangan kepala-kepala gereja bertentangan dalam menilai bagaimana pandangan Kristian terhadap masalah arak, justeru kerana di Injil ditegaskan: "Bahawa arak yang sedikit itu baik buat perut."

Kalau omongan itu betul, nescaya yang sedikit itu perlu dihentikan, sebab minum arak sedikit, dapat membawa kepada banyak. Gelas pertama akan disambut dengan gelas kedua dan begitulah seterusnya sehingga akhirnya menjadi terbiasa.

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Khamar (Arak):Setiap Yang Memabukkan Bererti Arak

Pertama kali yang dicanangkan Nabi Muhammad s.a.w. tentang masalah arak, iaitu beliau tidak memandangnya dari segi bahan yang dipakai untuk membuat arak itu, tetapi beliau memandang dari segi pengaruh yang ditimbulkan, iaitu memabukkan. Oleh kerana itu bahan apapun yang nyatanyata memabukkan bererti dia itu arak, betapapun merek dan nama yang dipergunakan oleh manusia; dan bahan apapun yang dipakai. Oleh sebab itu Beer dan sebagainya dapat dihukumi haram.

Rasulullah s.a.w. pernah ditanya tentang minuman yang terbuat dari madu, atau dari gandum dan sya'ir yang diperas sehingga menjadi keras. Nabi Muhammad sesuai dengan sifatnya berbicara pendek tetapi padat, maka didalam menjawab pertanyaan tersebut beliau sampaikan dengan kalimat yang pendek juga, tetapi padat:

"Semua yang memabukkan bererti arak, dan setiap arak adalah haram." (Riwayat Muslim)

Dan Umar pun mengumumkan pula dari atas mimbar Nabi, "Bahawa yang dinamakan arak ialah apa-apa yang dapat menutupi fikiran." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Khamar (Arak): Minum Sedikit

Untuk kesekian kalinya Islam tetap bersikap tegas terhadap masalah arak. Tidak lagi dipandang kadar minumannya, sedikit atau banyak. Kiranya arak telah cukup dapat menggelincirkan kaki manusia. Oleh kerana itu sedikitpun tidak boleh disentuh.

Justeru itu pula Rasulullah s.a.w. pernah menegaskan:

"Minuman apapun kalau banyaknya itu memabukkan, maka sedikitnya pun adalah haram." (Riwayat Ahmad, Abu Daud, Tarmizi)
"Minuman apapun kalau sebanyak furq6 itu memabukkan, maka sepenuh tapak tangan adalah haram." (Riwayat Ahmad, Abu Daud, Tarmizi)

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Khamar (Arak): Memperdagangkan Arak

Rasulullah tidak menganggap sudah cukup dengan mengharamkan minum arak, sedikit ataupun banyak, bahkan memperdagangkan pun tetap diharamkan, sekalipun dengan orang di luar Islam. Oleh kerana itu tidak halal hukumnya seorang Islam mengimport arak, atau memproduser arak, atau membuka warung arak, atau bekerja di tempat penjualan arak.

Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. pernah melaknatnya, iaitu seperti tersebut dalam riwayat di bawah ini:

"Rasulullah s.a.w. melaknat tentang arak, sepuluh golongan: (1) yang memerasnya, (2) yang minta diperaskannya, (3) yang meminumnya, (4) yang membawanya, (5) yang minta dihantarinya, (6) yang menwangkannya, (7) yang menjualnya, (8) yang makan harganya, (9) yang membelinya, (10) yang minta dibelikannya." (Riwayat Tarmizi dan Ibnu Majah)
Setelah ayat al-Quran surah al-Maidah (90-91) itu turun, Rasulullah s.a.w. kemudian bersabda:

"Sesungguhnya Allah telah mengharamkan arak, maka barangsiapa yang telah mengetahui ayat ini dan dia masih mempunyai arak walaupun sedikit, jangan minum dan jangan menjualnya." (Riwayat Muslim)
Rawi hadis tersebut menjelaskan, bahawa para sahabat kemudian mencegat orang-orang yang masih menyimpan arak di jalan-jalan Madinah lantas ditwangnya ke tanah.

Sebagai cara untuk membendung jalan yang akan membawa kepada perbuatan yang haram (saddud dzara'ik), maka seorang muslim dilarang menjual anggur kepada orang yang sudah diketahui, bahawa anggur itu akan dibuat arak. Kerana dalam salah satu hadis dikatakan:

"Barangsiapa menahan anggurnya pada musim-musim memetiknya, kemudian dijual kepada seorang Yahudi atau Nasrani atau kepada tukang membuat arak, maka sungguh jelas dia akan masuk neraka." (Riwayat Thabarani)

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Khamar (Arak): Seorang Muslim Tidak Boleh Menghadiahkan Arak

Kalau menjual dan memakan harga arak itu diharamkan bagi seorang muslim, maka menghadiahkannya walaupun tanpa ganti, kepada seorang Yahudi, Nasrani atau yang lain, tetap haram juga.

Seorang muslim tidak boleh menghadiahkan atau menerima hadiah arak. Sebab seorang muslim adalah baik, dia tidak boleh menerima kecuali yang baik pula.

Diriwayatkan, ada seorang lelaki yang memberi hadiah satu guci arak kepada Nabi s.a.w., kemudian Nabi memberitahu bahawa arak telah diharamkan Allah. Orang lelaki itu bertanya:

Rajul: Bolehkah saya jual?
Nabi: Zat yang mengharamkan meminumnya, mengharamkannya juga menjualnya.
Rajul: Bagaimana kalau saya hadiahkan raja kepada orang Yahudi?
Nabi: Sesungguhnya Allah yang telah mengharamkan arak, mengharamkan juga untuk dihadiahkan kepada orang Yahudi.
Rajul: Habis, apa yang harus saya perbuat?
Nabi: Tuang saja di selokan air. (Al-Humaidi dalam musnadnya)

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Khamar (Arak): Tinggalkan Tempat Persidangan Arak

Berdasar sunnah Nabi, orang Islam diharuskan meninggalkan tempat persidangan arak, termasuk juga berduduk-duduk dengan orang yang sedang minum arak.

Diriwayatkan dari Umar r.a. bahawa dia pernah mendengar Rasulullah s,a.w. bersabda:

"Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhir, maka janganlah duduk pada suatu hidangan yang padanya diedarkan arak." (Riwayat Ahmad)
Setiap muslim diperintah untuk menghentikan kemungkaran kalau menyaksikannya. Tetapi kalau tidak mampu dia harus menyingkir dan menjaga masyarakat dan keluarganya.

Dalam salah satu kisah diceritakan, bahawa Khalifah Umar bin Abdul Aziz pernah mendera orang-orang yang minum arak dan yang ikut menyaksikan persidangan mereka itu, sekalipun orang yang menyaksikan itu tidak turut minum bersama mereka.

Dan diriwayatkan pula, bahawa pernah ada suatu kaum yang diadukan kepadanya kerana minum arak, kemudian beliau memerintahkan agar semuanya didera. Lantas ada orang yang berkata: 'Bahawa di antara mereka itu ada yang berpuasa.' Maka jawab Umar: 'Dera dulu dia!'

Apakah kamu tidak mendengarkan firman Allah yang mengatakan;

"Sungguh Allah telah menurunkan kepadamu dalam al-Ouran, bahawa apabila kamu mendengar ayat-ayat Allah ditentangnya dan diejeknya. Oleh kerana itu jangan kamu duduk bersama mereka, sehingga mereka itu tenggelam dalam omongan lain, sebab sesungguhnya kamu kalau demikian keadaannya adalah sama dengan mereka." (an-Nisa': 140)

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Khamar (Arak): Khamar Adalah Penyakit Bukan Ubat

Dengan nas-nas yang jelas, maka Islam dengan gigih membanteras arak dan menjauhkan umat Islam dari arak, serta dibuatnya suatu pagar antara umat Islam dan arak itu. Tidak ada satupun pintu yang terbuka, betapa pun sempitnya pintu itu, buat meraihnya.

Tidak seorang Islam pun yang diperkenankan minum arak walaupun hanya sedikit. Tidak juga diperkenankan untuk menjual, membeli, menghadiahkan ataupun membuatnya. Disamping itu tidak pula diperkenankan menyimpan di tokonya atau di rumahnya. Termasuk juga dilarang menghidangkan arak dalam perayaan-perayaan, baik kepada orang Islam ataupun kepada orang lain. Juga dilarang mencampurkan arak pada makanan ataupun minuman.

Tinggal ada satu segi yang sering oleh sementara orang ditanyakan, iaitu tentang arak dipakai untuk berubat Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. pernah menjawab kepada orang yang

bertanya tentang hukum arak. Lantas Nabi menjawab: Dilarang! Kata lelaki itu kemudian: "Innama nashna'uha liddawa' (kami hanya pakai untuk berubat).

Maka jawab Nabi selanjutnya:

"Arak itu bukan ubat, tetapi penyakit." (Riwayat Muslim, Ahmad, Abu Daud dan Tarmizi)

Dan sabdanya pula:

“Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan ubat, dan menjadikan untuk kamu bahawa tiap penyakit ada ubatnya, oleh kerana itu berubatlah, tetapi jangan berubat dengan yang haram." (Riwayat Abu Daud)
Dan Ibnu Mas'ud pernah juga mengatakan perihal minuman yang memabukkan: "Sesungguhnya Allah tidak menjadikan kesembuhanmu dengan sesuatu yang Ia haramkan atas kamu." (Riwayat Bukhari)

Memang tidak menghairankan kalau Islam melarang berubat dengan arak dan benda-benda lain yang diharamkan, sebab diharamkan sesuatu, sesuai dengan analisa Ibnul Qayim, mengharuskan untuk dijauhi selamanya dengan jalan apapun. Maka kalau arak itu boleh dipakai untuk berubat, bererti ada suatu anjuran supaya mencintai dan menggunakan arak itu. Ini jelas berlawanan dengan apa yang dimaksud oleh syara'.

Selanjutnya kata Ibnul Qayim: Membolehkan berubat dengan arak, lebih-lebih bagi jiwa yang ada kecenderungan terhadap arak, akan cukup menarik orang untuk meminumnya demi memenuhi selera dan untuk bersenang-senang, terutama orang yang mengerti akan manfaatnya arak dan dianggapnya dapat menghilangkan sakitnya, maka pasti dia akan menggunakan arak guna kesembuhan penyakitnya itu.

Sebenarnya ubat-ubat yang haram itu tidak lebih hanya kira-kira saja dapat menyembuhkan.

Ibnul Qayim memperingatkan juga yang ditinjau dari segi kejiwaan, ia mengatakan: "Bahawa syaratnya sembuh dari penyakit haruslah berubat yang dapat diterima akal, dan yakin akan manfaatnya ubat itu serta adanya barakah kesembuhan yang dibuatnya oleh Allah. Sedang dalam hal ini telah dimaklumi, bahawa setiap muslim sudah berkeyakinan akan haramnya arak, yang kerana keyakinannya ini dapat mencegah orang Islam untuk mempercayai kemanfaatan dan barakahnya arak itu, dan tidak bisa jadi seorang muslim dengan keyakinannya semacam itu untuk berhusnundz-dzan (beranggapan baik) terhadap arak dan dianggapnya sebagai ubat yang dapat diterima akal. Bahkan makin tingginya iman seseorang, makin besar pula kebenciannya terhadap arak dan makin tidak baik keyakinannya terhadap

arak itu. Sebab kepribadian seorang muslim harus membenci arak. Kalau demikian halnya, arak adalah penyakit, bukan ubat."

Walaupun demikian, kalau sampai terjadi keadaan darurat, maka darurat itu dalam pandangan syariat Islam ada hukumnya tersendiri.

Oleh kerana itu, kalau seandainya arak atau ubat yang dicampur dengan arak itu dapat dinyatakan sebagai ubat untuk sesuatu penyakit yang sangat mengancam kehidupan manusia, di mana tidak ada ubat lainnya kecuali arak, dan saya sendiri percaya hal itu tidak akan terjadi, dan setelah mendapat pengesahan dari doktor muslim yang mahir dalam ilmu kedoktoran dan mempunyai jiwa semangat (ghirah) terhadap agama, maka dalam keadaan demikian berdasar kaidah agama yang selalu membuat kemudahan dan menghilangkan beban yang berat, maka berubat dengan arak tidaklah dilarang, dengan syarat dalam batas seminimal mungkin.
Sesuai dengan firman Allah:

"Barangsiapa terpaksa dengan tidak sengaja dan tidak melewati batas maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun dan Maha Belas-kasih." (al-An'am: 145)

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Narkotik

Al-KHAMRU maa khaamaral aqla (arak ialah semua bahan yang dapat menutupi akal), suatu ungkapan yang pernah dikatakan oleh Umar Ibnul-Khattab dari atas mimbar Rasulullah s.a.w. Kalimat ini memberikan pengertian yang tajam sekali tentang apa yang dimaksud arak itu. Sehingga dengan demikian tidak banyak lagi pertanyaan-pertanyaan dan kesamaran.

Demikianlah, maka setiap yang dapat mengganggu fikiran dan mengeluarkan akal dari tabiatnya yang sebenarnya, adalah disebut arak yang dengan tegas telah diharamkan Allah dan Rasul sampai hari kiamat nanti.

Dari itu pula, semua bahan yang kini dikenal dengan nama narkotik, seperti ganja, marijuana dan sebagainya yang sudah terkenal pengaruhnya terhadap perasaan dan akal fikiran, sehingga yang jauh menjadi dekat dan yang dekat menjadi jauh, dapat melupakan suatu kenyataan, dapat mengkhayal yang tidak akan terjadi dan orang bisa tenggelam dalam mimpi dan lamunan yang bukan-bukan. Orang yang minum bahan ini dapat melupakan dirinya, agamanya dan dunianya serta tenggelam dalam lembah khayal.

Ini, belum lagi apa yang akan terjadi pada tubuh manusia, bahawa narkotik dapat melumpuhkan anggota tubuh manusia dan menurunkan kesihatan.

Lebih dari itu, narkotik dapat mengganggu kemurnian jiwa, dan menghancurkan moral, meruntuhkan iradah dan melemahkan perasaan untuk melaksanakan kewajiban yang oleh pecandu-pecandu dijadikan sebagai alat untuk meracuni tubuh masyarakat.

Di balik itu semua, narkotik dapat menghabiskan wang dan merobohkan rumahtangga. Wang yang dipakai untuk membeli bahan tersebut adalah standard rumahtangga yang mungkin juga oleh pecandu-pecandu narkotik akan diambilnya dari harta standard hidup anak-anaknya; dan mungkin juga dia akan berbelok ke suatu jalan yang tidak baik justeru untuk mengambil keuntungan dari penjualan narkotik.

Kalau di atas telah kita sebutkan bahawa perbuatan haram itu dapat membawa kepada keburukan dan bahaya, maka bagi kita sudah cukup jelas tentang haramnya bahan yang amat jelek ini, yang tidak diragukan lagi bahayanya terhadap kesihatan, jiwa, moral, masyarakat dan perekonomian.
Haramnya narkotik ini telah disepakati oleh ahli-ahli fiqih yang pada zamannya dikenal dengan nama alkhabaits (yang jelek-jelek

Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah dalam tinjauannya, mengatakan: "Ganja (hasyisy) adalah bahan yang haram, baik orang yang merasakan itu mabuk ataupun tidak ... Hasyisy ini selalu dipakai oleh orang-orang jahat, kerana di dalamnya mengandung unsur-unsur yang memabukkan dan menyenangkan. Biasanya dicampur dengan minuman-minuman yang memabukkan.

Bezanya hasyisy dengan arak, bahawa arak dapat menimbulkan suatu reaksi dan pertentangan. Tetapi hasyisy dapat menimbulkan suatu krisis dan kelemahan. Justeru itu dia dapat merusak fikiran dan membuka pintu syahwat serta hilangnya perasaan semangat (ghirah). Justeru itu dia lebih berbahaya daripada minuman keras. Ini sudah pernah terjadi di kalangan orang-orang Tartar.

Dan bagi yang merasakannya, sedikit ataupun banyak didera 80 atau 40 kali.

Barangsiapa yang dengan terang-terangan merasakan hasyisy ini dia akan ditempatkan sebagaimana halnya orang yang terang-terangan minum arak, dan dalam beberapa hal lebih buruk daripada arak. Untuk itu dia akan dikenakan hukuman sebagaimana hukuman yang berlaku bagi peminum arak."

Kata Ibnu Taimiyah selanjutnya: "Menurut kaidah syara', semua barang haram yang dapat mengganggu jiwa seperti arak, zina dan sebagainya dikenakan hukum had (hukuman tindak kriminal), sedang yang tidak mengganggu jiwa seperti makan bangkai dikenakan tindakan ta'zir. 11 Sedang hasyisy termasuk bahan yang barangsiapa merasakannya berat untuk

hendak berhenti. Hukum haramnya telah ditegaskan dalam al-Quran dan Sunnah terhadap orang yang merasakannya sebagaimana makan makanan lainnya."

Bab 2.1: Makanan dan Minuman: Narkotik: Setiap yang Berbahaya Dimakan atau Diminum, Tetap Haram

Di sini ada suatu kaidah yang menyeluruh dan telah diakuinya dalam syariat Islam, iaitu bahawa setiap muslim tidak diperkenankan makan atau minum sesuatu yang dapat membunuh, lambat ataupun cepat, misalnya racun dengan segala macanya; atau sesuatu yang membahayakan termasuk makan atau minum yang terlalu banyak yang menyebabkan sakit. Sebab seorang muslim itu bukan menjadi milik dirinya sendiri, tetapi dia adalah milik agama dan umatnya. Hidupnya, kesihatannya, hartanya dan seluruh nikmat yang diberikan Allah kepadanya adalah sebagai barang titipan (amanat). Oleh kerana itu dia tidak boleh meneledorkan amanat itu. Firman Allah:

"Janganlah kamu membunuh diri-diri kamu, kerana sesungguhnya Allah Maha Belas-kasih kepadamu." (an-Nisa': 29)

"Jangan kamu mencampakkan diri-diri kamu kepada kebinasaan." (al-Baqarah: 195)

Dan Rasulullah s.a.w. pun bersabda:

"Tidak boleh membuat bahaya dan membalas bahaya." (Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah)
Sesuai dengan kaidah ini, maka kami berpendapat: sesungguhnya rokok (tembakau) selama hal itu dinyatakan membahayakan, maka menghisap rokok hukumnya adalah haram. Lebih-lebih kalau doktor pakar sudah menetapkan hal tersebut kepada seseorang tertentu.

Kalaupun toh ditakdirkan tidak jelas bahayanya terhadap kesihatan seseorang, tetapi yang jelas adalah membwang-bwang wang untuk sesuatu yang tidak bermanfaat, baik untuk agama ataupun untuk urusan dunia. Sedang dalam hadisnya dengan tegas Rasulullah s.a.w. melarang membuang-buang harta.

Larangan ini dapat diperkuat lagi, kalau ternyata harta tersebut amat diperlukan untuk dirinya sendiri, atau keluarganya.

Bab 2.2: Pakaian dan Perhiasan

ISLAM memperkenankan kepada setiap muslim, bahkan menyuruh supaya geraknya baik, elok dipandang dan hidupnya teratur dengan rapi untuk menikmati perhiasan dan pakaian yang telah dicipta Allah.

Adapun tujuan pakaian dalam pandangan Islam ada dua macam; iaitu, guna menutup aurat dan berhias. Ini adalah merupakan pemberian Allah kepada umat manusia seluruhnya, di mana Allah telah menyediakan pakaian dan perhiasan, kiranya mereka hendak mengaturnya sendiri.

Maka berfirmanlah Allah s.w.t.:

"Hai anak-cucu Adam! Sungguh Kami telah menurunkan untuk kamu pakaian yang dapat menutupi aurat-auratmu dan untuk perhiasan." (al-A'raf: 26)
Barangsiapa yang mengabaikan salah satu dari dua perkara di atas, iaitu berpakaian untuk menutup aurat atau berhias, maka sebenarnya orang tersebut telah menyimpang dari ajaran Islam dan mengikuti jejak syaitan. Inilah rahsia dua seruan yang dicanangkan Allah kepada umat manusia, sesudah Allah mengumandangkan seruanNya yang terdahulu itu, di mana dalam dua seruanNya itu Allah melarang keras kepada mereka telanjang dan tidak hendak berhias, yang justeru keduanya itu hanya mengikuti jejak syaitan belaka.

Untuk itulah maka Allah berfirman:

"Hai anak-cucu Adam! Jangan sampai kamu dapat diperdayakan oleh syaitan, sebagaimana mereka telah dapat mengeluarkan kedua orang tuamu (Adam dan Hawa) dari syurga, mereka dapat menanggalkan pakaian kedua orang tuamu itu supaya kelihatan kedua auratnya." (al-A'raf: 27)
"Hai anak-cucu Adam! Pakailah perhiasanmu di tiap-tiap masjid dan makanlah dan minumlah tetapi jangan berlebih-lebihan (boros)." (al-A'raf: 31)

Islam mewajibkan kepada setiap muslim supaya menutup aurat, di mana setiap manusia yang berbudaya sesuai dengan fitrahnya akan malu kalau auratnya itu terbuka. Sehingga dengan, demikian akan berbezalah manusia dari haiwan yang telanjang.

Seruan Islam untuk menutup aurat ini berlaku bagi setiap manusia, kendati dia seorang diri terpencil dari masyarakat, sehingga kesopanannya itu merupakan kesopanan yang dijiwai oleh agama dan moral yang tinggi.

Bahaz bin Hakim dari ayahnya dari datuknya menceritakan, kata datuknya itu:

"Ya, Rasulullah! Aurat kami untuk apa harus kami pakai, dan apa yang harus kami tinggalkan? Jawab Nabi. 'Jagalah auratmu itu kecuali terhadap isterimu atau hamba sahayamu.' Aku bertanya lagi: 'Ya, Rasulullah! Bagaimana kalau suatu kaum itu bergaul satu sama lain?' Jawab Nabi, 'Kalau kamu dapat supaya tidak seorang pun yang melihatnya, maka janganlah dia melihat.' Aku bertanya lagi: 'Bagaimana kalau kami sendirian?' Jawab Nabi, 'Allah tabaraka wa Ta'ala, lebih berhak (seseorang) malu kepadaNya." (Riwayat Ahmad, Abu Daud, Tarmizi, Ibnu Majah, Hakim dan Baihaqi)

Bab 2.2: Pakaian dan Perhiasan: Islam Agama Bersih dan Cantik

Sebelum Islam mencenderung kepada masalah perhiasan dan gerak yang baik, terlebih dahulu Islam mengerahkan kecenderungannya yang lebih besar kepada masalah kebersihan adalah merupakan dasar pokok bagi setiap perhiasan yang baik dan pemandangan yang elok.

Dalam salah satu hadisnya, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda sebagai berikut:

"Menjadi bersihlah kamu, kerana sesungguhnya Islam itu bersih." (Riwayat Ibnu Hibban) Dan sabdanya pula:

"Kebersihan itu dapat mengajak orang kepada iman. Sedang iman itu akan bersama pemiliknya ke syurga." (Riwayat Thabarani)
Rasulullah s.a.w. sangat menekankan tentang masalah kebersihan pakaian, badan, rumah dan jalan-jalan. Dan lebih serius lagi, iaitu tentang kebersihan gigi, tangan dan kepala.

Ini bukan suatu hal yang menghairankan, kerana Islam telah meletakkan suci (bersih) sebagai kunci bagi peribadatannya yang tertinggi iaitu shalat. Oleh kerana itu tidak akan diterima sembahyangnya seorang muslim sehingga badannya bersih, pakaiannya bersih dan tempat yang dipakai pun dalam keadaan bersih. Ini belum termasuk kebersihan yang diwajibkan terhadap seluruh badan atau pada anggota badan. Kebersihan yang wajib ini dalam Islam dilakukan dengan mandi dan wudhu'.

Kalau suasana bangsa Arab itu dikelilingi oleh suasana pedesaan padang pasir di mana orang-orangnya atau kebanyakan mereka itu telah merekat dengan meremehkan urusan kebersihan dan berhias, maka Nabi Muhammad s.a.w. waktu itu memberikan beberapa bimbingan yang cukup dapat membangkitkan, serta nasihat-nasihat yang jitu, sehingga mereka naik dari sifat-sifat primitif menjadi bangsa moden dan dari bangsa yang sangat kotor menjadi bangsa yang cukup necis.

Pernah ada seorang lelaki datang kepada Nabi, rambut dan janggutnya morat-marit tidak terurus, kemudian Nabi mengisyaratkan, seolah-olah memerintah supaya rambutnya itu diperbaiki, maka orang tersebut kemudian memperbaikinya, dan setelah itu dia kembali lagi menghadap Nabi.

Maka kata Nabi:

"Bukankah ini lebih baik daripada dia datang sedang rambut kepalanya morat-marit seperti syaitan?" (Riwayat Malik)
Dan pernah juga Nabi melihat seorang lelaki yang kepalanya kotor sekali.

Maka sabda Nabi:

"Apakah orang ini tidak mendapatkan sesuatu yang dengan itu dia dapat meluruskan rambutnya?"
Pernah juga Nabi melihat seorang yang pakaiannya kotor sekali, maka apa kata Nabi:

"Apakah orang ini tidak mendapatkan sesuatu yang dapat dipakai mencuci pakaiannya?" (Riwayat Abu Daud)

Dan pernah ada seorang lelaki datang kepada Nabi, pakaiannya sangat menjijikkan, maka tanya Nabi kepadanya:

"Apakah kamu mempunyai wang?" Orang tersebut menjawab: "Ya! saya punya" Nabi bertanya lagi. "Dari mana wang itu?" Orang itupun kemudian menjawab: "Dari setiap harta yang Allah berikan kepadaku." Maka kata Nabi: "Kalau Allah memberimu harta, maka sungguh Dia (lebih senang) menyaksikan bekas nikmatNya yang diberikan kepadamu dan bekas kedermawananNya itu." (Riwayat Nasa'i)
Masalah kebersihan ini lebih ditekankan lagi pada hari-hari berkumpul, misalnya: Pada hari Jum'at dan Hari raya. Dalam hal ini Nabi pun pernah bersabda:

"Sebaiknyalah salah seorang di antara kamu jika ada rezeki memakai dua pakaian untuk hari Jum'at, selain pakaian kerja." (Riwayat Abu Daud)

Bab 2.2: Pakaian dan Perhiasan: Emas dan Sutera Asli Haram Untuk Orang Lelaki

Kalau Islam telah memberikan perkenan bahkan menyerukan kepada umatnya supaya berhias dan menentang keras kepada siapa yang mengharamkannya, iaitu seperti yang dikatakan Allah dalam al-Quran:

"Siapakah yang berani mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkan untuk hambaNya dan begitu juga rezeki-rezeki yang baik (halal)?" (al-A'raf: 32)
Maka dibalik itu Islam telah mengharamkan kepada orang lelaki dua macam perhiasan, di mana kedua perhiasan tersebut justeru paling manis buat kaum wanita. Dua macam perhiasan itu ialah: Berhias dengan emas dan memakai kain sutera asli.

Ali bin Abu Talib r.a. berkata:

"Rasulullah s.a.w. mengambil sutera, ia letakkan di sebelah kanannya, dan ia mengambil emas kemudian diletakkan di sebelah kirinya, lantas ia berkata: Kedua ini haram buat orang lelaki dari umatku." (Riwayat Ahmad, Abu Daud, Nasa'i, Ibnu Hibban dan Ibnu Majah)

Tetapi Ibnu Majah menambah: "halal buat orang-orang wanita."

Dan Saiyidina Umar pernah juga berkata:

"Aku pernah mendengar Rasulullah s.a. w. bersabda: 'Jangan kamu memakai sutera, kerana barangsiapa memakai di dunia, nanti di akhirat tidak lagi memakainya.'" (Riwayat Bukhari dan Muslim)
Dan tentang masalah pakaian sutera Nabi pun pernah juga bersabda:

"Sesungguhnya ini adalah pakaian orang yang (nanti di akhirat) tidak ada sedikitpun bagian baginya." (Riwayat Bukhari dan Muslim)
Dan tentang masalah emas, Nabi s.a.w. pernah melihat seorang lelaki memakai cincin emas di tangannya, kemudian oleh Nabi dicabutnya cincin itu dan dibuang ke tanah. Kemudian beliau bersabda:

"Salah seorang diantara kamu ini sengaja mengambil bara api kemudian ia letakkan di tangannya. Setelah Rasulullah pergi, kepada si lelaki tersebut dikatakan: 'Ambillah cincinmu itu dan manfaatkanlah.' Maka jawabnya: 'Tidak! Demi Allah, saya tidak mengambil cincin yang telah dibuang oleh Rasulullah.'" (Riwayat Muslim)
Dan seperti cincin, menurut apa yang kami saksikan di kalangan orang-orang kaya, iaitu mereka memakai pena emas, jam emas, gelang emas, kaling rokok emas, mulut(?)/gigi emas dan seterusnya.

Adapun memakai cincin perak, buat orang lelaki jelas telah dihalalkan oleh Rasulullah s.a.w., sebagaimana tersebut dalam hadis riwayat Bukhari, bahawa Rasulullah sendiri memakai cicin perak, yang kemudian cincin itu pindah ke tangan Abubakar, kemudian pindah ke tangan Umar dan terakhir pindah ke tangan Usman sehingga akhirnya jatuh ke sumur Aris (di Quba').

Tentang logam-logam yang lain seperti besi dan sebagainya tidak ada satupun nas yang mengharamkannya, bahkan yang ada adalah sebaliknya, iaitu Rasulullah s.a.w. pernah menyuruh kepada seorang lelaki yang hendak kawin dengan sabdanya:

"Berilah (si wanita itu) mas kawin, walaupun dengan satu cincin dari besi." (Riwayat Bukhari)

Dari hadis inilah, maka Imam Bukhari beristidlal untuk menetapkan halalnya memakai cincin besi.

Memakai pakaian sutera dapat diberikan keringanan (rukhshah) apabila ada suatu keperluan yang berhubungan dengan masalah kesihatan, iaitu sebagaimana Rasulullah pernah mengizinkan Abdur-Rahman bin 'Auf dan az-Zubair bin Awwam untuk memakai sutera kerana ada luka di bagian badannya.

Bab 2.2: Pakaian dan Perhiasan: Hikmah Diharamkan Emas dan Sutera Terhadap Lelaki

Di haramkannya dua perkara tersebut terhadap lelaki, Islam bermaksud kepada suatu tujuan pendidikan moral yang tinggi; sebab Islam sebagai agama perjwangan dan kekuatan, harus selalu melindungi sifat keperwiraan lelaki dari segala macam bentuk kelemahan, kejatuhan dan kemerosotan. Seorang lelaki yang oleh Allah telah diberi keistimewaan susunan anggotanya yang tidak seperti susunan keanggotaan wanita, tidak layak kalau dia meniru wanita-wanita ayu yang melebihkan pakaiannya sampai ke tanah dan suka bermegah-megah dengan perhiasan dan pakaian.

Di sebalik itu ada suatu tujuan sosial. Yakni, bahawa diharamkan emas dan sutera bagi lelaki adalah salah satu bagian daripada program Islam dalam rangka membanteras hidup bermewah-mewahan. Hidup bermewah-mewahan dalam pandangan al-Quran adalah sama dengan suatu kemerosotan yang akan menghancurkan sesuatu umat. Hidup bermewah-mewahan adalah merupakan manifestasi kejahatan sosial, di mana segolongan kecil bermewah-mewahan dengan cincin emas atas biaya golongan banyak yang hidup miskin lagi papa. Sesudah itu dilanjutkan dengan suatu sikap permusuhan terhadap setiap ajakan yang baik dan memperbaiki.

Dalam hat ini al-Quran telah menyatakan:

"Dan apabila kami hendak menghancurkan suatu desa, maka kami perbanyak orang-orang yang bergelumang dalam kemewahan, kemudian mereka itu berbuat fasik di desa tersebut, maka akan terbuktilah atas desa tersebut suatu ketetapan, kemudian kami hancurkan desa tersebut dengan sehancur-hancurnya." (al-Isra': 16)

Dan firman Allah pula:

"Kami tidak mengutus di suatu desa, seorang pun utusan (Nabi) melainkan akan berkatalah orang-orang yang bergelumang dalam kemewahan itu. Sesungguhnya kami tidak percaya terhadap kerasulanmu itu." (Saba': 34)
Untuk menerapkan jiwa al-Quran ini, maka Nabi Muhammad s.a.w. telah mengharamkan seluruh bentuk kemewahan dengan segala macam manifestasinya dalam kehidupan seorang muslim.

Sebagaimana diharamkan emas dan sutera terhadap lelaki, maka begitu juga diharamkan untuk semua lelaki dan wanita menggunakan bejana emas dan perak. Sebagaimana akan tersebut nanti.
Dan di balik itu semua, dapat pula ditinjau dari segi ekonomi, bahawa emas adalah standard wang internasional. Oleh kerana itu tidak patut kalau bejana atau perhiasan buat orang lelaki.

Bab 2.2: Pakaian dan Perhiasan: Hikmah Dibolehkannya Untuk Wanita

Dikecualikannya kaum wanita dari hukum ini adalah untuk memenuhi perasaan, sesuai dengan tuntutan sifat kewanitaannya dan kecenderungan fitrahnya kepada suka berhias; tetapi dengan syarat tidak boleh berhias yang dapat menarik kaum pria dan membangkitkan syahwat.

Untuk itu, maka dalam hadis Nabi diterangkan:

"Siapa saja wanita yang memakai wangi-wangian kemudian melewati suatu kaum supaya mereka itu mencium baunya, maka wanita tersebut dianggap berzina, dan tiap-tiap mata ada zinanya." (Riwayat Nasai, Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Hibban)

Dan firman Allah yang mengatakan:

"Janganlah wanita-wanita itu memukul-mukulkan kakinya di tanah, supaya diketahui apa yang mereka sembunyikan dari perhiasannya." (an-Nur: 31)

Bab 2.2: Pakaian dan Perhiasan: Pakaian Wanita Islam

Islam mengharamkan wanita memakai pakaian yang membentuk dan tipis sehingga nampak kulitnya. Termasuk diantaranya ialah pakaian yang dapat mempertajam bagian-bagian tubuh, khususnya tempat-tempat yang membawa fitnah, seperti: buah dada, paha, dan sebagainya.

Dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Ada dua golongan dari ahli neraka yang belum pernah saya lihat keduanya itu: (l) Kaum yang membawa cambuk seperti ekor sapi yang mereka pakai buat memukul orang (penguasa yang kejam); (2) Wanita-wanita yang berpakaian tetapi telanjang, yang cenderung kepada perbuatan maksiat dan mencenderungkan orang lain kepada perbuatan maksiat, rambutnya sebesar punuk unta. Mereka ini tidak akan bisa masuk syurga, dan tidak akan mencium bau syurga, padahal bau syurga itu tercium sejauh perjalanan demikian dan demikian." (Riwayat Muslim, Babul Libas)

Mereka dikatakan berpakaian, kerana memang mereka itu melilitkan pakaian pada tubuhnya, tetapi pada hakikatnya pakaiannya itu tidak berfungsi menutup aurat, kerana itu mereka dikatakan telanjang, kerana pakaiannya terlalu tipis sehingga dapat memperlihatkan kulit tubuh, seperti kebanyakan pakaian wanita sekarang ini.

Bukhtun adalah salah satu macam daripada unta yang mempunyai kelasa (punuk) besar; rambut orang-orang wanita seperti punuk unta tersebut kerana rambutnya ditarik ke atas.

Dibalik keghaiban ini, seolah-olah Rasulullah melihat apa yang terjadi di zaman sekarang ini yang kini diwujudkan dalam bentuk penataan rambut, dengan berbagai macam mode dalam salon-salon khusus, yang biasa disebut salon kecantikan, di mana banyak sekali lelaki yang bekerja pada pekerjaan tersebut dengan upah yang sangat tinggi.

Tidak cukup sampai di situ saja, banyak pula wanita yang merasa kurang puas dengan rambut asli pemberian Allah. Untuk itu mereka belinya rambut palsu yang disambung dengan rambutnya yang asli, supaya nampak lebih menyenangkan dan lebih cantik, sehingga dengan demikian dia akan menjadi wanita yang menarik dan memikat hati.

Satu hal yang sangat menghairankan, justeru persoalan ini sekarang sering dikaitkan dengan masalah penjajahan politik dan kejatuhan moral, dan ini dapat dibuktikan oleh suatu kenyataan yang terjadi, di mana para penjajah politik itu dalam usahanya untuk menguasai rakyat sering menggunakan sesuatu yang dapat membangkitkan syahwat dan untuk dapat

mengalihkan pandangan manusia, dengan diberinya kesenangan yang kiranya dengan kesenangannya itu manusia tidak lagi hendak memperhatikan persoalannya yang lebih umum.

Bab 2.2: Pakaian dan Perhiasan: Lelaki Menyerupai Wanita dan Wanita Menyerupai Lelaki

Rasulullah s.a.w. pernah mengumumkan, bahawa wanita dilarang memakai pakaian lelaki dan lelaki dilarang memakai pakaian wanita.15 Disamping itu beliau melaknat lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki.16 Termasuk diantaranya, ialah tentang bicaranya, geraknya, cara berjalannya, pakaiannya, dan sebagainya.

Sejahat-jahat bencana yang akan mengancam kehidupan manusia dan masyarakat, ialah kerana sikap yang abnormal dan menentang tabiat. Sedang tabiat ada dua: tabiat lelaki dan tabiat wanita. Masing-masing mempunyai keistimewaan tersendiri. Maka jika ada lelaki yang berlagak seperti wanita dan wanita bergaya seperti lelaki, maka ini bererti suatu sikap yang tidak normal dan meluncur ke bawah.

Rasulullah s.a.w. pernah menghitung orang-orang yang dilaknat di dunia ini dan disambutnya juga oleh Malaikat, diantaranya ialah lelaki yang memang oleh Allah dijadikan betul-betul lelaki, tetapi dia menjadikan dirinya sebagai wanita dan menyerupai wanita; dan yang kedua, iaitu wanita yang memang dicipta oleh Allah sebagai wanita betul-betul, tetapi kemudian dia menjadikan dirinya sebagai lelaki dan menyerupai orang lelaki (Hadis Riwayat Thabarani). Justeru itu pulalah, maka Rasulullah s.a.w. melarang lelaki memakai pakaian yang dicelup dengan 'ashfar (zat warna berwarna kuning yang biasa dipakai untuk mencelup pakaian-pakaian wanita di zaman itu)

Ali r.a. mengatakan:

"Rasulullah s. a. w. pernah melarang aku memakai cincin emas dan pakaian sutera dan pakaian yang dicelup dengan 'ashfar" (Hadis Riwayat Thabarani)
Ibnu Umar pun pernah meriwayatkan:

"Bahawa Rasulullah s.a.w. pernah melihat aku memakai dua pakaian yang dicelup dengan 'ashfar, maka sabda Nabi: 'Ini adalah pakaian orang-orang kafir, oleh kerana itu jangan kamu pakai dia."

Bab 2.2: Pakaian dan Perhiasan: Pakaian Untuk Berfoya-foya dan Kesombongan

Ketentuan secara umum dalam hubungannya dengan masalah menikmati hal-hal yang baik, yang berupa makanan, minuman ataupun pakaian, iaitu tidak boleh berlebih-lebihan dan untuk kesombongan.

Berlebih-lebihan, iaitu melewati batas ketentuan dalam menikmati yang halal. Dan yang disebut kesombongan, iaitu erat sekali hubungannya dengan masalah niat, dan hati manusia itu berkait dengan masalah yang zahir. Dengan demikian apa yang disebut kesombongan itu ialah bermaksud untuk bermegah-megah dan menunjuk-nunjukkan serta menyombongkan diri terhadap orang lain. Padahal Allah sama sekali tidak suka terhadap orang yang sombong.

Seperti firmanNya:
"Allah tidak suka kepada setiap orang yang angkuh dan sombong." (al-Hadid: 23)

Dan Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

"Barangsiapa melabuhkan kainnya kerana sombong, maka Allah tidak akan melihatnya nanti di hari kiamat." (Riwayat Bukhari dan Muslim)
Kemudian agar setiap muslim dapat menjauhkan diri dari hal-hal yang menyebabkan kesombongan, maka Rasulullah s.a.w. melarang berpakaian yang berlebih-lebihan, di mana hal tersebut akan dapat menimbulkan perasaan angkuh, membanggakan diri pada orang lain dengan bentuk-bentuk lahiriah yang kosong itu.

Di dalam hadisnya, Rasulullah s.a.w. bersabda sebagai berikut,

"Barangsiapa memakai pakaian yang berlebih-lebihan, maka Allah akan memberikan pakaian kehinaan nanti di hari kiamat." (Riwayat Ahmad, Abu Daud, Nasa'i dan Ibnu Majah dengan sanad yang dipercaya)

Ada seorang lelaki bertanya kepada Ibnu Umar tentang pakaian apa yang harus dipakainya? Maka jawab Ibnu Umar: "iaitu pakaian yang kiranya kamu tidak akan dihina oleh orang-orang bodoh dan tidak dicela oleh kaum filsuf." (Riwayat Thabarani)

Bab 2.2: Pakaian dan Perhiasan: Berlebih-Lebihan Dalam Berhias dengan Mengubah Ciptaan Allah

Islam menentang sikap berlebih-lebihan dalam berhias sampai kepada suatu batas yang menjurus kepada suatu sikap mengubah ciptaan Allah yang oleh al-Quran dinilai, bahawa

mengubah ciptaan Allah itu sebagai salah satu ajakan syaitan kepada pengikut-pengikutnya, di mana syaitan akan berkata kepada pengikutnya itu sebagai berikut: "Sungguh akan kami pengaruhi mereka itu, sehingga mereka hendak mengubah ciptaan Allah." (an-Nisa': 119)

Bab 2.2: Pakaian dan Perhiasan: Tatoo, Kikir Gigi dan Operasi Kecantikan Hukumnya Haram

Mentatoo badan dan mengikir gigi adalah perbuatan yang dilaknat oleh Rasulullah s.a.w., seperti tersebut dalam hadisnya:

"Rasulullah s.a.w. melaknat wanita yang mentatoo dan minta ditatoo, dan yang mengikir gigi dan yang minta dikikir giginya." (Riwayat Thabarani)
Tatoo, iaitu memberi tanda pada muka dan kedua tangan dengan warna biru dalam bentuk ukiran. Sebagian orang-orang Arab, khususnya kaum wanita, mentatoo sebagian besar badannya. Bahkan sementara pengikutpengikut agama membuatnya tatoo dalam bentuk persembahan dan lambang-lambang agama mereka, misalnya orang-orang Kristian melukis salib di tangan dan dada mereka.

Perbuatan-perbuatan yang rusak ini dilakukan dengan menyiksa dan menyakiti badan, iaitu dengan menusuk-nusukkan jarum pada badan orang yang ditatoo itu.

Semua ini menyebabkan laknat, baik terhadap yang mentatoo ataupun orang yang minta ditatoo.

Dan yang disebut mengikir gigi, iaitu merapikan dan memendekkan gigi. Biasanya dilakukan oleh wanita. Kerana itu Rasulullah melaknat wanita-wanita yang mengerjakan perbuatan ini (tukang kikir) dan minta supaya dikikir.

Kalau ada lelaki yang berbuat demikian, maka dia akan lebih berhak mendapat laknat.

Termasuk diharamkan seperti halnya mengikir gigi, iaitu menjarangkan gigi. Dalam hal ini Rasulullah pernah melaknatnya, iaitu seperti tersebut dalam hadisnya:

"Dilaknat wanita-wanita yang menjarangkan giginya supaya menjadi cantik, yang mengubah ciptaan Allah." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Yang disebut al-Falaj, iaitu meletakkan sesuatu di sela-sela gigi, supaya nampak agak sedikit jarang. Di antara wanita memang ada yang oleh Allah dicipta demikian, tetapi ada

juga yang tidak begitu. Kemudian dia meletakkan sesuatu di sela-sela gigi yang berhimpitan itu, supaya giginya menjadi jarang. Perbuatan ini dianggap mengelabui orang lain dan berlebih-lebihan dalam berhias yang sama sekali bertentangan dengan jiwa Islam yang sebenarnya.

Dari hadis-hadis yang telah kita sebutkan di atas, maka kita dapat mengetahui tentang hukum operasi kecantikan seperti yang terkenal sekarang kerana perputaran kebudayaan badan dan syahwat, yakni kebudayaan Barat materialistis, sehingga banyak sekali wanita dan lelaki yang mengorbankan wangnya beratus bahkan beribu-ribu untuk mengubah bentuk hidung, payudara atau yang lain. Semua ini termasuk yang dilaknat Allah dan RasulNya, kerana di dalamnya terkandung penyiksaan dan perubahan bentuk ciptaan Allah tanpa ada suatu sebab yang mengharuskan untuk berbuat demikian, melainkan hanya untuk pemborosan dalam hal-hal yang bersifat show dan lebih mengutamakan pada bentuk, bukan inti; lebih mementingkan jasmani daripada rohani.

Adapun kalau ternyata orang tersebut mempunyai cacat yang kiranya akan dapat menjijikkan pandangan, misalnya kerana ada daging tambah yang dapat menimbulkan sakit secara perasaan ataupun secara kejiwaan kalau daging lebih itu dibiarkan, maka waktu itu tidak berdosa orang untuk berubat selama untuk tujuan demi menghilangkan penyakit yang bersarang dan mengancam hidupnya. Kerana Allah tidak menjadikan agama buat kita ini dengan penuh kesukaran.

Barangkali yang memperkuat permasalahan tersebut di atas, iaitu tentang hadis "dilaknat wanita-wanita yang menjarangkan giginya supaya cantik" seperti tersebut di atas. Dari hadis itu pula dapat difahamkan, bahawa yang tercela itu ialah wanita yang mengerjakan hal tersebut semata-mata untuk tujuan keindahan dan kecantikan yang dusta. Tetapi kalau hal tersebut dilakukan dengan tujuan untuk menghilangkan penyakit atau bahaya yang mengancam, maka sedikitpun tidak ada halangan. Wallahu a'lam!

Bab 2.2: Pakaian dan Perhiasan: Menipiskan Alis

Salah satu cara berhias yang berlebih-lebihan yang diharamkan Islam, iaitu mencukur rambut alis mata untuk ditinggikan atau disamakan. Dalam hal ini Rasulullah pernah melaknatnya, seperti tersebut dalam hadis:

"Rasulullah s.a.w. melaknat wanita-wanita yang mencukur alisnya atau minta dicukurkan alisnya." (Riwayat Abu Daud, dengan sanad yang hasan. Demikian menurut apa yang tersebut dalam Fathul Baari)

Sedang dalam Bukhari disebut:

“Rasulullah s.a.w. melaknat wanita-wanita yang minta dicukur alisnya. “

Lebih diharamkan lagi, jika mencukur alis itu dikerjakan sebagai simbol bagi wanita-wanita cabul.

Sementara ulama madzhab Hanbali berpendapat, bahawa wanita diperkenankan mencukur rambut dahinya, mengukir, memberikan cat merah (make up) dan meruncingkan ujung matanya, apabila dengan seizin suami, kerana hal tersebut termasuk berhias.

Tetapi oleh Imam Nawawi diperketat, bahawa mencukur rambut dahi itu sama sekali tidak boleh. Dan dibantahnya dengan membawakan riwayat yang tersebut dalam Sunan Abu Daud: Bahawa yang disebut namishah (mencukur alis) sehingga tipis sekali. Dengan demikian tidak termasuk menghias muka dengan menghilangkan bulu-bulunya.

Imam Thabari meriwayatkan dari isterinya Abu Ishak, bahawa satu ketika dia pernah ke rumah Aisyah, sedang isteri Abu Ishak adalah waktu itu masih gadis nan jelita. Kemudian dia bertanya: Bagaimana hukumnya wanita yang menghias mukanya untuk kepentingan suaminya? Maka jawab Aisyah: Hilangkanlah kejelekan-kejelekan yang ada pada kamu itu sedapat mungkin.

Bab 2.2: Pakaian dan Perhiasan: Menyambung Rambut

Termasuk perhiasan wanita yang terlarang ialah menyambung rambut dengan rambut lain, baik rambut itu asli atau imitasi seperti yang terkenal sekarang ini dengan nama wig.

Imam Bukhari meriwayatkan dari jalan Aisyah, Asma', Ibnu Mas'ud, Ibnu Umar dan Abu Hurairah sebagai berikut:

"Rasulullah s.a.w. melaknat wanita yang menyambung rambut atau minta disambungkan rambutnya."

Bagi lelaki lebih diharamkan lagi, baik dia itu bekerja sebagai tukang menyambung seperti yang dikenal sekarang tukang rias ataupun dia minta disambungkan rambutnya, jenis wanita-wanita wadam (lelaki banci) seperti sekarang ini.

Persoalan ini oleh Rasulullah s.a.w, diperkeras sekali dan digiatkan untuk membanterasnya. Sampai pun terhadap wanita yang rambutnya gugur kerana sakit misalnya, atau wanita yang

hendak menjadi pengantin untuk bermalam pertama dengan suaminya, tetap tidak boleh rambutnya itu disambung.

Aisyah meriwayatkan:

"Seorang wanita Anshar telah kawin, dan sesungguhnya dia sakit sehingga gugurlah rambutnya, kemudian keluarganya bermaksud untuk menyambung rambutnya, tetapi sebelumnya mereka bertanya dulu kepada Nabi, maka jawab Nabi: Allah melaknat wanita yang menyambung rambut dan yang minta disambung rambutnya." (Riwayat Bukhari)
Asma' juga pernah meriwayatkan:

"Ada seorang wanita bertanya kepada Nabi s.a.w.: Ya Rasulullah, sesungguhnya anak saya terkena suatu penyakit sehingga gugurlah rambutnya, dan saya akan kawinkan dia apakah boleh saya sambung rambutnya? Jawab Nabi: Allah melaknat wanita yang menyambung rambut dan yang minta disambungkan rambutnya." (Riwayat Bukhari)

Said bin al-Musayib meriwayatkan:

"Muawiyah datang ke Madinah dan ini merupakan kedatangannya yang paling akhir di Madinah, kemudian ia bercakap-cakap dengan kami. Lantas Muawiyah mengeluarkan satu ikat rambut dan ia berkata: Saya tidak pernah melihat seorangpun yang mengerjakan seperti ini kecuali orang-orang Yahudi, di mana Rasulullah s.a.w. sendiri menamakan ini suatu dosa yakni wanita yang menyambung rambut (adalah dosa)."
Dalam satu riwayat dikatakan, bahawa Muawiyah berkata kepada penduduk Madinah:

"Di mana ulama-ulamamu? Saya pernah mendengar sendiri Rasulullah s.a.w. bersabda: Sungguh Bani Israel rusak kerana wanita-wanitanya memakai ini (cemara)." (Riwayat Bukhari)
Rasulullah menamakan perbuatan ini zuur (dosa) bererti memberikan suatu isyarat akan hikmah diharamkan hal tersebut. Sebab hal ini tak ubahnya dengan suatu penipuan, memalsu dan mengelabui. Sedang Islam benci sekali terhadap perbuatan menipu; dan sama sekali antipati terhadap orang yang menipu dalam seluruh lapangan muamalah, baik yang menyangkut masalah material ataupun moral. Kata Rasulullah s.a.w.

"Barangsiapa menipu kami, bukanlah dari golongan kami." (Riwayat Jamaah sahabat)
Al-Khaththabi berkata: Adanya ancaman yang begitu keras dalam persoalan-persoalan ini, kerana di dalamnya terkandung suatu penipuan. Oleh kerana itu seandainya berhias seperti itu dibolehkan, nescaya cukup sebagai jembatan untuk bolehnya berbuat bermacam-macam penipuan. Di samping itu memang ada unsur perombakan terhadap ciptaan Allah. Ini sesuai dengan isyarat hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud yang mengatakan

"...wanita-wanita yang merombak ciptaan Allah."

Yang dimaksud oleh hadis-hadis tersebut di atas, iaitu menyambung rambut dengan rambut, baik rambut yang dimaksud itu rambut asli ataupun imitasi. Dan ini pulalah yang dimaksud dengan memalsu dan mengelabui. Adapun kalau dia sambung dengan kain atau benang dan sabagainya, tidak masuk dalam larangan ini. Dan dalam hal inf Said bin Jabir pernah mengatakan:

"Tidak mengapa kamu memakai benang."
Yang dimaksud [tulisan Arab] di sini ialah benang sutera atau wool yang biasa dipakai untuk menganyam rambut (jw. kelabang), di mana wanita selalu memakainya untuk menyambung rambut. Tentang kebolehan memakai benang ini telah dikatakan juga oleh Imam Ahmad

Bab 2.2: Pakaian dan Perhiasan: Semir Rambut
Termasuk dalam masalah perhiasan, iaitu menyemir rambut kepala atau janggut yang sudah beruban.

Sehubungan dengan masalah ini ada satu riwayat yang menerangkan, bahawa orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak memperkenankan menyemir rambut dan merombaknya, dengan suatu anggapan bahawa berhias dan mempercantik diri itu dapat menghilangkan erti beribadah dan beragama, seperti yang dikerjakan oleh para rahib dan ahli-ahli Zuhud yang berlebih-lebihan itu. Namun Rasulullah s.a.w. melarang taqlid pada suatu kaum dan mengikuti jejak mereka, agar selamanya kepribadian umat Islam itu berbeza, lahir dan batin. Untuk itulah maka dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah s.a.w. mengatakan:

"Sesungguhnya orang-orang Yahudi tidak hendak menyemir rambut, kerana itu berbezalah kamu dengan mereka." (Riwayat Bukhari)
Perintah di sini mengandung erti sunnat, sebagaimana biasa dikerjakan oleh para sahabat, misalnya Abubakar dan Umar. Sedang yang lain tidak melakukannya, seperti Ali, Ubai bin Kaab dan Anas.

Tetapi warna apakah semir yang dibolehkan itu? Dengan warna hitam dan yang lainkah atau harus menjauhi warna hitam? Namun yang jelas, bagi orang yang sudah tua, ubannya sudah merata baik di kepalanya ataupun janggutnya, tidak layak menyemir dengan warna hitam. Oleh kerana itu tatkala Abubakar membawa ayahnya Abu Kuhafah ke hadapan Nabi pada hari penaklukan Makkah, sedang Nabi melihat rambutnya bagaikan pohon tsaghamah yang serba putih buahnya hendakpun bunganya.

Untuk itu, maka bersabdalah Nabi:

"Ubahlah ini (uban) tetapi jauhilah warna hitam." (Riwayat Muslim)
Adapun orang yang tidak seumur dengan Abu Kuhafah (yakni belum begitu tua), tidaklah berdosa apabila menyemir rambutnya itu dengan warna hitam. Dalam hal ini az-Zuhri pernah berkata: "Kami menyemir rambut dengan warna hitam apabila wajah masih nampak muda, tetapi kalau wajah sudah mengerut dan gigi pun telah goyah, kami tinggalkan warna hitam tersebut."

Termasuk yang membolehkan menyemir dengan warna hitam ini ialah segolongan dari ulama salaf termasuk para sahabat, seperti: Saad bin Abu Waqqash, Uqbah bin Amir, Hasan, Husen, Jarir dan lain-lain.

Sedang dari kalangan para ulama ada yang berpendapat tidak boleh warna hitam kecuali dalam keadaan perang supaya dapat menakutkan musuh, kalau mereka melihat tentara-tentara Islam semuanya masih nampak muda.

Dan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dzar mengatakan:

"Sebaik-baik bahan yang dipakai untuk menyemir uban ialah pohon inai dan katam." (Riwayat Tarmizi dan Ashabussunan)
Inai berwarna merah, sedang katam sebuah pohon yang tumbuh di zaman Rasulullah s.a.w. yang mengeluarkan zat berwarna hitam kemerah-merahan.

Anas bin Malik meriwayatkan, bahawa Abu Bakar menyemir rambutnya dengan inai dan katam, sedang Umar hanya dengan inai saja.

Bab 2.2: Pakaian dan Perhiasan: Memelihara Janggut

Termasuk yang penting dalam permasalahan kita ini, ialah tentang memelihara janggut. Untuk ini Ibnu Umar telah meriwayatkan dari Nabi s.a.w. yang mengatakan sebagai berikut: "Berbezalah kamu dengan orang-orang musyrik, peliharalah janggut dan cukurlah kumis." (Riwayat Bukhari)
Perkataan i'fa (pelihara) dalam riwayat lain diertikan tarkuha wa ibqaauha (tinggalkanlah dan tetapkanlah).

Hadis ini menerangkan alasan diperintahkannya untuk memelihara janggut dan mencukur

kumis, iaitu supaya berbeza dengan orang-orang musyrik. Sedang yang dimaksud orang-orang musyrik di sini ialah orang-orang Majusi penyembah api, di mana mereka itu biasa menggunting janggutnya, bahkan ada yang mencukurnya.

Perintah Rasulullah ini mengandung pendidikan untuk umat Islam supaya mereka mempunyai kepribadian tersendiri serta berbeza dengan orang kafir lahir dan batin, yang tersembunyi hendakpun yang tampak. Lebih-lebih dalam hal mencukur janggut ini ada unsur-unsur menentang fitrah dan menyerupai orang wanita. Sebab janggut adalah lambang kesempurnaan lelaki dan tanda-tanda yang membezakan dengan jenis lain.

Namun demikian, bukan bererti sama sekali tidak boleh memotong janggut di mana kadang-kadang janggut itu kalau dibiarkan bisa panjang yang menjijikkan yang dapat mengganggu pemiliknya. Untuk itulah maka janggut yang demikian boleh diambil/digunting kebawah hendakpun kesamping, sebagaimana tersebut dalam hadis rlwayat Tarmizi. Hal ini pernah juga dikerjakan oleh sementara ulama salaf, seperti kata Iyadh: "Mencukur, menggunting dan mencabut janggut dimakruhkan. Tetapi kalau diambil dari panjangnya atau ke sampingnya apabila ternyata janggut itu besar (tebal), maka itu satu hal yang baik."

Dan Abu Syamah juga berkata: "Terdapat suatu kaum yang biasa mencukur janggutnya. Berita yang terkenal, bahawa yang berbuat demikian itu ialah orang-orang Majusi, bahawa mereka itu biasa mencukur janggutnya."

Kami berpendapat: Bahawa kebanyakan orang-orang Islam yang mencukur janggutnya itu lantaran mereka meniru musuh-musuh mereka dan kaum penjajah negeri mereka dan orang-orang Yahudi dan Kristian. Sebagaimana kelazimannya, bahawa orang-orang yang kalah senantiasa meniru orang yang menang. Mereka melakukan hal itu jelas telah lupa kepada perintah Rasulullah yang menyuruh supaya mereka berbeza dengan orang-orang kafir. Di samping itu mereka telah lupa pula terhadap larangan Nabi tentang menyerupai orang kafir, seperti yang tersebut dalam hadisnya yang mengatakan:

"Barangsiapa menyerupai suatu kaum, maka dia itu termasuk golongan mereka." (Riwayat Abu Dawud)
Kebanyakan ahli-ahli fiqih yang berpendapat tentang haramnya mencukur janggut itu berdalil perintah Rasul di atas. Sedang tiap-tiap perintah asalnya menunjukkan pada wajib, lebih-lebih Rasulullah sendiri telah memberikan alasan perintahnya itu supaya kita berbeza dengan orang-orang kafir. Dan berbeza dengan orang kafir itu sendiri hukumnya wajib pula.

Tidak seorang pun ulama salaf yang meninggalkan kewajiban ini. Tetapi sementara ulama-ulama sekarang ada yang membolehkan mencukur janggut kerana terpengaruh oleh keadaan dan memang kerana bencana yang telah meluas. Mereka ini berpendapat, bahawa

memelihara janggut itu termasuk perbuatan Rasulullah yang bersifat duniawiah, bukan termasuk persoalan syara' yang harus ditaati. Tetapi yang benar, bahawa memelihara janggut itu bukan sekadar fi'liyah Nabi, bahkan ditegaskan pula dengan perintah dan disertai alasan supaya berbeza dengan orang kafir.
Ibnu Taimiyah menegaskan, bahawa berbeza dengan orang kafir adalah suatu hal yang oleh syara' ditekankan. Dan menyerupai orang kafir dalam lahiriahnya dapat menimbulkan perasaan kasih dalam hatinya, sebagaimana perasaan kasih dalam batin dapat menimbulkan perasaan dalam lahir. Ini sudah dibuktikan sendiri oleh suatu kenyataan dan diperoleh berdasarkan suatu percubaan.

Selanjutnya ia berkata: Al-Quran, Hadis dan Ijma' sudah menegaskan terhadap perintah supaya berbeza dengan orang kafir dan dilarang menyerupai mereka secara keseluruhannya. Apa saja yang kiranya menimbulkan kerusakan walaupun agak tersembunyi, maka sudah dapat dikaitkan dengan suatu hukum dan dapat dinyatakan haram. Maka dalam hal menyerupai orang kafir pada lahiriahnya sudah merupakan sebab untuk menyerupai akhlak dan perbuatannya yang tercela, bahkan akan bisa berpengaruh pada kepercayaan.

Pengaruhnya ini memang tidak dapat dikonkritkan, dan kejelekan yang ditimbulkan akibat dari sikap menyerupai itu sendiri kadang-kadang tidak begitu jelas, bahkan kadang-kadang sukar dibuktikan. Tetapi setiap hal yang menjadi sebab timbulnya suatu kerusakan, syara' menganggapnya suatu hal yang haram.

Dari keterangan-keterangan di atas dapat kita simpulkan, bahawa masalah mencukur janggut ini ada tiga pendapat:

Pendapat pertama: Hukumnya haram. Yang berpendapat demikian, ialah Ibnu Taimiyah dan lain-lain.
Pendapat kedua: Makruh. Yang berpendapat demikian ialah Iyadh, sebagaimana tersebut dalam Fathul Bari. Sedang ulama lain tidak ada yang berpendapat demikian.
Pendapat ketiga: Mubah. Yang berpendapat demikian sementara ulama sekarang. Tetapi barangkali yang agak moderat dan bersikap tengah-tengah iaitu pendapat yang menyatakan makruh. Sebab tiap-tiap perintah tidak selamanya menunjukkan pada wajib, sekalipun dalam hal ini Nabi telah memberikan alasannya supaya berbeza dengan orang kafir. Perbandingan yang lebih mendekati kepada persoalan ini ialah tentang perintah menyemir rambut supaya berbeza dengan orang Yahudi dan Kristian. Tetapi sebagian sahabat ada yang tidak mengerjakannya. Oleh kerana itu perintah tersebut sekadar menunjukkan sunnat.

Betul tidak ada seorang pun ulama salaf yang mencukur janggut, tetapi barangkali saja kerana mereka tidak begitu memerlukan, kerana memelihara janggut waktu itu sudah menjadi kebiasaan mereka.

Bab 2.3: Dalam Rumah

RUMAH adalah tempat yang dipakai seseorang untuk melindungi kebiasaan-kebiasaan tabiat dan dapat melepaskan diri dari ikatan-ikatan masyarakat sehingga dengan demikian tubuh ini bisa istirahat dan jiwa bisa tenang.

Untuk itulah Allah berfirman dalam hubungannya dengan mengetengahkan kenikmatannya kepada manusia:

"Allah menjadikan untuk kamu rumah-rumah kamu sebagai tempat ketenangan." (an-Nahl: 80)
Rasulullah s.a.w. senang sekali rumah yang luas, dan dimasukkan sebagai unsur kebahagiaan duniawi. Maka sabdanya:

"Empat hal yang membawa kebahagiaan, iaitu wanita salehah, rumah yang luas, tetangga yang baik dan kendaraan yang enak." (Riwayat Ibnu Hibban)

Dan doa yang sering diucapkan Nabi ialah:

"Ya Allah! Ampunilah dosaku, luaskanlah rumahku, berilah barakah dalam rezekiku! Kemudian beliau ditanya: Mengapa doa ini yang banyak engkau baca, ya Rasulullah? Maka jawab Nabi: Apa ada sesuatu yang lain yang kamu cintai?" (Riwayat Nasa'i dan Ibnu Sunni)
Rasulullah juga memerintahkan supaya rumah-rumah kita itu bersih, agar nampak syiar Islam yang diantaranya ialah bersih, dan agar merupakan tanda yang dapat membezakan seorang muslim dengan orang lain yang menurut penilaian agamanya, bahawa kotor itu merupakan salah satu wasilah untuk berkorban kepada Allah. Sabda Rasulullah s.a.w.:

"Sesungguhnya Allah itu baik, Dia suka kepada yang baik. Dia juga bersih, suka kepada yang bersih. Dia juga mulia, suka kepada yang mulia. Dia juga dermawan, sangat suka kepada yang dermawan. Oleh kerana itu bersihkanlah halaman rumahmu, jangan kamu menyerupai orang-orang Yahudi." (Riwayat Tarmizi)

Bab 2.3: Lambang-Lambang Kemewahan dan Kemusyrikan

Seorang muslim tidak dilarang untuk menghias rumahnya dengan karangan bunga yang warna-warni, dan ukiran-ukiran serta hiasan yang halal.

Sebab Allah telah berfirman:

"Siapakah yang berani mengharamkan perhiasan Allah yang telah ia keluarkan untuk hamba-hambanya?" (al-A'raf: 32)

Betul seorang muslim tidak berdosa untuk menghias rumahnya, pakaiannya, sandalnya dan sebagainya.

Sebab Rasulullah pernah juga bersabda:

"Tidak akan masuk syurga orang yang dalam hatinya ada seberat zarrah daripada kesombongan. Kemudian ada seorang lelaki yang bertanya: Ya Rasulullah! Seseorang itu biasa senang kalau pakaiannya itu baik dan sandalnya pun baik pula, apakah itu termasuk sombong? Jawab Nabi. Sesungguhnya Allah itu baik, Ia suka kepada yang baik." (Riwayat Muslim)

Dan di satu riwayat disebutkan:

"Ada seorang lelaki ganteng datang kepada Nabi, kemudian ia bertanya: Saya ini sangat suka kepada keindahan, dan saya sendiri telah diberi keindahan itu sebagaimana engkau lihat, sehingga aku tidak suka kalau ada seseorang yang hendak mengatasi aku dengan menyamai sandalnya, apakah ini termasuk sombong ya Rasulullah? Jawab Nabi."Tidak!" Sebab yang disebut sombong ialah menolak kebenaran dan menghina orang lain." (Riwayat Abu Daud)

Namun demikian, Islam tidak suka kepada berlebih-lebihan dalam segala hal. Dan Nabi sendiri tidak senang seorang muslim yang rumahnya itu penuh dengan lambang-lambang kemewahan dan berlebih-lebihan yang sangat dicela oleh al-Quran, atau rumahnya itu ada lambang-lambang kemusyrikan yang sangat ditentang oleh Agama Tauhid dengan segala macam senjata yang mungkin.

Bab 2.3: Bejana Emas dan Perak

Untuk itulah, maka Islam mengharamkan membuat bejana dari emas atau perak dan seperei-seperei sutera murni dalam rumah seorang muslim. Nabi sendiri memberikan ancaman keras terhadap orang yang cenderung kepada cara-cara ini.

Kata Ummu Salamah ummul mu'minin:

"Sesungguhnya orang yang makan dan minum dengan bejana emas dan perak, maka akan gemercik suara api neraka dalam perutnya." (Riwayat Muslim)

Dan Huzaifah juga pernah mengatakan:

"Rasulullah melarang kami minum dengan bejana emas dan perak atau kita makan dengannya, dan melarang memakai pakaian sutera tipis dan sutera tebal serta dilarang kita duduk di atasnya. Kemudian Nabi bersabda pula: Kain ini untuk mereka (orang-orang kafir) di dunia, dan untuk kamu nanti di akhirat." (Riwayat Bukhari)

Jadi kalau kita dilarang memakainya, bererti haram juga membuatnya untuk hiasan.

Diharamkan bejana emas/perak dan seperei-seperei sutera itu, berlaku untuk lelaki dan wanita. Sedang hikmahnya agama mengharamkan hal-hal tersebut dengan suatu tujuan untuk membersihkan rumah dari unsur-unsur kemewahan/berlebih-lebihan.

Tepat sekali apa yang dikatakan Ibnu Qudamah: hal tersebut di atas berlaku sama antara lelaki dan wanita kerana umumnya hadis, dan kerana alasan diharamkan justeru kerana berlebih-lebihan dan kesombongan serta dapat memecahkan perasaan hati orang-orang fakir. Pengertian seperti ini meliputi kedua belah pihak. Adapun dibolehkannya wanita berhias dengan emas dan sutera adalah demi kepentingan suami, bukan untuk orang lain.

Kalau ditanyakan: Andaikata alasan diharamkan itu seperti yang tersebut di atas, nescaya mutiara dan sebagainya adalah juga diharamkan kerana harganya lebih tinggi? Untuk masalah ini akan kami jawab sebagai berikut: Mutiara (yakut) itu tidak begitu dikenal di kalangan orang miskin, oleh kerana itu tidak dapat memecahkan perasaan hati mereka jika orang-orang kaya itu menjadikan benda ini sebagai hiasan, walaupun sesudah itu mereka menjadi kenal dengan yakut. Dan justeru jarangnya yakut itu sendiri menyebabkan tidak ada orang kaya yang memakainya sebagai hiasan, sehingga dengan demikian tidak perlu lagi diharamkan walaupun ada perbezaan harga yang sangat menyolok. 26

Ditinjau dari segi ekonomi, seperti yang telah kami sebutkan juga dalam hikmah diharamkan emas untuk orang lelaki, maka di bab ini hikmah tersebut akan lebih nampak dan lebih jelas. Sebab emas dan perak merupakan standard wang internasional yang oleh Allah dijadikan sebagai ukuran harga wang dan sebagai standard yang akan menentukan harga itu dengan

adil serta memudahkan peredaran wang di kalangan orang banyak. Maka atas bimbingan Allah kepada umat manusia untuk menggunakan wang sebagai nikmat yang diberikan kepada mereka, wang tersebut harus diedarkan di kalangan orang banyak, jangan ditahan di rumah dalam bentuk wang yang tersimpan, atau dihilangkan dalam bentuk bejana dan alat-alat perhiasan lainnya.

Betapa indahnya pula apa yang dikatakan Imam Ghazali dalam Syukur Nikmat didalam bukunya Ihya'. Ia mengatakan sebagai berikut: "Siapapun yang menjadikan dirham dan dinar sebagai bejana dari emas dan perak, bererti dia telah kufur nikmah (tidak tahu berterimakasih), dan dia lebih jahat daripada menyimpannya. Kerana hal seperti ini sama halnya dengan orang yang memaksa kepala negara untuk bekerja sebagai tukang tenun dan tukang sapu tanpa upah, atau untuk mengerjakan pekerjaan-pekerjaan yang biasa dikerjakan oleh manusia-manusia rendahan. Jadi menahan harta, lebih rendah dari itu semua. Sebab perkakas dari tanah, besi, timah dan tembaga menduduki fungsi emas dan perak sebagai alat untuk menjaga makanan supaya tidak rusak. Kerana fungsi bejana pada hakikatnya adalah guna menjaga makanan. Maka tanpa wang alat-alat dari tanah dan besi itu tidak dapat memenuhi apa yang dimaksud.

Jelasnya, barangsiapa yang kurang faham persoalan ini, kiranya cukup memahami terjemahan Tuhan dalam hal tersebut yang dilukiskan dalam bentuk ungkapannya: "barangsiapa minum dengan bejana emas atau perak, maka seolah-olah suara api neraka itu gemercik dalam perutnya."

Bentuk larangan ini jangan diertikan mempersempit gerak umat Islam dalam rumahtangga, sebab dalam masalah halal yang baik, mempunyai lapangan yang sangat luas. Berapa banyak bejana dari perunggu, dari kaca, dari tanah, dari tembaga dan dari tambang-tambang lain yang lebih bagus. Berapa banyak pula seperai dan bantal dari katun dan kapuk yang lebih indah daripada bahan lain!

Bab 2.3: Islam Mengharamkan Patung

Islam mengharamkan dalam rumahtangga Islam meliputi masalah patung. Sebab adanya patung dalam suatu rumah, menyebabkan Malaikat akan jauh dari rumah itu, padahal Malaikat akan membawa rahmat dan keridhaan Allah untuk isi rumah tersebut.

Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

"Sesungguhnya Malaikat tidak akan masuk suatu rumah yang di dalamnya ada patung." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Ulama-ulama berkata: Malaikat tidak hendak masuk rumah yang ada patungnya, kerana pemiliknya itu menyerupai orang kafir, di mana mereka biasa meletakkan patung dalam rumah-rumah mereka untuk diagungkan. Untuk itulah Malaikat tidak suka dan mereka tidak hendak masuk bahkan menjauh dari rumah tersebut.

Oleh kerananya, Islam melarang keras seorang muslim bekerja sebagai tukang pemahat patung, sekalipun dia membuat patung itu untuk orang lain.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

"Sesungguhnya orang yang paling berat siksaannya nanti di hari kiamat, iaitu orang-orang yang menggambar gambar-gambar ini. Dalam satu riwayat dikatakan: Orang-orang yang menandingi ciptaan Allah." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dan Rasulullah s.a.w. memberitahukan juga dengan sabdanya:

"Barangsiapa membuat gambar (patung) nanti di hari kiamat dia akan dipaksa untuk meniupkan roh padanya; padahal dia selamanya tidak akan bisa meniupkan roh itu." (Riwayat Bukhari)

Maksud daripada hadis ini, bahawa dia akan dituntut untuk menghidupkan patung tersebut.

Perintah ini sebenarnya hanya suatu penghinaan dan mematahkan, sebab dia tidak mungkin dapat.

Bab 2.3: Hikmah Diharamkan Patung

1) Di antara rahsia diharamkan patung ini, walaupun dia itu bukan satu-satunya sebab, seperti anggapan sementara orang iaitu untuk membela kemurnian Tauhid, dan supaya jauh dari menyamai orang-orang musyrik yang menyembah berhala-berhala mereka yang dibuatnya oleh tangan-tangan mereka sendiri, kemudian dikuduskan dan mereka berdiri di hadapannya dengan penuh khusyu'.

Kesungguhan Islam untuk melindungi Tauhid dari setiap macam penyerupaan syirik telah mencapai puncaknya. Islam dalam ikhtiarnya ini dan kesungguhannya itu senantiasa berada di jalan yang benar. Sebab sudah pernah terjadi di kalangan umat-umat terdahulu, di mana mereka itu membuat patung orang-orang yang saleh mereka yang telah meninggal dunia kemudian disebut-sebutnya nama mereka itu. Lama-kelamaan dan dengan sedikit demi sedikit orang-orang saleh yang telah dilukiskan dalam bentuk patung itu dikuduskan,

sehingga akhirnya dijadikan sebagai Tuhan yang disembah selain Allah; diharapkan, dan ditakuti serta diminta barakahnya. Hal ini pernah terjadi pada kaum Wud, Suwa', Yaghuts, Ya'uq dan Nasr.

Tidak hairan kalau dalam suatu agama yang dasar-dasar syariatnya itu selalu menutup pintu kerusakan, bahawa akan ditutup seluruh lubang yang mungkin akan dimasuki oleh syirik yang sudah terang hendakpun yang masih samar untuk menyusup ke dalam otak dan hati, atau jalan-jalan yang akan dilalui oleh penyerupaan kaum penyembah berhala dan pengikut-pengikut agama yang suka berlebih-lebihan. Lebih-lebih Islam itu sendiri bukan undang-undang manusia yang ditujukan untuk satu generasi atau dua generasi, tetapi suatu undang-undang untuk seluruh umat manusia di seantero dunia ini sampai hari kiamat nanti. Sebab sesuatu yang kini masih belum diterima oleh suatu lingkungan, tetapi kadang-kadang dapat diterima oleh lingkungan lain; dan sesuatu yang kini dianggap ganjil dan mustahil, tetapi di satu saat akan menjadi suatu kenyataan, entah kapan waktunya, dekat atau jauh.

2) Rahsia diharamkan patung bagi pemahatnya, sebab seorang pelukis yang sedang memahat patung itu akan diliputi perasaan sok, sehingga seolah-olah dia dapat menciptakan suatu makhluk yang tadinya belum ada atau dia dapat membuat jenis baru yang bisa hidup yang terbuat dari tanah.

Sudah sering terjadi seorang pemahat patung dalam waktu yang relatif lama, maka setelah patung itu dapat dirampungkan lantas dia berdiri di hadapan patung tersebut dengan mengaguminya, sehingga seolah-olah dia berbicara dengan patung tersebut dengan penuh kesombongan: Hai patung! Bicaralah!

Untuk itulah maka Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Sesungguhnya orang-orang yang membuat patung-patung ini nanti di hari kiamat akan disiksa dan dikatakan kepada mereka: Hidupkanlah patung yang kamu buat itu." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dan dalam hadis Qudsi, Allah s.w.t. berfirman pula:

"Siapakah orang yang lebih menganiaya selain orang yang bekerja untuk membuat sesuatu seperti pembuatanku? Oleh kerana itu cubalah mereka membuat zarrah (benda yang kecil), cubalah mereka membuat sebutir beras belanda." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

3) Orang-orang yang berbicara dalam persoalan seni ini tidak berhenti dalam suatu batas tertentu saja, tetapi mereka malah melukis (memahat) wanita-wanita telanjang atau setengah telanjang. Mereka juga melukis (dan juga memahat) lambang-lambang

kemusyrikandan syiar-syiar agama lainnya, seperti salib, berhala dan lain-lain yang pada prinsipnya tidak dapat diterima oleh Islam.

4) Lebih dari itu semua, bahawa patung-patung itu selalu menjadi kemegahan orang-orang yang berlebihan, mereka penuhinya istana-istana mereka dengan patung-patung, kamar-kamar mereka dihias dengan patung dan, mereka buatnya seni-seni pahat (patung) dari berbagai lambang.

Kalau agama Islam dengan gigih membanteras seluruh bentuk kemewahan dengan segala kemegahan dan macamnya, yang terdiri dari emas dan perak, maka tidak terlalu jauh kalau agama ini mengharamkan patung-patung itu, sebagai lambang kemegahan, dalam rumah-rumah orang Islam.

Bab 2.3: Bimbingan Islam dalam Mengabadikan Orang Besar

Barangkali akan ada orang berkata: Apakah tidak memenuhi suatu maksud umat untuk mengembalikan sebagian keindahan yang pernah dicapai oleh orang-orang besar kita yang telah berhasil mengisi lembaran sejarah yang berharga itu, lantas para pembesar itu diabadikan dalam bentuk patung agar menjadi peringatan generasi berikutnya terhadap jasa-jasa dan keunggulan yang pernah mereka capai; sebab peringatan bangsa itu sering dilupakan dan pertukaran malam dan siang itu sendiri sebenarnya yang membawa lupa?

Untuk menjawab persoalan ini, perlu dijelaskan, bahawa Islam sama sekali tidak suka berlebih-lebihan dalam menghargai seseorang, betapapun tingginya kedudukan orang tersebut, baik mereka yang masih hidup ataupun yang sudah mati.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

"Jangan kamu menghormat aku seperti orang-orang Nasrani menghormati Isa bin Maryam, tetapi katakanlah, bahawa Muhammad itu hamba Allah dan RasulNya." (Riwayat Bukhari dan lain-lain)

Mereka bermaksud akan berdiri apabila melihat Nabi, sebagai suatu penghormatan kepadanya dan untuk mengagungkan kedudukannya.

Cara semacam itu dilarang oleh Nabi dengan sabdanya:

"Jangan kamu berdiri seperti orang-orang ajam (selain Arab) yang berdiri untuk menghormat satu sama lain." (Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah)

Beliau pun memberikan suatu peringatan kepada umatnya, sikap yang berlebih-lebihan terhadap kedudukan Nabi sesudah beliau mati, maka bersabdalah Nabi sebagai berikut:

"Jangan kamu menjadikan kuburku ini sebagai tempat hariraya." (Riwayat Abu Daud)

Dan dalam doanya kepada Tuhannya beliau mengatakan:

"Ya Allah! Jangan engkau jadikan kuburku sebagai berhala yang disembah." (Riwayat Malik)

Ada beberapa orang datang kepada Nabi s.a.w., mereka itu memanggil Nabi dengan kata-katanya:

"Hai orang baik kami dan anak orang baik kami, hai tuan kami dan anak tuan kami."

Mendengar panggilan seperti itu, Nabi kemudian menegurnya dengan sabdanya sebagai berikut:

"Hai manusia! Ucapkanlah seperti ucapanmu biasa atau hampir seperti ucapanmu yang biasa itu, jangan kamu dapat diperdayakan oleh syaitan. Saya adalah Muhammad, hamba Allah dan pesuruhNya. Saya tidak suka kamu mengangkat aku lebih dari kedudukanku yang telah Allah tempatkan aku." (Riwayat Nasa'i)

Agama ini (baca Islam) pendiriannya dalam masalah menghormat orang, tidak suka seseorang itu diangkat-angkat seperti berhala yang didirikan dengan biaya beribu-ribu supaya orang-orang memberikan penghormatan kepadanya.

Banyak sekali material yang dimasukkan oleh penganjur-penganjur kebesaran dan jurukunci tempat-tempat bersejarah melalui pintu orang-orang atau pengikut dan ekornya yang telah mampu mendirikan berhala ini. Dengan begitu, maka pada hakikatnya mereka ini telah menyesatkan rakyat dengan menggunakan orang-orang besar yang jujur itu.

Keabadian hakiki yang dikenal di kalangan umat Islam hanyalah Allah yang mengetahui segala yang rahsia dan tersembunyi, yang tidak sesat dan tidak lupa. Sedang kebanyakan para pembesar yang namanya diabadikan di sisi Allah adalah orang-orang yang tidak begitu dikenal oleh manusia. Hal ini justeru kerana Allah suka kepada orang-orang yang baik, taqwa dan tidak perlu menampak-nampakkan kepada orang lain. Mereka ini apabila datang tidak dikenal, dan apabila pergi tidak dicari.

Sekalipun keabadian itu sangat perlu bagi manusia, tetapi tidak mesti dengan didirikannya patung untuk orang-orang besar yang perlu diabadikan itu. Cara untuk mengabadikan yang dibenarkan oleh Islam ialah mengabadikan mereka itu ke dalam hati dan lisan, iaitu dengan

menyebut keberjayaan perjwangan mereka dan peninggalan-peninggalan yang baik-baik yang ditinggalkan untuk generasi sesudah mereka. Dengan demikian mereka itu akan selalu menjadi sebutan orang-orang belakangan.

Rasulullah s.a.w. sendiri dan begitu juga para khalifah dan pemuka-pemuka Islam lainnya, tidak ada yang diabadikan dengan berbentuk materi dan patung-patung yang terbuat dari batu yang dipahat.

Keabadian mereka itu semata-mata adalah kerana sifat-sifat baiknya (manaqibnya) yang diceritakan oleh orang-orang dulu (salaf) kepada orang-orang belakangan (khalaf) dan yang diceritakan oleh orang-orang tua kepada anak-anaknya. Sifat beliau itu tertanam dalam hati, selalu disebut dalam lisan, selalu mengumandang di majlis dan klub-klub serta memenuhi hati, walaupun tanpa diwujudkan dengan patung dan gambar.

Bab 2.3: Rukhsah Dalam Permainan Anak-Anak

Kalau macam daripada patung itu tidak dimaksudkan untuk diagung-agungkan dan tidak berlebih-lebihan serta tidak ada suatu unsur larangan di atas, maka dalam hal ini Islam tidak akan bersempit dada dan tidak menganggap hal tersebut suatu dosa. Misalnya permainan anak-anak berupa pengantin-pengantinan, kucing-kucingan, dan haiwan-haiwan lainnya. Patung-patung ini semua hanya sekadar pelukisan untuk permainan dan menghibur anak-anak.

Oleh kerana itu kata Aisyah:

"Aku biasa bermain-main dengan anak-anakan wanita (boneka wanita) di sisi Rasulullah s.a.w. dan kawan-kawanku datang kepadaku, kemudian mereka menyembunyikan boneka-boneka tersebut kerana takut kepada Rasulullah s.a.w, tetapi Rasulullah s.a.w. malah senang dengan kedatangan kawan-kawanku itu, kemudian mereka bermain-main bersama aku." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dan dalam salah satu riwayat diterangkan:

"Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pada suatu hari bertanya kepada Aisyah: Apa ini? Jawab Aisyah: Ini anak-anak wanitaku (boneka wanitaku); kemudian Rasulullah bertanya lagi: Apa yang di tengahnya itu? Jawab Aisyah: Kuda. Rasulullah bertanya lagi: Apa yang di atasnya itu? Jawab Aisyah: Itu dua sayapnya. Kata Rasulullah: Apa ada kuda yang bersayap? Jawab Aisyah: Belumkah engkau mendengar, bahawa Sulaiman bin Daud a.s. mempunyai kuda yang mempunyai beberapa sayap? Kemudian Rasulullah tertawa sehingga nampak gigi gerahamnya." (Riwayat Abu Daud)

Yang dimaksud anak-anak wanita di sini ialah boneka pengantin yang biasa dipakai permainan oleh anak-anak kecil. Sedang Aisyah waktu itu masih sangat muda.

Imam Syaukani mengatakan: hadis ini menunjukkan, bahawa anak-anak kecil boleh bermain-main dengan boneka (patung). Tetapi Imam Malik melarang lelaki yang akan membelikan boneka untuk anak wanitanya. Dan Qadhi Iyadh berpendapat bahawa anak-anak wanita bermain-main dengan boneka wanita itu suatu rukhsah (keringanan).

Termasuk sama dengan permainan anak-anak, iaitu patung-patungan yang terbuat dari kue-kue dan dijual pada hari besar (hari raya) dan sebagainya kemudian tidak lama kue-kue tersebut dimakannya.

Bab 2.3: Patung yang Tidak Sempurna dan Cacat

Di dalam hadis disebutkan, bahawa Jibril a.s. tidak hendak masuk rumah Rasulullah s.a.w. kerana di pintu rumahnya ada sebuah patung. Hari berikutnya pun tidak hendak masuk, sehingga ia mengatakan kepada Nabi Muhammad:

"Perintahkanlah supaya memotong kepala patung itu. Maka dipotonglah dia sehingga menjadi seperti keadaan pohon." (Riwayat Abu Daud, Nasai, Tarmizi dan Ibnu Hibban)

Dari hadis ini segolongan ulama ada yang berpendapat diharamkan gambar itu apabila dalam keadaan sempurna, tetapi kalau salah satu anggotanya itu tidak ada yang kiranya tanpa anggota tersebut tidak mungkin dapat hidup, maka membuat patung seperti itu hukumnya mubah,

Tetapi menurut tinjauan yang benar berdasar permintaan Jibril untuk memotong kepala patung sehingga menjadi seperti keadaan pohon, bahawa yang mu'tabar (diakui) di sini bukan kerana tidak berpengaruhnya sesuatu anggota yang kurang itu terhadap hidupnya patung tersebut, atau patung itu pasti akan mati jika tanpa anggota tersebut. Namun yang jelas, patung tersebut harus dicacat supaya tidak terjadi suatu kemungkinan untuk diagungkannya setelah anggotanya tidak ada.

Cuma suatu hal yang tidak diragukan lagi, jika direnungkan dan kita insafi, bahawa patung separuh badan yang dibangun di kota guna mengabadikan para raja dan orang-orang besar, haramnya lebih tegas daripada patung kecil satu badan penuh yang hanya sekadar untuk hiasan rumah.

Bab 2.3: Lukisan dan Ukiran

Demikianlah pendirian Islam terhadap gambar yang bertubuh, yakni yang sekarang dikenal dengan patung atau monumen. Tetapi bagaimanakah hukumnya gambar-gambar dan lukisan-lukisan seni yang dilukis di lembaran-lembaran, seperti kertas, pakaian, dinding, lantai, wang dan sebagainya itu?

Jawabnya: Bahawa hukumnya tidak jelas, kecuali kita harus melihat gambar itu sendiri untuk tujuan apa? Di mana dia itu diletakkan? Bagaimana diperbuatnya? Dan apa tujuan pelukisnya itu?

Kalau lukisan seni itu berbentuk sesuatu yang disembah selain Allah, seperti gambar al-Masih bagi orang-orang Kristian atau sapi bagi orang-orang Hindu dan sebagainya, maka bagi si pelukisnya untuk tujuan-tujuan di atas, tidak lain dia adalah menyiarkan kekufuran dan kesesatan. Dalam hal ini berlakulah baginya ancaman Nabi yang begitu keras:

"Sesungguhnya orang yang paling berat siksaannya nanti di hari kiamat ialah orang-orang yang menggambar." (Riwayat Muslim)

Imam Thabari berkata: "Yang dimaksud dalam hadis ini, iaitu orang-orang yang menggambar sesuatu yang disembah selain Allah, sedangkan dia mengetahui dan sengaja. Orang yang berbuat demikian adalah kufur. Tetapi kalau tidak ada maksud seperti di atas, maka dia tergolong orang yang berdosa sebab menggambar saja."

Yang seperti ini ialah orang yang menggantungkan gambar-gambar tersebut untuk dikuduskan. Perbuatan seperti ini tidak pantas dilakukan oleh seorang muslim, kecuali kalau agama Islam itu dibwang di belakang punggungnya.

Dan yang lebih mendekati persoalan ini ialah orang yang melukis sesuatu yang tidak biasa disembah, tetapi dengan maksud untuk menandingi ciptaan Allah. Yakni dia beranggapan, bahawa dia dapat membuat dan menciptakan jenis terbaru seperti ciptaan Allah. Orang yang melukis dengan tujuan seperti itu jelas telah keluar dari agama Tauhid. Terhadap orang ini berlakulah hadis Nabi yang mengatakan:

"Sesungguhnya orang yang paling berat siksaannya ialah orang-orang yang menandingi ciptaan Allah." (Riwayat Muslim)

Persoalan ini tergantung pada niat si pelukisnya itu sendiri.

Barangkali hadis ini dapat diperkuat dengan hadis yang mengatakan:

"Siapakah orang yang lebih berbuat zalim selain orang yang bekerja membuat seperti pembuatanku? Oleh kerana itu cubalah mereka membuat biji atau zarrah." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Allah mengungkapkan firmanNya di sini dengan kata-kata "dzahaba yakhluqu kakhalqi" (dia bekerja untuk membuat seperti pembuatanku), ini menunjukkan adanya suatu kesengajaan untuk menandingi dan menentang kekhususan Allah dalam ciptaannya dan keindahannya. Oleh kerana itu Allah menentang mereka supaya membuat sebutir zarrah. Ia memberikan isyarat, bahawa mereka itu benar-benar bersengaja untuk maksud tersebut. Justeru itu Allah akan membalas mereka itu nanti dan mengatakan kepada mereka: "Hidupkan apa yang kamu cipta itu!" Mereka dipaksa untuk meniupkan roh ke dalam lukisannya itu, padahal dia tidak akan mampu.

Termasuk gambar/lukisan yang diharamkan, iaitu gambar/lukisan yang dikuduskan (disucikan) oleh pemiliknya secara keagamaan atau diagung-agungkan secara keduniaan.

Untuk yang pertama: Seperti gambar-gambar Malaikat dan para Nabi, misalnya Nabi Ibrahim, Ishak, Musa dan sebagainya. Gambar-gambar ini biasa dikuduskan oleh orang-orang Nasrani, dan kemudian sementara orang-orang Islam ada yang menirunya, iaitu dengan melukiskan Ali, Fatimah dan lain-lain.

Sedang untuk yang kedua: Seperti gambar raja-raja, pemimpin-pemimpin dan seniman-seniman. Ini dosanya tidak seberapa kalau dibandingkan dengan yang pertama tadi. Tetapi akan meningkat dosanya, apabila yang dilukis itu orang-orang kafir, orang-orang yang zalim atau orang-orang yang fasik. Misalnya para hakim yang menghukum dengan selain hukum Allah, para pemimpin yang mengajak umat untuk berpegang kepada selain agama Allah atau seniman-seniman yang mengagung-agungkan kebatilan dan menyiarnyiarkan kecabulan di kalangan umat.

Kebanyakan gambar-gambar/lukisan-lukisan di zaman Nabi dan sesudahnya, adalah lukisan-lukisan yang disucikan dan diagung-agungkan. Sebab pada umumnya lukisan-lukisan itu adalah buatan Rum dan Parsi (Nasrani dan Majusi). Oleh kerana itu tidak dapat melepaskan pengaruhnya terhadap pengkultusan kepada pemimpin-pemimpin agama dan negara.

Imam Muslim meriwayatkan, bahawa Abu Dhuha pernah berkata sebagai berikut: Saya dan Masruq berada di sebuah rumah yang di situ ada beberapa patung. Kemudian Masruq berkata kepadaku: Apakah ini patung Kaisar? Saya jawab: Tidak! Ini adalah patung Maryam.

Masruq bertanya demikian, kerana menurut anggapannya, bahawa lukisan itu buatan Majusi di mana mereka biasa melukis raja-raja mereka di bejana-bejana. Tetapi akhirnya diketahui, bahawa patung tersebut adalah buatan orang Nasrani.

Dalam kisah ini Masruq kemudian berkata: Saya pernah mendengar Ibnu Mas'ud menceritakan apa yang ia dengar dari Nabi s.a.w., bahawa beliau bersabda: "Sesungguhnya orang yang paling berat siksaannya di sisi Allah, ialah para pelukis."

Selain gambar-gambar di atas, iaitu misalnya dia menggambar/melukis makhluk-makhluk yang tidak bernyawa seperti tumbuh-tumbuhan, pohon-pohonan, laut, gunung, matahari, bulan, bintang dan sebagainya. Maka hal ini sedikitpun tidak berdosa dan tidak ada pertentangan sama sekali di kalangan para ulama.

Tetapi gambar-gambar yang bernyawa kalau tidak ada unsur-unsur larangan seperti tersebut di atas, iaitu bukan untuk disucikan dan diagung-agungkan dan bukan pula untuk maksud menyaingi ciptaan Allah, maka menurut hemat saya tidak haram. Dasar daripada pendapat ini adalah hadis sahih, antara lain:

"Dari Bisir bin Said dari Zaid bin Khalid dari Abu Talhah sahabat Nabi, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya Malaikat tidak akan masuk rumah yang di dalamnya ada gambar." (Riwayat Muslim)

Bisir berkata: Sesudah itu Zaid mengadukan. Kemudian kami jenguk dia, tiba-tiba di pintu rumah Zaid ada gambarnya. Lantas aku bertanya kepada Ubaidillah al-Khaulani anak tiri Maimunah isteri Nabi: Apakah Zaid belum pernah memberitahumu tentang gambar pada hari pertama? Kemudian Ubaidillah berkata: Apakah kamu tidak pernah mendengar dia ketika ia berkata: "Kecuali gambar di pakaian."

Tarmizi meriwayatkan dengan sanadnya dari Utbah, bahawa dia pernah masuk di rumah Abu Talhah al-Ansari untuk menjenguknya, tiba-tiba di situ ada Sahal bin Hanif. Kemudian Abu Talhah menyuruh orang supaya mencabut seprei yang di bawahnya (kerana ada gambarnya). Sahal lantas bertanya kepada Abu Talhah: Mengapa kau cabut dia? Abu Talhah menjawab: Kerana ada gambarnya, di mana hal tersebut telah dikatakan oleh Nabi yang barangkali engkau telah mengetahuinya. Sahal kemudian bertanya lagi: Apakah beliau (Nabi) tidak pernah berkata: "Kecuali gambar yang ada di pakaian?" Abu Talhah kemudian menjawab: Betul! Tetapi itu lebih menyenangkan hatiku." (Kata Tarmizi: hadis ini hasan sahih)

Tidakkah dua hadis di atas sudah cukup untuk menunjukkan, bahawa gambar yang dilarang itu ialah yang berjasad atau yang biasa kita istilahkan dengan patung? Adapun gambar-gambar ataupun lukisan-lukisan di papan, pakaian, lantai, tembok dan sebagainya tidak ada satupun nas sahih yang melarangnya.

Betul di situ ada beberapa hadis sahih yang menerangkan bahawa Nabi menampakkan ketidak-sukaannya, tetapi itu sekadar makruh saja. Kerana di situ ada unsur-unsur menyerupai orang-orang yang bermewah-mewah dan penggemar barang-barang rendahan.

Imam Muslim meriwayatkan dari jalan Zaid bin Khalid al-Juhani dari Abu Talhah al-Ansari, ia berkata: Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Malaikat tidak akan masuk rumah yang di dalamnya ada anjing dan patung. Saya (Zaid) kemudian bertanya kepada Aisyah: Sesungguhnya ini (Abu Talhah) memberitahuku, bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda. Malaikat tidak akan masuk rumah yang di dalamnya ada anjing dan patung. Apakah engkau juga demikian? Maka kata Aisyah: Tidak! Tetapi saya akan menceritakan kepadamu apa yang pernah saya lihat Nabi kerjakan, iaitu: Saya lihat Nabi keluar dalam salah satu peperangan, kemudian saya membuat seprei korden (yang ada gambarnya) untuk saya pakai menutup pintu. Setelah Nabi datang, ia melihat korden tersebut. Saya lihat tanda marah pada wajahnya, lantas dicabutnya korden tersebut sehingga disobek atau dipotong sambil ia berkata: Sesungguhnya Allah tidak menyuruh kita untuk memberi pakaian kepada batu dan tanah. Kata Aisyah selanjutnya: Kemudian kain itu saya potong daripadanya untuk dua bantal dan saya penuhi dengan kulit buah-buahan, tetapi Rasulullah sama sekali tidak mencela saya terhadap yang demikian itu." (Riwayat Muslim)

Hadis tersebut tidak lebih hanya menunjukkan makruh tanzih kerana memberikan pakaian kepada dinding dengan korden yang bergambar.

Imam Nawawi berkata: hadis tersebut tidak menunjukkan haram, kerana hakikat perkataan sesungguhnya Allah tidak menyuruh kita itu tidak dapat dipakai untuk menunjukkan wajib, sunnat atau haram.

Yang semakna dengan ini diriwayatkan juga oleh Imam Muslim dari jalan Aisyah pula, ia berkata:

"Saya mempunyai tabir padanya ada gambar burung, sedang setiap orang yang masuk akan menghadapnya (akan melihatnya), kemudian Nabi berkata kepadaku: Pindahkanlah ini, kerana setiap saya masuk dan melihatnya maka saya ingat dunia."(Riwayat Muslim)

Dalam hadis ini Rasulullah s.a.w. tidak menyuruh Aisyah supaya memotongnya, tetapi beliau hanya menyuruh memindahkan ke tempat lain. Ini menunjukkan ketidaksukaan Nabi melihat, bahawa di hadapannya ada gambar tersebut yang dapat mengingatkan kebiasaan dunia dengan seluruh aneka keindahannya itu; lebih-lebih beliau selalu sembahyang sunnat di rumah. Sebab seprai-seprai dan korden-korden yang bergambar sering memalingkan hati daripada kekhusyu'an dan pemusatan menghadap untuk bermunajat kepada Allah. Ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dari jalan Anas, ia mengatakan: Bahawa

korden Aisyah dipakai untuk menutupi samping rumahnya, kemudian Nabi menyuruh dia dengan sabdanya:

"Singkirkanlah korden itu dariku, kerana gambar-gambarnya selalu tampak dalam sembahyangku." (Riwayat Bukhari)

Dengan demikian jelas, bahawa Nabi sendiri membenarkan di rumahnya ada tabir/korden yang bergambar burung dan sebagainya.

Dari hadis-hadis itu pula, sementara ulama salaf berpendapat: "Bahawa gambar yang dilarang itu hanyalah yang ada bayangannya, adapun yang tidak ada bayangannya tidak menqapa."27

Pendapat ini diperkuat oleh hadis Qudsi yang mengatakan: "Siapakah yang terlebih menganiaya selain orang yang bekerja untuk membuat seperti ciptaanKu? Oleh kerana itu cubalah mereka membuat zarrah, cubalah mereka membuat beras belanda!" (Riwayat Bukhari).

Ciptaan Allah sebagaimana kita lihat, bukan terlukis di atas dataran tetapi berbentuk dan berjisim, sebagaimana Dia katakan:

"Dialah Zat yang membentuk kamu di dalam rahim bagaimanapun Ia suka." (ali-Imran: 6)

Tidak ada yang menentang pendapat ini selain hadis yang diriwayatkan Aisyah, dalam salah satu riwayat Bukhari dan Muslim, yang berbunyi sebagai berikut:

"Sesungguhnya Aisyah membeli bantal yang ada gambar-gambarnya, maka setelah Nabi melihatnya ia berdiri di depan pintu, tidak hendak masuk. Setelah Aisyah melihat ada tanda kemarahan di wajah Nabi, maka Aisyah bertanya: Apakah saya harus bertubat kepada Allah dan RasulNya, apa salah saya? Jawab Nabi: Mengapa bantal itu begitu macam? Jawab Aisyah: Saya beli bantal ini untuk engkau pakai duduk dan dipakai bantal. Maka jawab Rasulullah pula: Yang membuat gambar-gambar ini nanti akan disiksa, dan akan dikatakan kepada mereka: Hidupkanlah apa yang kamu buat itu. Lantas Nabi melanjutkan pembicaraannya: Sesungguhnya rumah yang ada gambarnya tidak akan dimasuki Malaikat. Dan Imam Muslim menambah dalam salah satu riwayat Aisyah, ia (Aisyah) mengatakan: Kemudian bantal itu saya jadikan dua buah untuk bersandar, di mana Nabi biasa bersandar dengan dua sandaran tersebut di rumah. Yakni Aisyah membelah bantal tersebut digunakan untuk dua sandaran." (Riwayat Muslim)

Akan tetapi hadis ini, nampaknya, bertentangan dengan sejumlah hal-hal sebagai berikut:

1) Dalam riwayat yang berbeza-beza nampak bertentangan. Sebagian menunjukkan bahawa Nabi s.a.w. menggunakan tabir/korden yang bergambar yang kemudian dipotong-potong dan dipakai bantal. Sedang sebagian lagi menunjukkan, bahawa beliau sama sekali tidak menggunakannya.

2) Sebagian riwayat-riwayat itu hanya sekadar menunjukkan makruh. Sedang kemakruhannya itu kerana korden tembok itu bergambar yang dapat menggambarkan semacam berlebih-lebihan yang ia (Rasulullah) tidak senang. Oleh kerana itu dalam Riwayat Muslim, ia berkata: "Sesungguhnya Allah tidak menyuruh kita supaya memberi pakaian pada batu dan tanah."

3) Hadis Muslim yang diriwayatkan oleh Aisyah itu sendiri menggambarkan di rumahnya ada tabir/korden yang bergambar burung. Kemudian Nabi menyuruh dipindahkan, dengan kata-katanya: "Pindahkanlah, kerana saya kalau melihatnya selalu ingat dunia!" Ini tidak menunjukkan kepada haram secara mutlak.

4) Bertentangan dengar: hadis qiram (tabir) yang ada di rumah Aisyah juga, kemudian oleh Nabi disuruhnya menyingkirkan, sebab gambar-gambarnya itu selalu tampak dalam shalat. Sehingga kata al-Hafidh: "Hadis ini dengan hadis di atas sukar sekali dikompromikan (jama'), sebab hadis ini menunjukkan Nabi membenarkannya, dan beliau shalat sedang tabir tersebut tetap terpampang, sehingga beliau perintahkan Aisyah untuk menyingkirkannya, kerana melihat gambar-gambar tersebut dalam shalat dan dapat mengingatkan yang bukan-bukan, bukan semata-mata kerana gambarnya itu an sich.

Akhirnya al-Hafidh berusaha untuk menjama' hadis-hadis tersebut sebagai berikut: hadis pertama, kerana terdapat gambar haiwan bernyawa sedang hadis kedua gambar selain haiwan ... Akan tetapi inipun bertentangan pula dengan hadis qiram yang jelas di situ bergambar burung.

5) Bertentangan dengan hadis Abu Talhah al-Ansari yang mengecualikan gambar dalam pakaian. Kerana itu Imam Qurthubi berpendapat: "Dua hadis itu dapat dijama' sebagai berikut: hadis Aisyah dapat diertikan makruh, sedang hadis Abu Talhah menunjukkan mubah secara mutlak yang sama sekali tidak menafikan makruh di atas." Pendapat ini dibenarkan oleh al-Hafidh Ibnu Hajar.

6) Rawi hadis namruqah (bantal) ada seorang bernama al-Qasim bin Muhammad bin Abubakar, anak saudara Aisyah sendiri, ia membolehkan gambar yang tidak ada bayangannya, iaitu seperti yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Aun, ia berkata: "Saya masuk di

rumah al-Qasim di Makkah sebelah atas, saya lihat di rumahnya itu ada korden yang ada gambar trenggiling dan burung garuda." 28

Al-Hafidh Ibnu Hajar berkata; Barangkali al-Qasim berpegang pada keumuman hadis Nabi yang mengatakan kecuali gambar dalam pakaian dan seolah-olah dia memahami keingkaran Nabi terhadap Aisyah yang menggantungkan korden yang bergambar dan menutupi dinding. Faham ini diperkuat dengan hadisnya yang mengatakan: "Sesungguhnya Allah tidak menyuruh kita supaya memberi pakaian batu dan tanah." Sedang al-Qasim adalah salah seorang ahli fiqih Madinah yang tujuh, dia juga termasuk orang pilihan pada zaman itu, dia pula rawi hadis namruqah itu. Maka jika dia tidak memaham rukhsakh terhadap korden yang dia pasang itu, nescaya dia tidak akan menggunakannya. 29

Tetapi di samping itu tampaknya ada kemungkinan yang tampak pada hadis-hadis yang berkenaan dengan masalah gambar dan pelukisnya, iaitu bahawa Rasulullah s.a.w. memperkeras persoalan ini pada periode pertama dari kerasulannya, di mana waktu itu kaum muslimin baru saja meninggalkan syirik dan menyembah berhala serta mengagung-agungkan patung. Tetapi setelah aqidah tauhid itu mendalam kedalam jiwa dan akar-akarnya telah menghunjam kedalam hati dan pikiran, maka beliau memberi perkenan (rukhshah) dalam hal gambar yang tidak berjasad, yang hanya sekadar ukiran dan lukisan. Kalau tidak begitu, nescaya beliau tidak suka adanya tabir/korden yang bergambar di dalam rumahnya; dan ia pun tidak akan memberikan perkecualian tentang lukisan dalam pakaian, termasuk juga dalam kertas dan dinding.

Ath-Thahawi, salah seorang dari ulama madzhab Hanafi berpendapat: Syara' melarang semua gambar pada permulaan waktu, termasuk lukisan pada pakaian, kerana mereka baru saja meninggalkan menyembah patung. Oleh kerana itu secara keseluruhan gambar dilarang. Tetapi setelah larangan itu berlangsung lama, kemudian dibolehkan gambar yang ada pada pakaian kerana suatu darurat. Syara' pun kemudian membolehkan gambar yang tidak berjasad kerana sudah dianggap orang-orang bodoh tidak lagi mengagungkannya, sedang yang berjasad tetap dilarang. 30

2.3.9 Gambar yang Terhina adalah Halal

Setiap perubahan dalam masalah gambar yang tidak mungkin diagung-agungkan sampai kepada yang paling hina, dapat pindah dari lingkungan makruh kepada lingkungan halal. Dalam hal ini ada sebuah hadis yang menerangkan, bahawa Jibril a.s. pernah minta izin kepada Nabi untuk masuk rumahnya, kemudian kata Nabi kepada Jibril:

"Masuklah! Tetapi Jibril menjawab: Bagaimana saya masuk, sedang di dalam rumahmu itu ada korden yang penuh gambar! Tetapi kalau kamu tetap akan memakainya, maka putuskanlah kepalanya atau potonglah untuk dibuat bantal atau buatlah tikar." (Riwayat Nasa'i Ban Ibnu Hibban)

Oleh kerana itulah ketika Aisyah melihat ada tanda kemarahan dalam wajah Nabi kerana ada korden yang banyak gambarnya itu, maka korden tersebut dipotong dan dipakai dua sandaran, kerana gambar tersebut sudah terhina dan jauh daripada menyamai gambar-gambar yang diagung-agungkan.

Beberapa ulama salaf pun ada yang memakai gambar yang terhina itu, dan mereka menganggap bukan suatu dosa. Misalnya Urwah, dia bersandar pada sandaran yang ada gambarnya, di antaranya gambar burung dan orang laki-laki. Kemudian Ikrimah berkata: Mereka itu memakruhkan gambar yang didirikan (patung) sedang yang diinjak kaki, misalnya di lantai, bantal dan sebagainya, mereka menganggap tidak apa-apa.

2.3.10 Fotografi

Satu hal yang tidak diragukan lagi, bahawa semua persoalan gambar dan menggambar, yang dimaksud ialah gambar-gambar yang dipahat atau dilukis, seperti yang telah kami sebutkan di alas.

Adapun masalah gambar yang diambil dengan menggunakan sinar matahari atau yang kini dikenal dengan nama fotografi, maka ini adalah masalah baru yang belum pernah terjadi di zaman Rasulullah s.a.w. dan ulama-ulama salaf. Oleh kerana itu apakah hal ini dapat dipersamakan dangan hadis-hadis yang membicarakan masalah melukis dan pelukisnya seperti tersebut di atas?

Orang-orang yang berpendirian, bahawa haramnya gambar itu terbatas pada yang berjasad (patung), maka foto bagi mereka bukan apa-apa, lebih-lebih kalau tidak sebadan penuh. Tetapi bagi orang yang berpendapat lain, apakah foto semacam ini dapat dikiaskan dengan gambar yang dilukis dengan menggunakan kuasa? Atau apakah barangkali illat (alasan) yang telah ditegaskan dalam hadis masalah pelukis, iaitu diharamkan melukis lantaran menandingi ciptaan Allah --tidak dapat diterapkan pada fotografi ini? Sedang menurut ahli-ahli usul-fiqih kalau illatnya itu tidak ada, yang dihukum pun (ma'lulnya) tidak ada.

Jelasnya persoalan ini adalah seperti apa yang pernah difatwakan oleh Syekh Muhammad Bakhit, Mufti Mesir: "Bahawa fotografi itu adalah merupakan penahanan bayangan dengan suatu alat yang telah dikenal oleh ahli-ahli teknik (tustel). Cara semacam ini sedikitpun tidak ada larangannya.

Kerana larangan menggambar, iaitu mengadakan gambar yang semula tidak ada dan belum dibuat sebelumnya yang bisa menandingi (makhluk) ciptaan Allah. Sedang pengertian semacam ini tidak terdapat pada gambar yang diambil dengan alat (tustel)."31

Sekalipun ada sementara orang yang ketat sekali dalam persoalan gambar dengan segala macam bentuknya, dan menganggap makruh sampai pun terhadap fotografi, tetapi satu hal yang tidak diragukan lagi, bahawa mereka pun akan memberikan rukhshah terhadap hal-hal yang bersifat darurat kerana sangat diperlukannya, atau kerana suatu maslahat yang mengharuskan, misalnya kartu pendliduk, paspor, foto-foto yang dipakai alat penerangan yang di situ sedikitpun tidak ada tanda-tanda pengagungan. atau hal yang bersifat merusak aqidah. Foto dalam persoalan ini lebih diperlukan daripada melukis dalam pakaian-pakaian yang oleh Rasulullah sendiri sudah dikecualikannya.

2.3.11 Subjek Gambar

Yang sudah pasti, bahawa subjek gambar mempunyai pengaruh soal haram dan halalnya. Misalnya gambar yang subjeknya itu menyalahi aqidah dan syariat serta tata kesopanan agama, semua orang Islam mengharamkannya.

Oleh kerana itu gambar-gambar wanita telanjang, setengah telanjang, ditampakkannya bagian-bagian anggota khas wanita dan tempat-tempat yang membawa fitnah, dan digambar dalam tempat-tempat yang cukup membangkitkan syahwat dan menggairahkan kehidupan duniawi sebagaimana yang kita lihat di majalah-majalah, surat-surat khabar dan bioskop, semuanya itu tidak diragukan lagi tentang haramnya baik yang menggambar, yang menyiarkan ataupun yang memasangnya di rumah-rumah, kantor-kantor, toko-toko dan digantung di dinding-dinding. Termasuk juga haramnya kesengajaan untuk memperhatikan gambar-gambar tersebut.

Termasuk yang sama dengan ini ialah gambar-gambar orang kafir, orang zalim dan orang-orang fasik yang oleh orang Islam harus dibanteras dan dibenci dengan semata-mata mencari keridhaan Allah. Setiap muslim tidak halal melukis atau menggambar pemimpin-pemimpin yang anti Tuhan, atau pemimpin yang menyekutukan Allah dengan sapi, api atau lainnya, misalnya orang-orang Yahudi, Nasrani yang ingkar akan kenabian Muhammad, atau pemimpin yang beragama Islam tetapi tidak hendak berhukum dengan hukum Allah; atau orang-orang yang gemar menyiarkan kecabulan dan kerusakan dalam masyarakat seperti bintang-bintang film dan biduan-biduan.

Termasuk haram juga ialah gambar-gambar yang dapat dinilai sebagai menyekutukan Allah atau lambang-lambang sementara agama yang sama sekali tidak diterima oleh Islam, gambar berhala, salib dan sebagainya.

Barangkali seperai dan bantal-bantal di zaman Nabi banyak yang memuat gambar-gambar semacam ini. Oleh kerana itu dalam riwayat Bukhari diterangkan; bahawa Nabi tidak membiarkan salib di rumahnya, kecuali dipatahkan.

Ibnu Abbas meriwayatkan:

"Sesungguhnya Rasulullah s.a. w. pada waktu tahun penaklukan Makkah melihat palung-patung di dalam Baitullah, maka ia tidak hendak masuk sehingga ia menyuruh, kemudian dihancurkan." (Riwayat Bukhari).

Tidak diragukan lagi, bahawa patung-patung yang dimaksud adalah patung yang dapat dinilai sebagai berhala orang-orang musyrik Makkah dan lambang kesesatan mereka di zaman-zaman dahulu.

Ali bin Abu Talib juga berkata:

"Rasulullah s.a.w. dalam (melawat) suatu jenazah ia bersabda: Siapakah di kalangan kamu yang akan pergi ke Madinah, maka jangan biarkan di sana satupun berhala kecuali harus kamu hancurkan, dan jangan ada satupun kubur (yang bercungkup) melainkan harus kamu ratakan dia, dan jangan ada satupun gambar kecuali harus kamu hapus dia? Kemudian ada seorang lelaki berkata: Saya! Ya, Rasulullah! Lantas ia memanggil penduduk Madinah, dan pergilah si lelaki tersebut. Kemudian ia kembali dan berkata: Saya tidak akan membiarkan satupun berhala kecuali saya hancurkan dia, dan tidak akan ada satupun kuburan (yang bercungkup) kecuali saya ratakan dia dan tidak ada satupun gambar kecuali saya hapus dia. Kemudian Rasulullah bersabda: Barangsiapa kembali kepada salah satu dari yang tersebut maka sungguh ia telah kufur terhadap apa yang diturunkan kepada Muhammad s.a.w." (Riwayat Ahmad; dan berkata Munziri: Isya Allah sanadnya baik)32

Barangkali tidak lain gambar-gambar/patung-patung yang diperintahkan Rasulullah s.a.w. untuk dihancurkan itu, melainkan kerana patung-patung tersebut adalah lambang kemusyrikan jahiliah yang oleh Rasulullah sangat dihajatkan kota Madinah supaya bersih dari pengaruh-pengaruhnya. Justeru itulah, kembali kepada hal-hal di atas bererti dinyatakan kufur terhadap ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad.

2.3.12 Kesimpulan Hukum Gambar dan Yang Menggambar

Dapat kami simpulkan hukum masalah gambar dan yang menggambar sebagai berikut:

Macam-macam gambar yang sangat diharamkan ialah gambar-gambar yang disembah selain Allah, seperti Isa al-Masih dalam agama Kristian. Gambar seperti ini dapat membawa pelukisnya menjadi kufur, kalau dia lakukan hal itu dengan pengetahuan dan kesengajaan. Begitu juga pemahat-pemahat patung, dosanya akan sangat besar apabila dimaksudkan untuk diagung-agungkan dengan cara apapun. Termasuk juga terlibat dalam dosa, orang-orang yang bersekutu dalam hal tersebut.

Termasuk dosa juga, orang-orang yang melukis sesuatu yang tidak disembah, tetapi bertujuan untuk menandingi ciptaan Allah. Yakni dia beranggapan, bahawa dia dapat mencipta jenis baru dan membuat seperti pembuatan Allah. Kalau begitu keadaannya dia bisa menjadi kufur. Dan ini tergantung kepada niat si pelukisnya itu sendiri.

Di bawah lagi patung-patung yang tidak disembah, tetapi termasuk yang diagung-agungkan, seperti patung raja-raja, kepala negara, para pemimpin dan sebagainya yang dianggap keabadian mereka itu dengan didirikan monumen-monumen yang dibangun di lapangan-lapangan dan sebagainya. Dosanya sama saja, baik patung itu satu badan penuh atau setengah badan.

Di bawahnya lagi ialah patung-patung haiwan dengan tidak ada maksud untuk disucikan atau diagung-agungkan, dikecualikan patung mainan anak-anak dan yang tersebut dari bahan makanan seperti manisan dan sebagainya.

Selanjutnya ialah gambar-gambar di pagan yang oleh pelukisnya atau pemiliknya sengaja diagung-agungkan seperti gambar para penguasa dan pemimpin, lebih-lebih kalau gambar-gambar itu dipancangkan dan digantung. Lebih kuat lagi haramnya apabila yang digambar itu orang-orang zalim, ahli-ahli fasik dan golongan anti Tuhan. Mengagungkan mereka ini bererti telah meruntuhkan Islam.

Di bawah itu ialah gambar haiwan-haiwan dengan tidak ada maksud diagung-agungkan, tetapi dianggap suatu manifestasi pemborosan. Misalnya gambar gambar di dinding dan sebagainya. Ini hanya masuk yang dimakruhkan.

Adapun gambar-gambar pemandangan, misalnya pohon-pohonan, kurma, lautan, perahu, gunung dan sebagainya, maka ini tidak dosa sama sekali baik si pelukisnya ataupun yang menyimpannya, selama gambar-gambar tersebut tidak melupakan ibadah dan tidak sampai kepada pemborosan. Kalau sampai demikian, hukumnya makruh.

Adapun fotografi, pada prinsipnya mubah, selama tidak mengandung objek yang diharamkan, seperti disucikan oleh pemiliknya secara keagamaan atau disanjung-sanjung secara keduniaan. Lebih-lebih kalau yang disanjung-sanjung itu justeru orang-orang kafir

dan ahli-ahli fasik, misalnya golongan penyembah berhala, komunis dan seniman-seniman yang telah menyimpang.

Terakhir, apabila patung dan gambar yang diharamkan itu bentuknya diubah atau direndahkan (dalam bentuk gambar), maka dapat pindah dari lingkungan haram menjadi halal. Seperti gambar-gambar di lantai yang biasa diinjak oleh kaki dan sandal.

2.3.13 Memelihara Anjing Tanpa Ada Keperluan

Termasuk yang dilarang oleh Nabi ialah memelihara anjing di dalam rumah tanpa ada suatu keperluan.

Banyak kita ketahui, ada beberapa orang yang berlebih-lebihan dalam memberikan makan anjingnya, sedang kepada manusia mereka sangat bakhil. Ada pula yang kita saksikan orang-orang yang tidak cukup membiayai anjingnya itu dengan hartanya untuk melatih anjing, bahkan seluruh hatinya dicurahkan kepada anjing itu, sedang dia acuh tak acuh terhadap kerabatnya dan melupakan tetangga dan saudaranya.

Adanya anjing dalam rumah seorang muslim memungkinkan terdapatnya najis pada bejana dan sebagainya kerana jilatan anjing itu.

Di mana Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

"Apabila anjing menjilat dalam bejana kamu, maka cucilah dia tujuh kali, salah satu di antaranya dengan tanah. " (Riwayat Bukhari)

Sebagian ulama ada yang berpendapat, bahawa hikmah dilarangnya memelihara anjing di rumah ialah: Kalau anjing itu menyalak dapat menakutkan tetamu yang datang, bisa membuat lari orang-orang yang datang akan meminta dan dapat mengganggu orang yang sedang jalan.

Rasulullah s.a.w. pernah mengatakan:

"Malaikat Jibril datang kepadaku, kemudian ia berkata kepadaku sebagai berikut: Tadi malam saya datang kepadamu, tidak ada satupun yang menghalangi aku untuk masuk kecuali kerana di pintu rumahmu ada patung dan di dalamnya ada korden yang bergambar, dan di dalam rumah itu ada pula anjing. Oleh kerana itu perintahkanlah supaya kepala patung itu dipotong untuk dijadikan seperti keadaan pohon dan perintahkanlah pula supaya korden itu

dipotong untuk dijadikan dua bantal yang diduduki, dan diperintahkanlah anjing itu supaya dikeluarkan (Riwayat Abu Daud, Nasa'I, Tarmizi dan Ibnu Hibban)

Anjing yang dilarang dalam hadis ini hanyalah anjing yang dipelihara tanpa ada keperluan.

2.3.14 Memelihara Anjing Pemburu dan Penjaga, Hukumnya Mubah

Adapun anjing yang dipelihara kerana ada kepentingan, misalnya untuk berburu, menjaga tanaman, menjaga haiwan dan sebagainya dapat dikecualikan dari hukum ini. Sebab dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Muslim dan lain-lain, Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Barangsiapa memelihara anjing, selain anjing pemburu atau penjaga tanaman dan haiwan, maka pahalanya akan berkurang setiap hari satu qirat." (Riwayat Jamaah)

Berdasar hadis tersebut, sebagian ahli fiqih berpendapat, bahawa larangan memelihara anjing itu hanya makruh, bukan haram, sebab kalau sesuatu yang haram sama sekali tidak boleh diambil/dikerjakan baik pahalanya itu berkurang atau tidak.

Dilarangnya memelihara anjing dalam rumah, bukan bererti kita bersikap keras terhadap anjing atau kita diperintah untuk membunuhnya. Sebab Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Andaikata anjing-anjing itu bukan umat seperti umat-umat yang lain, nescaya saya perintahkan untuk dibunuh." (Riwayat Abu Daud dan Tarmizi)

Dengan hadis tersebut Nabi mengisyaratkan kepada suatu pengertian yang besar dan realita yang tinggi sekali nilainya seperti halnya yang ditegaskan juga oleh al-Quran:

"Tidak ada satupun haiwan di bumi dan burung yang terbang dengan dua sayapnya, melainkan suatu umat seperti kamu juga." (al-An'am: 38)

Rasulullah pernah juga mengkisahkan kepada para sahabatnya tentang seorang lelaki yang menjumpai anjing di padang pasir, anjing itu menyalak-nyalak sambil makan debu kerana kehausan. Lantas orang lelaki tersebut menuju sebuah sumur dan melepas sepatunya kemudian dipenuhi air, lantas minumlah anjing tersebut dengan puas.

Setelah itu Nabi bersabda:

"Kerana itu Allah berterimakasih kepada orang yang memberi pertolongan itu serta mengampuni dosanya." (Riwayat Bukhari)

2.3.15 Pengetahuan Ilmu Moden Tentang Memelihara Anjing

Barangkali akan kita jumpai di tempat-tempat kita ini beberapa orang yang sedang asyik terhadap Barat, sehingga mereka menganggap Barat itu mempunyai kehalusan budi dan perikeimanusiaan yang tinggi serta menaruh kasih sayang kepada semua haiwan yang hidup. Mereka menganggapnya, bahawa Islam itu bersikap keras terhadap haiwan yang dapat dipercaya, tunduk dan beramanat.

Kepada mereka ini akan kami bawakan suatu ertikel ilmiah yang sangat berharga sekali, ditulis oleh seorang sarjana pakar dari Jerman. Ertikel tersebut menjelaskan betapa bahayanya yang akan ditimbulkan kerana memelihara anjing. Ia mengatakan: "Bertambahnya musibah yang diderita umat manusia pada tahun terakhir yang disebabkan oleh anjing, memaksa kita untuk memperhatikan secara khusus tentang betapa bahaya yang nampak sekali yang disebabkan oleh anjing, lebih-lebih situasinya bukan terbatas kerana memelihara itu ansich, tetapi sampai kepada bermain-main dan menciumi serta mengusap-usap anjing dengan tangan oleh anak-anak kecil dan orang-orang dewasa. Bahkan banyak sekali anjing-anjing itu menjilat bekas bekas makanan yang ada di piring orang tempat menyimpan makanan dan minuman manusia."

Kebiasaan-kebiasaan jelek yang kami sebutkan di atas akan sangat bertentangan dengan perasaan yang sihat dan tidak mungkin dapat diterima oleh kesopanan manusia. Lebih lebih persoalan ini sangat kontras dengan kebersihan dan kesihatan. Tetapi kami tidak akan membicarakan persoalan ini ditinjau dari segi tersebut, kerana telah menyimpang dari pokok persoalan yang sedang dibahas dalam studi ilmiah ini. Biarlah itu kita serahkan kepada masalah pendidikan budi-pekerti dan pendidikan jiwa untuk menentukannya.

Di sini akan kita tinjau dari segi kesihatan - dan itulah yang kami anggap sangat penting dalam pembahasan ini - sebab bahaya yang sangat mengancam kesihatan manusia dan kehidupannya yang disebabkan memelihara anjing tidak boleh dianggap remeh. Banyak orang yang terpaksa harus mengorbankan wang yang tidak sedikit kerana digigit oleh anjing, apabila cacing pita anjing itu justeru yang menyebabkan penyakit yang berkepanjangan. Bahkan tidak kurang juga penderita yang akhirnya menemui ajalnya.

Cacing ini bentuknya sangat kecil sekali, dan disebut cacing pita anjing. Cacing ini akan tampak pada diri manusia dalam bentuk jerawat. Cacing ini terdapat juga pada haiwan-haiwan lain terutama babi, tetapi pertumbuhannya tidak secepat cacing pita anjing. Terdapat juga pada anak-anak anjing hutan dan serigala, tetapi jarang ada pada kucing.

Cacing pita anjing ini berbeza sangat dengan cacing-cacing pita lainnya, dan sangat kecil sekali, sehingga hampir-hampir tidak dapat dilihat, dan tidak dikira dia itu hidup kecuali setelah beberapa tahun lamanya

Selanjutnya Dr. Graard Pentsmar menulis ertikel tersebut berkata: Perkembangan tumbuhnya cacing pita anjing ini dalam ilmu hewan ada beberapa keanehan tersendiri, misalnya satu telur dapat menumbuhkan kepala-kepala casing pita yang banyak sekali dengan membawa bisul-bisul (jerawat) yang timbul kerana cacing tersebut. Telur-telur ini akan memungkinkan untuk menumbuhkan jerawat-jerawat yang berbeza-beza pula. Demikianlah, bahawa kepala-kepala cacing yang ditumbuhkan kerana bisul-bisul itu akan berubah menjadi cacing-cacing pita lagi yang dapat terbentuk dengan sempurna dan berkembang dalam usus-usus anjing.

Cacing-cacing ini tidak dapat tumbuh pada diri manusia dan hewan, melainkan berupa jerawat-jerawat dan bisul-bisul baru yang satu lama lain sangat berbeza dengan cacing pita itu sendiri. Bisul yang terdapat pada haiwan tidak bisa lebih dari sebesar kepal, dan itupun sebenarnya sangat jarang sekali. Justeru itu kalau diperhatikan, bahawa timbangan hati akan bisa bertambah yang kadang-kadang tambahnya itu mencapai 5 sampai 10 kali dari berat hati biasa. Tetapi bisul yang ada pada manusia bisa mencapai sebesar kepal tangan atau sebesar kepala anak kecil dan penuh dengan nanah yang beratnya 10 sampai 20 kati.

Kebanyakan bisul ini menyerang hati manusia dan akan nampak dalam bentuknya yang berbeza-beza, tetapi, kebanyakan kemudian pindah pada paru-paru, lengan, limpa dan anggota yang lain. Semua ini dapat berubah bentuk hendakpun keadaannya dengan perubahan yang besar sekali, sehingga dalam waktu relatif pendek sukar untuk dapat dibezakan dari yang biasa.

Walhasil, bahawa bisul ini kalau sampai timbul sangat mengancam kesihatan dan hidupnya si penderita dan berat untuk kita bisa mengetahui perkembangan sejarah hidupnya, membiaknya dan membentuknya. Sampai hari ini belum ada jalan untuk mengubatinya. Cuma kadang-kadang cacing-cacing ini akan mati dengan sendirinya dan kadang-kadang justeru bahan-bahan yang tidak dapat diterima oleh tubuh itu sendiri yang bekerja untuk membinasakan kuman-kuman tersebut. Menurut penyelidikan yang mutakhir, bahawa tubuh manusia yang dalam keadaan seperti ini justeru menjadi bahan ubat untuk melawan kuman tersebut serta mematikan bekerjanya racun.

Dan yang sangat menyedihkan, bahawa matinya cacing-cacing itu jarang sekali tidak meninggalkan pengaruh dan menimbulkan bahaya, dibandingkan dengan lainnya. Lebih-lebih cara untuk membanteras penyakit ini dengan jalan kimia tidak lagi berguna. Satu-satunya jalan ialah dengan operasi. Lama tidak dioperasi si penderita tidak akan dapat terlepas dari bahaya. Yakni pengubatan cara lain tidak lagi berguna.

Sebab-sebab ini semua, memaksa kita untuk berbuat cara-cara yang mungkin guna membanteras penyakit yang sangat berbahaya demi melindungi manusia dari bahaya yang datangnya misteri itu.

Prof. Dr. Nawalr dalam analisanya tentang bangkai di Jerman, mengatakan: Bahawa di Jerman penderitaan yang dialami oleh umat manusia yang disebabkan bisul cacing pita anjing tidak kurang dari 1% atau lebih. Sedang negara-negara lain yang diserang penyakit ini, iaitu di bagian selatan Nederland, Daimasia, Krim, Islandia, Tenggara Australia, propinsi Frisland di negeri Belanda di mana anjing-anjing selalu dipakai untuk menarik, maka penderitaan yang ditimbulkan kerana cacing pita tidak kurang dari 12%. Sedang di Islandia sendiri antara 43% penduduk negara tersebut yang menderita kerana bisul cacing pita.

Kalau kita sudah tahu betapa kerugian yang akan menimbulkan makanan manusia yang ditimbulkan oleh haiwan yang membahayakan ini sampai kepada bahaya yang mengancam kesihatan manusia kerana adanya cacing pita itu, maka tidak seorang pun yang akan menentang, bahawa menjauhkan haiwan ini adalah termasuk salah satu keharusan, demi menjaga dan melindungi makanan rakyat. Lebih-lebih segi-segi yang mungkin dapat menyelamatkannya hingga kini masih sangat mengkhuatirkan. Dari saat ke saat, wabak ini akan menular.

Jalan yang paling ampuh untuk membanteras wabak ini ialah kita harus bekerja dengan giat untuk mengurung cacing pita ini hanya pada anjing dan dijaga jangan sampai tersebar luas. Hal ini kita tempuh, justeru kita tidak lagi mampu untuk melarang orang jangan memelihara anjing sama sekali ... Dan jangan dilupakan juga kita harus mengubati anjing itu sendiri, iaitu dengan jalan menghilangkan cacing pitanya yang terdapat dalam usus-ususnya itu. Caranya ialah mengoperasi anjing-anjing tersebut, dan ini telah biasa dilakukan terhadap anjing pelacak dan penjaga.

Dan demi menjaga kesihatan dan kelangsungan hidup manusia, dapat juga kiranya dijaga dengan teliti sekali, jangan bermain-main dan berdekat-dekat dengan anjing. Begitu pula anak-anak supaya tidak membiasakan bergaul dengan anjing, jangan biarkan tangannya dijilat anjing dan jangan diperkenankan anjing-anjing itu tinggal di tempat bermainnya anak-anak. Sebab sangat disesalkan, sering kita lihat ada beberapa anjing yang berkeliaran di tempat-tempat olahraga anak-anak.

Disamping itu harus disediakan pula bejana-bejana khusus untuk makanan anjing. Jangan dibiarkan anjing-anjing itu menjilat piring-piring yang biasa dipakai makan manusia. Jangan pula dibiarkan anjing-anjing itu keluar-masuk di kedai-kedai makanan, pasar-pasar umum, warung-warung dan sebagainya. Dan semua orang pun harus mengambil bagian khusus untuk menghindarkan anjing dari apa saja yang bersentuhan dengan makanan dan minuman manusia.

Dengan demikian, maka kita pun tahu betapa Nabi Muhammad melarang kita untuk bergaul dengan anjing dan memperingatkan kita jangan sampai bejana-bejana kita itu dijilat oleh anjing serta melarang memelihara anjing, kecuali kerana diperlukan. Betapa pula sesuainya ajaran Muhammad dengan pengetahuan moden dan ilmu kedoktoran yang mutakhir!

Dalam hal ini kami tidak akan memperpanjang perkataan, kiranya cukup apa yang dikatakan al-Quran:

"Muhammad tidak berbicara yang keluar dari hawa nafsunya. Tidak lain yang dikatakan itu melainkan wahyu yang diwahyukan." (an-Najm: 3-4)

2.4 Bekerja dan Usaha

FIRMAN Allah:

"Dialah zat yang menjadikan bumi ini mudah buat kamu. Oleh kerana itu berjalanlah di permukaannya dan makanlah dari rezekinya." (al-Mulk: 15)

Ayat ini merupakan mabda' (prinsip) Islam. Bumi ini oleh Allah diserahkan kepada manusia dan dimudahkannya. Justeru itu manusia harus memanfaatkan nikmat yang baik ini serta berusaha di seluruh seginya untuk mencari anugerah Allah itu.

2.4.1 Diamnya Orang yang Mampu Bekerja adalah Haram

Setiap muslim tidak halal bermalas-malas bekerja untuk mencari rezeki dengan dalih kerana sibuk beribadah atau tawakkal kepada Allah, sebab langit ini tidak akan mencurahkan hujan emas dan perak.

Tidak halal juga seorang muslim hanya menggantungkan dirinya kepada sedekah orang, padahal dia masih mampu berusaha untuk memenuhi kepentingan dirinya sendiri dan keluarga serta tanggungannya. Untuk itu Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Sedekah tidak halal buat orang kaya dan orang yang masih mempunyai kekuatan dengan sempurna." (Riwayat Tarmizi)

Dan yang sangat ditentang oleh Nabi serta diharamkan terhadap diri seorang muslim, iaitu meminta-minta kepada orang lain dengan mencucurkan keringatnya. Hal mana dapat menurunkan harga diri dan karamahnya padahal dia bukan terpaksa harus minta-minta.

Kepada orang yang suka minta-minta padahal tidak begitu memerlukan, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda sebagai berikut:

"Orang yang minta-minta padahal tidak begitu memerlukan, sama halnya dengan orang yang memungut bara api." (Riwayat Baihaqi dan Ibnu Khuzaimah dalam sahihnya)

Dan sabdanya pula:

"Barangsiapa meminta-minta pada orang lain untuk menambah kekayaan hartanya tanpa sesuatu yang menghajatkan, maka bererti dia menampar mukanya sampai hari kiamat, dan batu dari neraka yang membara itu dimakannya. Oleh kerana itu siapa yang hendak, persedikitlah dan siapa yang hendak berbanyaklah." (Riwayat Tarmizi)

Dan sabdanya pula:

"Senantiasa minta-minta itu dilakukan oleh seseorang di antara kamu, sehingga dia akan bertemu Allah, dan tidak ada di mukanya sepotong daging." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Suara yang keras ini dicanangkan oleh Rasulullah, demi melindungi harga diri seorang muslim dan supaya seorang muslim membiasakan hidup yang suci serta percaya pada diri sendiri dan jauh dari menggantungkan diri pada orang lain.

2.4.2 Bilakah Minta-Minta Itu Diperkenankan?

Namun Rasulullah s.a.w. masih juga memberikan suatu pembatas justeru kerana ada suatu kepentingan yang mendesak. Oleh kerana itu barangsiapa sangat memerlukan untuk meminta-minta atau mohon bantuan dari pemerintah dan juga kepada perorangan, maka waktu itu tidaklah dia berdoa untuk mengajukan permintaan.

Kerana ada sabda Nabi:

"Sesungguhnya meminta-minta itu sama dengan luka-luka, yang dengan meminta-minta itu bererti seseorang melukai mukanya sendiri, oleh kerana itu barangsiapa hendak tetapkanlah luka itu pada mukanya, dan barangsiapa hendak tinggalkanlah, kecuali meminta kepada sultan atau meminta untuk suatu urusan yang tidak didapat dengan jalan lain." (Riwayat Abu, Daud dan Nasa'i)

Qabishah bin al-Mukhariq berkata:

"Saya menanggung suatu beban yang berat, kemudian saya datang kepada Nabi untuk meminta-minta, maka jawab Nabi: Tinggallah di sini sehingga ada sedekah datang kepada

saya, maka akan saya perintahkan sedekah itu untuk diberikan kepadamu. Lantas ia pun berkata: Hai Qabishah! Sesungguhnya minta-minta itu tidak halal, melainkan bagi salah satu dari tiga orang: (1) Seorang lelaki yang menanggung beban yang berat, maka halallah baginya meminta-minta sehingga dia dapat mengatasinya kemudian sesudah itu dia berhenti. (2) Seorang lelaki yang ditimpa suatu bahaya yang membinasakan hartanya, maka halallah baginya meminta-minta sehingga dia mendapatkan suatu standard untuk hidup. (3) Seorang lelaki yang ditimpa suatu kemiskinan sehingga ada tiga dari orang-orang pandai dari kaumnya mengatakan: Sungguh si anu itu ditimpa suatu kemiskinan, maka halallah baginya meminta-minta sehingga dia mendapatkan suatu standard hidup. Selain itu, meminta-minta hai Qabishah, adalah haram, yang melakukannya bererti makan barang haram." (Riwayat Muslim, Abu Daud dan Nasa'i)

2.4.3 Jaga Harga Diri dengan Bekerja

Nabi menghapuskan semua fikiran yang menganggap hina terhadap orang yang bekerja, bahkan beliau mengajar sahabat-sahabatnya untuk menjaga harga diri dengan bekerja apapun yang mungkin, serta dipandang rendah orang yang hanya menggantungkan dirinya kepada bantuan orang lain.

Maka sabda Nabi:

"Sungguh seseorang yang membawa tali, kemudian ia membawa seikat kayu di punggungnya lantas dijualnya, maka dengan itu Allah menjaga dirinya, adalah lebih baik daripada meminta-minta kepada orang lain, baik mereka yang diminta itu memberi atau menolaknya." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Untuk itu setiap muslim dibolehkan bekerja, baik dengan jalan bertani, berdagang, mendirikan kilang, pekerjaan apapun atau menjadi pegawai, selama pekerjaan-pekerjaan tersebut tidak dilakukan dengan jalan haram, atau membantu perbuatan haram atau bersekutu dengan haram.

2.4.4 Bekerja dengan Jalan Pertanian

Di dalam al-Quran Allah menyebutkan tentang masalah mencari rezeki beberapa pokok yang harus ditepati demi berjayanya bertani itu.

Pertama Allah menyebutkan, bahawa bumi ini disediakan Allah untuk menumbuhkan tumbuh-tumbuhan dan memproduksi. Untuk itu Ia jadikan bumi ini serba mudah dan dihamparkan, sebagai suatu nikmat yang harus diingat dan disyukuri.

Firman Allah:

"Allah menjadikan bumi ini untuk kamu dengan terhampar supaya kamu menjalani jalan-jalan besarnya." (Nuh: 19-20)

"Bumi ini diletakkan Allah untuk umat manusia, di dalamnya penuh dengan buah-buahan dan kurma yang mempunyai kelopak-kelopak, biji-bijian yang mempunyai kulit dan berbau harum. Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan?" (ar-Rahman: 10-13)

Yang kedua, Allah menyebutkan tentang air, Ia mudahkannya, dengan diturunkannya melalui jalan hujan dan mengalir di sungai-sungai, kemudian dengan air itu dihidupkanlah bumi yang tadinya mati.

Firman Allah:

"Dialah zat yang menurunkan air dari langit, maka dengan air itu kami keluarkan tumbulr-tumbuhan dari tiap-tiap sesuatu, maka kami keluarkan daripadanya pohon yang hijau yang daripadanya kami keluarkan biji-bijian yang bersusun-susun." (al-An'am: 99)

"Hendaklah manusia hendak melihat makanannya. Kami curahkan air dengan deras, kemudian kami hancurkan bumi dengan sungguh-sungguh hancur kemudian kami tumbuhkan padanya biji-bijian, anggur dan sayur-mayur." ('Abasa: 24-28)

Selanjutnya tentang angin yang dilepas Allah dengan membawa kegembiraan, di antaranya dapat menggiring awan dan mengkawinkan tumbuh-tumbuhan. Ini semua tersebut dalam firman Allah:

"Dan bumi Kami hamparkannya dan Kami tancapkan di atasnya gunung-gunung dan Kami tumbuhkan padanya dari tiap-tiap sesuatu yang ditimbang. Dan Kami jadikan untuk kamu padanya sumber-sumber penghidupan dan orang-orang yang kamu tidak bisa memberi rezeki kepadanya. Dan tidak ada sesuatu benda melainkan di sisi Kamilah perbendaharaannya, dan Kami tidak menurunkan dia melainkan dengan ukuran tertentu. Dan Kami lepaskan angin untuk mengkawinkan, kemudian Kami turunkan air hujan dari langit, kemudian Kami siram kamu dengan air itu padahal bukanlah kamu yang mempunyai perbendaharaan air itu." (al-Hijr: 19-22)

Seluruh ayat-ayat ini merupakan peringatan Allah kepada umat manusia tentang nikmatnya bertani serta mudahnya jalan-jalan untuk bertani itu. Dan sabda Rasulullah s.a.w.:

"Tidak seorang muslim pun yang menanam tanaman atau menaburkan benih, kemudian dimakan oleh burung atau manusia, melainkan dia itu baginya merupakan sedekah." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dan sabdanya pula yang ertinya sebagai berikut:

"Tidak seorang muslim pun yang menanam tanaman, kecuali apa yang dimakan merupakan sedekah baginya, dan apa yang dicuri juga merupakan sedekah baginya dan tidak juga dikurangi oleh seseorang melainkan dia itu merupakan sedekah baginya sampai hari kiamat." (Riwayat Muslim)

Penegasan hadis tersebut, bahawa pahalanya akan terus berlangsung selama tanaman atau benih yang ditaburkan itu dimakan atau dimanfaatkan, sekalipun yang menanam dan yang menaburkannya itu telah meninggal dunia; dan sekalipun tanaman-tanaman itu telah pindah ke tangan orang lain.

Para ulama berpendapat: "Dalam keleluasaan kemurahan Allah, bahawa Ia memberi pahala sesudah seseorang itu meninggal dunia sebagaimana waktu dia masih hidup, iaitu berlaku pada enam golongan: sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, anak saleh yang hendak mendoakan orang tuanya, tanaman, biji yang ditaburkan dan haiwan (kendaraan) yang disediakan untuk mempertahankan diri dari serangan musuh."

Diriwayatkan, ada seorang lelaki yang bertemu Abu Darda' ketika itu dia menanam pohon pala. Kemudian orang lelaki itu bertanya kepada Abu Darda': Hai Abu Darda'! Mengapa engkau tanam pohon ini, padahal engkau sudah sangat tua, sedang pohon ini tidak akan berbuah kecuali sekian tahun lamanya. Maka Abu Darda' menjawab: Bukankah aku yang akan memetik pahalanya di samping untuk makanan orang lain?

Salah seorang sahabat Nabi ada yang mengatakan:

"Saya mendengar Rasulullah s.a.w. membisikkan pada telingaku ini, iaitu: Barangsiapa menanam sebuah pohon kemudian dengan tekun memeliharanya dan mengurusinya hingga berbuah, maka sesungguhnya baginya pada tiap-tiap sesuatu yang dimakan dari buahnya merupakan sedekah di sisi Allah." (Riwayat Ahmad)

Dari hadis-hadis ini para ulama berpendapat, bahawa bertani (bertani) adalah pekerjaan yang paling baik. Tetapi yang lain berpendapat: Bahawa pertukangan atau pekerjaan tangan

merupakan pekerjaan yang paling mulia. Sedang yang lain berpendapat: Daganglah yang paling baik. Sementara ahli penyelidik dan pentashih berpendapat:

Seharusnya kesemuanya itu berbeza-beza sesuai dengan perbezaan keadaan. Kalau masalah bahan makanan yang memang sangat diperlukan, maka bertani adalah pekerjaan yang lebih utama, kerana dapat membantu orang banyak. Kalau yang sangat diperlukan itu barang-barang perdagangan kerana terputusnya jalan-jalan misalnya, maka berdagang adalah yang lebih utama. Dan kalau yang diperlukan itu soal-soal kerajinan/pekerjaan tangan, maka pekerjaan tangan itu adalah lebih utama.

Perincian yang terakhir ini kiranya selaras dengan keutamaan pengetahuan ekonomi moden.

2.4.5 Pertanian yang Diharamkan

Setiap tumbuh-tumbuhan yang diharamkan memakannya atau yang tidak boleh dipergunakan kecuali dalam keadaan darurat, maka tumbuh-tumbuhan tersebut haram ditanam, misalnya: hasyisy (ganja) dan sebagainya.

Begitu juga tembakau kalau kita berpendapat merokok itu haram, dan inilah yang rajih, maka menanamnya bererti haram. Dan kalau berpendapat makruh, maka menanamnya pun makruh juga.

Tidak ada alasan bagi seorang muslim untuk menanam sesuatu yang haram untuk dijual kepada orang selain Islam: Sebab selamanya seorang muslim tidak boleh berbuat haram. Oleh kerana itu seorang muslim tidak diperkenankan memelihara babi untuk dijual kepada orang Kristian. Dasar ini sebagaimana telah sama-sama kita maklumi, bagaimana Islam mengharamkan menjual anggur yang sudah jelas halalnya itu kepada orang yang diketahui, bahawa anggur tersebut akan dibuat arak.

2.4.6 Perusahaan dan Mata Pencarian

Islam menekankan umatnya supaya bertani dan mengangkat ke derajat yang tinggi serta memberikan pahala kepada pelakunya. Tetapi di balik itu Islam sangat benci kalau umatnya itu membatasi aktivitinya hanya pada bidang pertanian atau terbatas bergelumang di dasar laut.

Islam tidak senang umatnya menganggap cukup dalam bertani saja dan mengikuti ekor lembu. Ini dapat mengurangi keperluan umat yang sekaligus dihadapkan kepada suatu bahaya. Oleh kerana itu tidak menghairankan kalau Rasulullah s.a.w. pernah menegaskan, bahawa cara semacam itu merupakan sumber bencana dan bahaya serta kehinaan yang meliliti umat. Kenyataan ini dapat dibenarkan oleh keadaan.

Untuk itu maka Rasululiah s.a.w. telah menyabdakan:

"Apabila kamu jual-beli dengan lenah dan kamu berpegang pada ekor-ekor sapi, dan senang bertani serta meninggalkan jihad, maka Allah akan memberikan suatu kehinaan atas kamu yang tidak dapat dilepaskan dia, sehingga kamu kembali kepada ajaran agamamu." (Riwayat Abu Daud)

Kalau begitu, maka sudah seharusnya disamping bertani ada juga perusahaan dan mata pencarian lain yang kiranya dapat memenuhi unsur-unsur penghidupan yang baik dan standard umat yang tinggi dan bebas, serta negara yang kuat dan kaya raya.

Mata pencarian dan perusahaan-perusahaan ini bukan hanya dipandang mubah oleh Islam, bahkan sesuai dengan penegasan para ulama dipandangnya sebagai fardhu kifayah' dengan pengertian, bahawa masyarakat Islami harus memperbanyak dari kalangan umatnya orang-orang yang berpengetahuan, memperbanyak perusahaan dan mata pencarian yang kiranya dapat mencukupi keperluan masyarakat itu dan dapat mengatasi segala urusannya. Maka apabila terjadi suatu kekosongan baik dari segi pengetahuan ataupun perusahaan dan tidak ada yang mengurusnya, maka seluruh masyarakat Islam itu akan berdosa, khususnya ulil amri (ketua eksekutif) dan ahlul hili wal aqdi (lembaga legislatif).

Imam Ghazali berkata: "Adapun yang termasuk fardhu kifayah, iaitu semua ilmu yang sangat diperlukan sebagai standard untuk mengurusi persoalan-persoalan duniawiah, seperti ilmu kedoktoran, kerana dia itu amat diperlukan demi menjaga kestabilan badani dan seperti ilmu hisab sebagai yang sangat diperlukan untuk urusan mu'amalat, pembahagian wasiat, waris, dan lain-lain.

Ilmu-ilmu ini kalau sesuatu negara itu kekosongan orang-orang yang mengerti urusan tersebut, maka seluruh penduduk negeri tersebut berdosa. Tetapi kalau ada seorang yang bekerja untuk persoalan ini, sudah dianggap cukup dan gugurlah kewajiban itu dari yang lain.

Justeru itu tidak menghairankan kalau kita katakan: Bahawa ilmu kedoktoran (kesihatan) dan hisab termasuk fardhu kifayah. Begitu juga pokok perindustrian seperti ilmu pertanian, pertenunan dan siasah bahkan ilmu bekam dan klermaker termasuk juga fardhu kifayah. Sebab kalau suatu negara kefakiman ahli bekam, nescaya kebinasaan mengancam, yang

bererti pula mereka menyerahkan dirinya kepada kebinasaan. Padahal Zat yang menurunkan penyakit, Dia juga menurunkan ubatnya dan Ia membimbing umat manusia untuk menggunakan ubat-ubatan tersebut dan telah juga dipersiapkan cara-cara untuk menemukannya. Oleh kerana itu kita tidak boleh mencampakkan diri kepada kebinasaan dengan cara meremehkan persoalan tersebut.

Al-Quran telah mengisyaratkan supaya memperbanyak bidang-bidang perindustrian dengan disebutnya sebagai nikmat kurnia Allah. Misalnya firman Allah yang menceritakan tentang Nabi Daud:

"Dan Kami lunakkan besi baginya. Hendaklah kamu membuat baju besi yang panjang dan ukurlah dalam lubangnya." (Saba': 10- 11)

"Dan Kami ajar dia untuk membuat pakaian buat kamu untuk menjaga kamu dari bahayamu, apakah kamu hendak berterimakasih?" al-Anbiya': 80)

Kemudian tentang Nabi Sulaiman, Allah berfirman juga:

"Dan Kami alirkan kepadanya mata air tembaga, dan dari antara jin ada yang bekerja di hadapannya dengan izin Tuhannya, dan barangsiapa yang berpaling di antara mereka dari perintah Kami, maka akan Kami rasakan dia dari siksaan api yang, menyala. Para jin itu bekerja untuk Sulaiman menurut apa yang ia inginkan, misalnya gedung-gedung yang tinggi, patung patung dan piring-piring model kolam dan kuali yang tetap. Kerjakanlah hai keluarga Daud dengan penuh kesyukuran." (Saba': 12-13)

Dan tentang Dzul Qarnain dengan bendungan raksasanya (great wall) itu, Allah berfirman:

"Dia berkata: Apa yang Tuhanku tetapkan aku padanya lebih baik. Oleh kerana itu bantulah aku dengan sungguh-sungguh, maka akan ku buat satu bendungan (pembatas) antara kamu dan mereka. Bawalah kepadaku kepingan-kepingan besi sehingga apabila sudah sama antara dua gunung itu, ia pun berkata: Tiuplah. Sehingga apabila ia telah jadikan api, maka ia berkata: Bawalah kepadaku akan ku twangi tembaga di atasnya. Dengan demikian maka mereka tidak dapat mendakinya dan tidak dapat melubanginya." (al-Kahfi: 95-97)

Selanjutnya tentang kisah Nabi Nuh dengan cara membuat perahunya, di mana Allah memberikan isyarat betapa besarnya perahunya itu bagaikan gunung yang akan mengarungi laut.

Maka firman Allah:

"Di antara tanda-tanda kekuasaan Allah ialah adanya perahu di laut bagaikan gunung." (as-Syura: 32)

Dalam beberapa surah, Allah banyak menyebutkan tentang masalah cara-cara berburu dengan segala macam bentuk dan jenisnya, sejak dari cara berburu ikan dan haiwan-haiwan laut sampai kepada berburu haiwan darat. Disebutkan juga bagaimana cara menyelam untuk mengeluarkan lulu' (mutiara), marjan dan sebagainya.

Lebih dari itu semua, al-Quran telah menyadarkan manusia akan nilai daripada besi yang belum pernah dibicarakan oleh kitab-kitab agama sebelumnya. Maka setelah Allah menyebutkan tentang diutusnya para Rasul dan diturunkannya kitab, kemudian Allah berfirman:

"Dan kami turunkan besi, yang padanya ada kekuatan yang sangat dan bermanfaat buat manusia." (al-Hadid: 25)

Oleh kerana itu tidak menghairankan, kalau surah yang membicarakan masalah besi ini disebut juga surah al-Hadid (besi).

Seluruh perusahaan dan mata pencarian yang dapat menutupi keperluan masyarakat atau yang dapat mendatangkan manfaat yang nyata, maka semua itu termasuk amal saleh apabila semua itu dilakukan dengan ikhlas dan dilaksanakan menurut perintah agama.

Islam menganggap tinggi beberapa pekerjaan yang kadang-kadang oleh manusia dinilai sangat rendah, misalnya menggembala kambing yang biasa diabaikan oleh manusia. Malah mereka tidak hendak menilainya sebagai pekerjaan yang baik. Namun Rasulullah s.a.w. tetap berkata:

"Allah tidak mengutus seorang Nabi pun melainkan dia itu menggembala kambing. Waktu para sahabat mendengar perkataan itu, mereka kemudian bertanya: Dan engkau, ya Rasulullah? Jawab Nabi: Ya! Saya juga menggembala kambing dengan upah beberapa karat, milik penduduk Makkah." (Riwayat Bukhari)

Muhammad sebagai utusan Allah dan penutup sekalian Nabi, juga menggembala kambing, dan itupun bukan kambingnya sendiri tetapi ia menggembala dengan upah milik sebagian penduduk Makkah. Diterangkannya ini kepada umatnya untuk mengajar mereka, bahawa kebesaran justeru dimiliki oleh orang-orang yang suka bekerja, bukan oleh orang yang suka berfoya-foya dan penganggur.

Al-Quran pun mengkisahkan kepada kita tentang kisah Nabi Musa a.s., bahawa dia juga bekerja sebagai buruh bagi seorang yang sangat tua. Dia bekerja sebagai buruh selama 8

tahun sebagai persyaratan untuk dikawinkan dengan salah seorang puterinya. Nabi Musa dinilai orang tua tersebut sebagai pekerja yang baik dan buruh yang terpuji. Maka benarlah dugaan puteri orang tua itu, di mana salah satunya ada yang berkata: "Hai, ayah! Ambillah buruh dia itu, kerana sebaik-baik orang yang engkau ambil buruh haruslah orang yang kuat dan terpercaya." (al-Qashash: 26).

Ibnu Abbas meriwayatkan, bahawa Daud bekerja sebagai tukang besi untuk membuat baju besi. Adam bekerja sebagai petani, Nuh sebagai tukang kayu, Idris sebagai klermaker sedang Musa sebagai penggembala kambing. (Riwayat Hakim).

Untuk itulah setiap muslim harus menyiapkan diri untuk mencari pencaharian, sebab tidak seorang nabi pun kecuali bekerja dalam salah satu lapangan pencaharian.

Nabi Muhammad s.a.w. dalam salah satu hadisnya mengatakan:

"Tidak makan seseorang satu makanan sedikitpun yang lebih baik, melainkan dia makan atas usahanya sendiri,dan Nabi Daud makan dari hasil pekerjaanya sendiri." (Riwayat Bukhari)

2.4.7 Beberapa Usaha dan Mata-Pencaharian yang Diberantas oleh Islam

Selain yang telah disebutkan di atas, ada beberapa usaha dan mata-pencaharian yang oleh Islam, umatnya dilarang keras untuk mengerjakannya, karena di dalamnya mengandung bahaya bagi masyarakat, baik terhadap aqidahnya, akhlaknya, harga dirinya dan sendi-sendi sopan-santunnya.

2.4.7.1 Melacur

Pelacuran adalah salah satu mata-pencaharian yang dibolehkan di negara-negara Barat dengan diberinya izin dengan syarat si pelakunya harus memberikan jaminan kepada pemilik kedai itu dan memberikan hak-hak mereka. Begitulah situasi ini pernah berlaku pada zaman dahulu sampai datanglah Islam untuk menghapus itu semua. Islam tidak memperkenankan seseorang dengan bebas untuk menyewakan kemaluannya.

Sebagian orang-orang jahiliah ada yang menetapkan upah pekerjaan harian hamba-hamba perempuannya dan hasilnya supaya diserahkan kepada tuannya dengan jalan apapun. Seringkali menjurus kepada perbuatan zina, supaya dia dapat membayar apa yang telah ditetapkan atas dirinya itu. Bahkan sebagian mereka ada yang sampai memaksa, semata-

mata untuk mencari keuntungan duniawi yang rendah itu dan bekerja yang jijik dan murahan.

Maka setelah Islam datang, seluruh anak-anak, putera maupun puteri diangkat dari perbuatan yang hina itu.

Kemudian turunlah ayat yang mengatakan:

"Jangan kamu paksa hamba-hambamu untuk melacur jika mereka memang ingin dirinya terjaga, lantaran kamu hendak mencari harta untuk hidup di dunia." (an-Nur: 33)

Ibnu Abbas meriwayatkan, sesungguhnya Abdullah bin Ubai kepala munafiqin, datang kepada Nabi sambil membawa seorang hamba perempuan yang cantik jelita, namanya Mu'adzah, kemudian ia berkata: Ya Rasulullah! Ini adalah hamba milik anak yatim, apakah tidak tepat kalau kau suruh dia untuk melacur supaya anak-anak yatim itu dapat mengambil upahnya? Maka jawab Nabi: "tidak" (Lihat Tafsir Razi 23:220).

Dengan demikian, maka Nabi melarang mencari matapencaharian dengan usaha yang kotor ini, betapapun tingginya bayaran yang diperoleh. Beliau pun tetap tidak memperkenankan setiap apa yang dikatakan karena terpaksa, karena kepentingan atau untuk mencapai sesuatu tujuan. Motifnya supaya masyarakat Islam tetap bersih dari kotoran-kotoran yang sangat membahayakan ini.

2.4.7.2 Tarian dan Seni Tubuh

Islam tidak dapat menerima apa yang disebut pekerjaan tarian hot dan semua pekerjaan yang dapat menimbulkan ghairah, seperti nyanyian-nyanyian porno dan sandiwara kosong. Semua permainan macam ini, sekalipun oleh sementara orang dianggap seni atau dikatakan kemajuan dan sebagainya dari nama-nama yang cukup menyesatkan orang.

Islam mengharamkan semua macam hubungan lain jenis di luar perkawinan. Begitu juga setiap omongan atau pekerjaan yang dapat membuka pintu yang ada hubungannya dengan perbuatan haram. Inilah rahasia dilarangnya zina oleh al-Quran, yaitu dengan ungkapan yang ampuh sekali:

"Jangan kamu mendekati zina, karena sesungguhnya dia itu kotor dan cara yang tidak baik." (al-Isra': 32)

Islam tidak cukup melarang jangan berzina, tetapi dilarang mendekatinya.

Semua yang kami sebutkan di atas dan apa yang dikenal oleh orang banyak sebagai perbuatan yang dapat membangkitkan syahwat, adalah termasuk kalimat fahisyah (kotor). Bahkan dapat menggerakkan dan mendorong orang untuk berbuat kotor. Alangkah jeleknya usaha mereka itu.

2.4.7.3 Perusahaan Melukis, Membuat Salib dan Sebagainya

Apabila Islam --sebagaimana yang kami sebutkan di atas-- melarang memiliki gambar/patung, maka perusahaannya lebih diharamkan daripada memilikinya.

Imam Bukhari meriwayatkan dari jalan Said bin Abul Hasan, ia berkata: Saya pernah di tempat Ibnu Abbas, kemudian tiba-tiba ada seorang laki-laki datang menanyakan: Hai Ibnu Abbas! Saya adalah seorang laki-laki yang standard hidupku (maisyahku) dari hasil pekerjaan tanganku, yaitu saya membuat gambar-gambar ini! Maka jawab Ibnu Abbas:

Saya tidak akan menjawabmu kecuali menurut apa yang pernah saya dengar dari Rasulullah s.a.w., bahawa beliau bersabda: "Barangsiapa menggambar suatu gambar, maka nanti Allab menyiksa dia, sehingga dia dapat meniupkan roh padanya, sedangkan dia selamanya tidak akan dapat meniupkan roh." Setelah mendengar jawaban Ibnu Abbas tersebut, orang laki-laki itu naik pitam. Maka Ibnu Abbas pun kemudian menjawab: "Celaka engkau! Kalau kamu masih tetap saja mau membuat, maka buatlah pohon dan setiap yang tidak bernyawa." (Riwayat Bukhari).

Yang seperti ini ialah membuat berhala, salib dan sebagainya.

Adapun menggambar dalam papan dan fotografi, maka telah kami terangkan di atas yang pada prinsipnya menurut pendapat yang paling banyak mendekati jiwa syariat, tentang masalah tersebut, hukumnya mubah, atau paling banyak berderajat makruh. Ini tidak termasuk subjek foto itu sendiri yang ada pula diharamkan oleh Islam, misalnya ditampakkannya bagian-bagian anggota perempuan yang banyak menimbulkan fitnah, melukis laki-laki mencium wanita dan sebagainya. Dan yang seperti ini ialah gambar-gambar yang diagung-agungkan dan dikuduskan, misalnya: gambar Malaikat, Nabi dan sebagainya.

2.4.7.4 Perusahaan Minuman Keras dan Narkotik

Telah sama-sama kita maklumi dalam bab terdahulu, bahawa Islam mengharamkan setiap persekutuan dalam hal arak, baik yang membuatnya, membagikannya ataupun meminumnya. Siapa saja yang mengerjakan hal tersebut akan beroleh laknat melalui lidah Rasulullah.

Narkotik baik yang terbuat dari hasyisy (ganja), candu ataupun lainnya sama dengan minuman yang memabukkan tentang haramnya dipergunakan, dibagi dan dibuat.

Islam juga menentang keras terhadap setiap muslim yang bekerja pada suatu perusahaan atau mata-pencaharian yang ada hubungannya dengan sesuatu yang haram atau melalui perkara yang haram.

2.4.8 Bekerja dengan Jalan Berdagang

Islam melalui nas-nas al-Quran dan Sunnah, menganjurkan dengan keras supaya seseorang pergi berdagang, yang kemudian disebut mencari anugerah Allah. Sesudah itu Allah menyebut orang-orang yang pergi berdagang, diiringi dengan menyebut orang-orang yang jihad fi sabilillah.

Firman Allah:

"Yang lain berjalan di permukaan bumi untuk mencari anugerah Allah, sedang yang lainnya berperang di jalan. Allah." (al-Muzammil: 20)

Dalam al-Quran Allah memberikan anugerah kepada manusia dengan menyediakan jalan-jalan perdagangan, dalam dan luar negeri dengan alat-alat perhubungan laut, yang hingga kini tetap merupakan alat pengangkutan yang paling ampuh untuk perdagangan internasional. Untuk itu Allah berfirman dengan memudahkan laut dan menjalankan kapal-kapal dagang. Firman Allah:

"Engkau lihat kapal-kapal di laut yang berjalan supaya kamu dapat mencari anugerah Allah, dan supaya kamu tahu berterimakasih." (Fathir: 12)

Kadang-kadang diiringi pula dengan melepaskan angin. Seperti firmanNya:

"Di antara tanda-tanda kekuasaan Allah, yaitu Dia lepaskan angin dengan membawa khabar gembira. Dan supaya Allah memberikan kepadamu dari rahmatNya dan supaya perahu-

perahu (kapal-kapal) itu berjalan dengan perintahNya dan supaya kamu mencari anugerahNya dan supaya kamu berterimakasih." (ar-Rum: 46)

Al-Quran mengulang-ulangi penyebutan nikmat dan menganjurkan untuk kiranya dapat dimanfaatkan nikmat itu, sehingga semua itu dijadikan oleh Allah sebagai salah satu tanda wujud dan kekuasaan Allah serta kebijaksanaanNya dalam mengatur falak ini.

Firman Allah:

"(Kapal) yang berjalan di laut dengan membawa perbekalan yang bermanfaat bagi manusia." (al-Baqarah: 164)

"Di antara tanda-tanda kekuasaan Allah ialah adanya kapal-kapal (perahu) yang berjalan di laut seperti gunung." (as-Syura: 32)

Allah memberikan anugerah kepada penduduk Makkah dengan menyediakan jalan-jalan yang dapat menjadikan negeri mereka itu sebagai pusat perdagangan yang paling istimewa untuk Jaziratul Arabia.

Firman Allah:

"Bukankah Kami berikan kepada mereka (penduduk Makkah) tanah haram yang aman sentosa yang dipilih untuknya buah-buahan dan tiap-tiap sesuatu sebagai suatu pemberian rezeki dari Kami." (al-Qashash: 57)

Dengan demikian terbuktilah doa Nabi Ibrahim yang mengatakan:

"Hai Tuhan. kami! Sesungguhnya aku menempatkan keluargaku di suatu lembah yang tidak ada tumbuh-tumbuhannya, yaitu di dekat Baitillah-Haram. Hai Tuhan kami! Supaya mereka itu dapat menegakkan sembahyang, maka jadikanlah hati-hati manusia itu condong kepada mereka dan berilah mereka itu rezeki dari buah-buahan, supaya mereka tahu berterimakasih." (Ibrahim: 37)

Di samping itu Allah juga telah memberikan anugrah kepada orang-orang Quraisy, yaitu dengan memudahkan perjalanan mereka dua kali musim perdagangan dalam satu tahun, ke Yaman pada musim dingin dan ke Syam pada musim panas. Mereka pergi ke dua tempat tersebut dengan memperoleh keamanan sebab kelebihan mereka sebagai penjaga Ka'bah. Justru itu patutlah mereka bersyukur atas nikmat ini dengan berbakti kepada Allah semata, Tuhannya Ka'bah dan Yang mempunyai anugerah tersebut. Firman Allah:

"Karena perlindunganNya terhadap orang-orang Quraisy yaitu dilindunginya mereka dalam bepergiannya pada musim dingin dan musim panas, maka hendaklah mereka itu berbakti kepada Tuhannya rumah ini, yang telah memberi makan mereka dari kelaparannya dan memberi keamanan mereka dari ketakutan." (Quraisy)

Islam telah memberikan pula suatu kesempatan kepada umat Islam untuk mengadakan tukar-menukar perdagangan antara negara dan bangsa dengan seluas-luasnya dalam setiap tahun, yaitu bertepatan dengan musim pertemuan tahunan internasional, yakni pada musim haji ke Baitullah, dimana mereka itu saling berdatangan dari tempat yang jauh. Seperti difirmankan Allah:

"Mereka ada yang berjalan kaki dan ada pula yang berkendaraan unta, semua datang dari tiap-tiap perjalanan yang jauh, supaya mereka itu dapat menyaksikan apa-apa yang bermanfaat buat mereka; dan supaya mereka menyebut-nyebut asma'Allah." (al-Haj: 27-28)

Di antara apa-apa yang bermanfaat itu, tidak diragukan lagi ialah perdagangan.

Imam Bukhari meriwayatkan, bahawa umat Islam pernah mengalami kesukaran berdagang pada musim haji, karena mereka beranggapan kalau-kalau dengan berdagang dapat mengaburkan keikhlasan niat mereka dalam beribadah atau dapat mengotori kesucian ibadah mereka. Waktu itu maka turunlah ayat yang menjelaskan dan menegaskan:

"Tidak ada dosa atas kamu untuk mencari rezeki dari Tuhanmu." (al-Baqarah: 198)

Al-Quran juga memuji orang-orang yang suka pergi ke masjid untuk bersujud kepada Allah di waktu pagi dan petang. Mereka itu dipuji dengan firmannya:

"Laki-laki yang berdagang dan jual-belinya itu tidak melupakan mereka daripada berzikrullah dan menegakkan sembahyang serta mengeluarkan zakat." (an-Nur: 37)

Oleh karena itu, orang-orang mu'min dalam pandangan al-Quran bukan berumahtangga di masjid, bukan pula seperti pendeta-pendeta yang mendiami gereja-gereja, tetapi orang-orang mu'min adalah manusia pekerja. Keistimewaan mereka, bahawa kesibukan duniawinya tidak memalingkan mereka dari memenuhi kewajiban agama.

Demikian sebagian apa yang tersebut dalam al-Quran, tentang masalah perdagangan.

Adapun dalam hadis, Rasulullah s.a.w. menyerukan supaya kita berdagang. Anjuran ini garis-garis ketentuannya diperkuat dengan sabda, perbuatan dan taqrirnya.

Dalam beberapa perkataannya yang sangat bijaksana itu kita dapat mendengarkan sebagai berikut:

"Pedagang yang beramanat dan dapat dipercaya, akan bersama orang-orang yang mati syahid nanti di hari kiamat." (Riwayat Ibnu Majah dan al-Hakim)

"Pedagang yang dapat dipercaya dan beramanat, akan bersama para Nabi, orang-orang yang dapat dipercaya dan orang-orang yang mati syahid." (Riwayat al-Hakim dan Tarmizi dengan sanad hasan)

Kita tidak heran kalau Rasulullah menyejajarkan kedudukan pedagang yang dapat dipercaya dengan kedudukan seorang mujahid dan orang-orang yang mati syahid di jalan Allah, sebab sebagaimana kita ketahui dalam percaturan hidup, bahawa apa yang disebut jihad bukan hanya terbatas dalam medan perang semata-mata tetapi meliputi lapangan ekonomi juga.

Seorang pedagang dijanji suatu kedudukan yang begitu tinggi di sisi Allah serta pahala yang besar nanti di akhirat karena perdagangan itu pada umumnya diliputi oleh perasaan tamak dan mencari keuntungan yang besar dengan jalan apapun. Harta dapat melahirkan harta dan suatu keuntungan membangkitkan untuk mencapai keuntungan yang lebih banyak lagi. Justru itu barangsiapa berdiri di atas dasar-dasar yang benar dan amanat, maka bererti dia sebagai seorang pejuang yang mencapai kemenangan dalam pertempuran melawan hawa nafsu. Justru itu pula dia akan memperoleh kedudukan sebagai mujahidin.

Urusan dagang sering menenggelamkan orang dalam angka dan menghitung-hitung modal dan keuntungan, sehingga di zaman Nabi pernah terjadi suatu peristiwa ada kafilah yang membawa perdagangan datang, padahal Nabi sedang berkhutbah sehingga para hadirin yang sedang mendengarkan khutbah itu menjadi kacau dan akhirnya mereka bubar menuju kepada kafilah tersebut.

Waktu itulah kemudian turun ayat yang berbunyi sebagai berikut:

"Apabila mereka melihat suatu perdagangan atau bunyi-bunyian, mereka lari ke tempat tersebut dan engkau ditinggalkan berdiri. Oleh karena itu katakanlah (kepada mereka) bahawa apa yang ada di sisi Allah lebih baik daripada bunyi-bunyian dan perdagangan itu dan Allah sebaik-baik Zat yang memberi rezeki." (al-Jumu'ah: 11)

Oleh karenanya, barangsiapa yang mampu bertahan pada prinsip ini, disertai dengan iman yang kuat, jiwanya penuh taqwa kepada Allah dan lidahnya komat-kamit berzikrullah, maka layak dia akan bersama orang-orang yang telah diberi nikmat oleh Allah, yaitu para nabi, shiddiqin dan syuhada'.

Dari fi'liyah (perbuatan) Rasulullah sendiri kiranya cukup bukti bagi kita untuk mengetahui sampai di mana kedudukan perdagangan itu, bahawa di samping beliau sangat memperhatikan segi-segi mental spiritual sehingga didirikannya masjid di Madinah demi untuk bertaqwa dan mencari keridhaan Allah dengan tujuan sebagai jami' tempat beribadah, institut, lembaga da'wah dan pusat pemerintahan, maka Rasulullah memperhatikan pula segi-segi perekonomian. Untuk itu maka didirikannya pasar Islam yang langsung berorientasi pada syariat Islam, bukan pasar yang dikuasai oleh orang-orang Yahudi seperti halnya pasar Qainuqa' dulu.

Pasar Islam ini langsung diawasi oleh Rasulullah sendiri. Beliau sendiri yang mentertibkan subjek-subjeknya dan beliau pula yang langsung mengurus dengan memberi bimbingan-bimbingan dan pengarahan-pengarahan. Sehingga dengan demikian tidak ada penipuan, pengurangan timbangan, penimbunan, cukong-cukong dan lain-lain yang insya Allah hadis-hadis yang menerangkan hal itu akan kami tuturkan di bab Mu'amalat nanti dalam fasal halal dan haram tentang kehidupan secara umum bagi setiap muslim.

Dalam sejarah perjalanan para sahabat Nabi, kita dapati juga, bahawa di antara mereka itu ada yang bekerja sebagai pedagang, pertukangan, petani dan sebagainya.

Rasulullah berada di tengah-tengah mereka di mana ayat-ayat al-Quran itu selalu turun kepadanya, beliau berbicara kepada mereka dengan bahasa langit, dan Malaikat Jibril senantiasa datang kepadanya dengan membawa wahyu dari Allah. Semua sahabatnya mencintai beliau dengan tulus ikhlas, tidak seorang pun yang ingin meninggalkan beliau walaupun hanya sekejap mata.

Oleh karena itu, maka kita jumpai seluruh sahabatnya masing-masing bekerja seperti apa yang dikerjakan Nabi, ada yang mengurus korma dan tanaman-tanaman, ada yang berusaha mencari pencaharian dan perusahaan. Dan yang tidak tahu tentang ajaran Nabi, berusaha sekuat tenaga untuk menanyakan kepada rekan-rekannya yang lain. Untuk itu mereka diperintahkan siapa yang mengetahui supaya menyampaikan kepada yang tidak tahu.

Sahabat Anshar pada umumnya ahli pertanian, sedang sahabat Muhajirin pada umumnya ahli dalam perdagangan dan menempa dalam pasar. Misalnya Abdurrahman bin 'Auf seorang muhajirin pernah disodori oleh rekannya Saad bin ar-Rabi' salah seorang Anshar separuh kekayaan dan rumahnya serta disuruhnya memilih dari salah seorang isterinya supaya dapat melindungi kehormatan kawannya itu. Abdurrahman kemudian berkata kepada Saad: Semoga Allah memberi barakah kepadamu terhadap hartamu dan isterimu, saya tidak perlu kepadanya. Selanjutnya kata Abdurrahman: Apakah di sini ada pasar yang bisa dipakai berdagang? Jawab Saad: Ya ada, yaitu pasar Bani Qainuqa'. Maka besok paginya Abdurrahman pergi ke pasar membawa keju dan samin. Dia jual-beli di sana. Begitulah

seterusnya, akhirnya dia menjadi seorang pedagang muslim yang kayaraya, sampai dia meninggal, kekayaannya masih bertumpuk-tumpuk.

Abubakar juga bekerja sebagai pedagang, sehingga pada waktu akan dilantik sebagai khalifah beliau sedang bersiap-siap akan ke pasar. Begitu juga Umar, Usman dan lain-lain.

2.4.9 Pendirian Gereja Tentang Masalah Dagang

Begitulah masyarakat Islam dalam menghadapi dunianya dalam naungan agamanya, mereka berdagang, juga membeli. Tetapi perdagangan dan jual-belinya itu tidak sampai melupakan berzikrullah. Dimana waktu itu orang-orang di abad-abad pertengahan kebanyakannya di bawah kekuasaan raja-raja dan negara-negara Eropah Kristen masih bimbang dalam menghadapi pertentangan yang hebat antara fikiran-fikiran apa yang disebut penyelamatan yakni menyelamatkan diri dari dosa yang menyelubunginya. Fikiran ini bertentangan dengan fikiran Aklirus yang menganjurkan berusaha dan berdagang di satu pihak, dan di pihak lain adanya perkataan yang berkumandang, bahawa celakalah manusia yang berani menantang ajaran pemimpin-pemimpin agama (rijaluddin) dan sibuk dengan urusan pencaharian, perusahaan dan perdagangan. Dikatakannya juga, bahawa dosa bukan hanya suatu kejelekan yang pelakunya akan dibalas sesuai dengan banyaknya dosa yang dilakukan, tetapi dosa, seperti yang biasa dikatakan, yaitu dosa abadi dan laknat di bumi dan langit dalam kehidupan di dunia dan akhirat nanti,

Untuk itu seorang Uskup bernama Agustine mengatakan: "Kesungguhan dalam urusan perdagangan pada hakikatnya suatu dosa, karena dapat memalingkan orang dari ingat kepada Allah,"

Yang lain pun berkata: "Seseorang yang membeli sesuatu kemudian pulang dan menjualnya lagi dengan tidak ada imbangan yang harus dia lakukannya, maka orang tersebut akan termasuk golongan pedagang yang menjauhkan sorga dan kesuciannya."

Pendapat-pendapat ini tidak lebih hanya latah terhadap ajaran-ajaran Paulus yang mengatakan: Bahawa seorang penganut Masehi tidak layak menentang kawannya yang lain dengan suatu pertentangan yang mematikan. Untuk itu, maka tidak ada perdagangan yang berkembang di kalangan orang-orang Masehi."

2.4.10 Perdagangan yang Dilarang

Islam pada prinsipnya tidak melarang perdagangan, kecuali ada unsur-unsur kezaliman, penipuan, penindasan dan mengarah kepada sesuatu yang dilarang oleh Islam. Misalnya

memperdagangkan arak, babi, narkotik, berhala, patung dan sebagainya yang sudah jelas oleh Islam diharamkan, baik memakannya, mengerjakannya atau memanfaatkannya.

Semua pekerjaan yang diperoleh dengan jalan haram adalah suatu dosa. Dan setiap daging yang tumbuh dari dosa (haram), maka nerakalah tempatnya. Orang yang memperdagangkan barang-barang haram ini tidak dapat diselamatkan karena kebenaran dan kejujurannya. Sebab pokok perdagangannya itu sendiri sudah mungkar yang ditentang dan tidak dibenarkan oleh Islam dengan jalan apapun.

Ini tidak termasuk orang yang memperdagangkan emas dan sutera, karena kedua bahan tersebut halal buat orang-orang perempuan. Justru itu mereka ini kelak di hari kiamat tidak akan dibangkitkan dalam golongan pendurhaka yang ditempatkan di neraka Jahim.

Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. keluar ke tempat sembahyang, tiba-tiba dilihatnya banyak manusia yang sedang berjual-beli. Kemudian Rasulullah memanggil mereka: Hai para pedagang! ... Mereka pun lantas menjawab dan mengangkat kepala dan pandangannya. Maka kata Rasulullah:

"Sesungguhnya pedagang kelak di hari kiamat akan dibangkitkan sebagai pendurhaka, kecuali orang yang takut kepada Allah, baik dan jujur." (Riwayat Tarmizi, Ibnu Majah dan Hakim. Kata Tarmizi: hadis ini hasan sahih)

Dari Watsilah bin al-Asqa' ia berkata: "Rasulullah pernah keluar menuju kami --sedang kami adalah golongan pedagang-- maka kata beliau: 'Hai para pedagang, hati-hati kamu jangan sampai berdusta.'" (Riwayat Thabarani)

Untuk itu seorang pedagang harus berhati-hati, jangan sekali-kali dia berdusta, karena dusta itu merupakan bahaya (lampu merah) bagi pedagang. Dan dusta itu sendiri dapat membawa kepada perbuatan jahat, sedang kejahatan itu dapat membawa kepada neraka.

Di samping itu hindari pula banyak sumpah, khususnya sumpah dusta, sebab Nabi Muliammad s.a.w. pernah bersabda:

"Tiga golongan manusia yang tidak akan dilihat Allah nanti di hari kiamat dan tidak akan dibersihkan, serta baginya adalah siksaan yang pedih, salah satu di antaranya ialah: Orang yang menyerahkan barang dagangannya (kepada pembeli) karena sumpah dusta." (Riwayat Muslim)

"Dari Abu Said ia berkata: Ada seorang Arab gunung berjalan membawa seekor kambing, kemudian saya bertanya kepadanya: Apa kambing itu akan kamu jual dengan tiga dirham? Ia menjawab: Demi Allah tidak! Tetapi tiba-tiba dia jual dengan tiga dirham juga. Saya utarakan

hal itu kepada Nabi, maka kata Nabi: Dia telah menjual akhiratnya dengan dunianya." (Riwayat Ibnu Hibban)

Di samping itu si pedagang harus menjauhi penipuan, sebab orang yang menipu itu dapat keluar dari lingkungan umat Islam.

Hindari pula pengurangan timbangan dan takaran, sebab mengurangi timbangan dan takaran itu membawa celaka, seperti firman Allah: Wailul lil muthaffifin (celakalah orang-orang yang mengurangi takaran).

Dan hindari pulalah dari penimbunan, sehingga Allah dan RasulNya tidak akan membiarkan dia begitu saja.

Terakhir, hindarilah perbuatan riba. Karena sesungguhnya Allah akan menghancurkannya.

Seperti tersebut dalam hadis yang mengatakan:

"Satu dirham uang riba dimakan oleh seseorang, sedangkan dia tahu (bahawa uang tersebut adalah uang riba), akan lebih berat (siksaannya) daripada tigapuluh enam kali berzina."37 (R iwayat Ahmad)

Penjelasan satu persatu persoalannya ini, insya Allah akan kami terangkan nanti di bab Mu'amalat.

2.4.11 Bekerja Sebagai Pegawai

Seorang muslim boleh saja bekerja mencari rezeki dengan jalan menjadi pegawai, baik itu pegawai negeri atau swasta, selama dia mampu memikul pekerjaannya dan dapat menunaikan kewajiban. Tetapi di samping itu seorang muslim tidak boleh mencalonkan dirinya untuk suatu pekerjaan yang bukan ahlinya, lebih-lebih menduduki jabatan hakim.

Abu Hurairah meriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda sebagai berikut:

"Siallah Amir, siallah kepala dan siallah kasir. Sungguh ada beberapa kaum yang menginginkan kulit-kulitnya itu bergantung di bintang yang tinggi, kemudian mereka akan diulurkan antara langit dan bumi, karena sesungguhnya mereka itu tidak pernah menguasai suatu pekerjaan." (Riwayat Ibnu Hibban dan al-Hakim, ia sahkan sanadnya)

Abu Dzar pernah juga meminta kepada Nabi untuk diberi suatu jabatan, maka oleh Nabi ditepuknya pundak Abu Dzar sambil beliau bersabda:

"Hai Abu Dzar! Engkau orang lemah, kekuasaan adalah suatu amanat dan kelak di hari kiamat akan menyusahkan dan menyesalkan, kecuali orang yang dapat menguasainya karena haknya dan melaksanakan apa yang menjadi tugasnya." (Riwayat Muslim)

Dan sabda Rasulullah juga tentang masalah hakim sebagai berikut:

"Hakim itu ada tiga macam: Satu di sorga dan dua di neraka. Yang di sorga, yaitu seorang hakim yang tahu kebenaran dan ia menghukum dengan kebenaran itu. (2) Seorang laki-laki yang tahu kebenaran tetapi dia menyimpang dari kebenaran itu, maka dia berada di neraka. (3) Seorang laki-laki yang menghukum manusia dengan membabi-buta (bodoh), maka dia di neraka." (Riwayat Abu Daud, Tarmizi dan Ibnu Majah)

Jadi sebaiknya seorang muslim tidak perlu ambisi kepada kedudukan-kedudukan yang besar dan berusaha di belakang kedudukan itu sekalipun dia ada kemampuan. Sebab kalau kedudukannya itu dijadikan pelindung, maka kedudukannya itu sendiri akan menghambat dia. Dan barangsiapa mengarahkan setiap tujuannya itu untuk show di permukaan bumi ini, maka dia tidak akan peroleh taufik dari lanqit.

Telah bersabada Rasulullah s.a.w. kepadaku:

"Hai Abdurrahman! Jangan kamu minta untuk menjadi kepala, karena kalau kamu diberinya padahal kamu tidak minta, maka kamu akan diberi pertolongan, tetapi jika kamu diberinya itu lantaran minta, maka kamu akan dibebaninya." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

"Dari Anas, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Barangsiapa mencari penyelesaian suatu hukum tetapi dia minta supaya dibela, maka hal itu akan dibebankan kepada dirinya. Dan barangsiapa dipaksakannya, maka Allah akan mengutus Malaikat supaya meluruskannya." (Riwayat Abu Daud dan Tarmizi)

Ini, kalau dia tidak tahu, bahawa orang lain tidak akan mampu mengatasi kekosongan itu dan apabila dia tidak tampil niscaya kemaslahatan akan berantakan dan retak tali persoalan. Kalau dia tahu hanya dialah yang mampu, maka dia boleh bersikap seperti apa yang dikisahkan al-Quran kepada kita tentang Nabiullah Yusuf a.s. dimana ia berkata kepada tuannya:

"Jadikanlah aku untuk mengurus perbendaharaan (gudang) bumi, karena sesungguhnya aku orang yang sangat menjaga dan mengetahui." (Yusuf: 55)

Demikianlah tata-tertib Islam dalam mengatur masalah mencari pekerjaan-pekerjaan yang bersifat politis dan sebagainya.

2.4.12 Kepegawaian yang Diharamkan

Diperbolehkannya bekerja sebagai pegawai seperti yang kami katakan di atas, diikat dengan suatu syarat tidak menjadi pegawai yang membahayakan kaum muslimin. Oleh karena itu seorang muslim tidak halal bekerja sebagai pegawai atau prajurit dalam ketenteraan yang memerangi kaum muslimin atau bekerja sebagai pegawai dalam suatu pabrik yang memproduksi senjata untuk memerangi kaum muslimin. Dan tidak boleh seorang muslim bekerja sebagai pegawai suatu lembaga yang melawan Islam dan memerangi umatnya. Termasuk juga pegawai yang membantu kepada perbuatan zalim dan haram, seperti pekerjaan yang meribakan uang, tempat arak, tempat dansa atau di tempat-tempat permainan yang kosong dan sebagainya.

Mereka ini semua tidak dapat dibebaskan dari dosa. Tidak bererti mereka tidak bersekutu dan tidak berbuat haram. Sebab seperti prinsip-prinsip yang telah kami kemukakan sebelumnya, bahawa menolong perbuatan haram bererti haram. Justru itulah Rasulullah s.a.w. melaknat juru tulis riba dan dua orang saksinya sebagaimana dilaknatnya orang yang makan riba. Pembuat dan pelayan yang menuangkan arak dilaknat seperti dilaknat orang yang minum.

Ini semua berlaku dalam keadaan yang tidak terpaksa (normal) dimana seorang muslim harus memasukinya demi mencari rezeki. Kalau ternyata dalam keadaan yang memaksa, maka dapat dinilai menurut keperluannya itu, yaitu menjadi makruh dengan syarat dia harus tetap berusaha untuk mencari pekerjaan lain yang halal dan jauh dari dosadosa.

Setiap muslim harus menjaga dirinya dari hal-hal yang masih syubhat, dimana syubhat itu dapat menipiskan agama dan melemahkan keyakinan, betapapun besarnya gaji dan berharganya pekerjaan tersebut.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Tinggalkanlah sesuatu yang meragukanmu, beralih kepada sesuatu yang tidak meragukanmu." (Riwayat Ahmad. Tarmizi, Nasa'i, Ibnu Hibban dalam sahihnya dan Hakim, Tarmizi berkata: hadis ini hasan sahih).

Dan sabdanya pula:

"Seseorang tidak akan mencapai derajat muttaqin (orang-orang yang taqwa) sehingga ia meninggalkan sesuatu yang mubah karena takut kepada berbuat sesuatu yang dilarang." (Riwayat Tarmizi)

2.4.13 Pedoman Secara Umum Tentang Bekerja

Pedoman secara umum tentang masalah kerja, yaitu Islam tidak membolehkan pengikut-pengikutnya untuk bekerja mencari uang sesuka hatinya dan dengan jalan apapun yang dimaksud. Tetapi Islam memberikan kepada mereka suatu garis pemisah antara yang boleh dan yang tidak boleh dalam mencari perbekalan hidup, dengan menitikberatkan juga kepada masalah kemaslahatan umum. Garis pemisah ini berdiri di atas landasan yang bersifat kulli (menyeluruh) yang mengatakan: "Bahawa semua jalan untuk berusaha mencari uang yang tidak menghasilkan manfaat kepada seseorang kecuali dengan menjatuhkan orang lain, adalah tidak dibenarkan. Dan semua jalan yang saling mendatangkan manfaat antara individu-individu dengan saling rela-merelakan dan adil, adalah dibenarkan."

Prinsip ini telah ditegaskan oleh Allah dalam firmanNya:

"Hai orang-orang yang beriman! Jangan kamu memakan harta-harta saudaramu dengan cara yang batil, kecuali harta itu diperoleh dengan jalan dagang yang ada saling kerelaan dari antara kamu. Dan jangan kamu membunuh diri-diri kamu, karena sesungguhnya Allah maha belas-kasih kepadamu. Dan barangsiapa berbuat demikian dengan sikap permusuhan dan penganiayaan, maka kelak akan Kami masukkan dia ke dalam api neraka." (an-Nisa':29-30)

Ayat ini memberikan syarat boleh dilangsungkannya perdagangan dengan dua hal:

Perdagangan itu harus dilakukan atas dasar saling rela antara kedua belah pihak.
Tidak boleh bermanfaat untuk satu pihak dengan merugikan pihak lain.

Syarat kedua ini dapat kita ambil dari kata-kata dan jangan kamu membunuh diri-diri kamu.

Perkataan ini ditafsirkan oleh ahli-ahli tafsir dalam dua pengertian yang masing-masing sesuai dengan proporsinya:

Erti pertama: Satu sama lain tidak boleh bunuh membunuh.

Erti kedua: Kamu tidak boleh membunuh diri diri kamu dengan tangan-tangan kamu sendiri.

Walhasil ayat ini memberikan pengertian, bahawa setiap orang tidak boleh merugikan orang lain demi kepentingan diri sendiri (vested interest). Sebab hal demikian, seolah-olah dia menghisap darahnya dan membuka jalan kehancuran untuk dirinya sendiri. Misalnya mencuri, menyuap, berjudi, menipu, mengaburkan, mengelabui, riba dan lain-lain pekerjaan yang diperoleh dengan jalan yang tidak dibenarkan.

Tetapi apabila sebagian itu diperoleh atas dasar saling suka sama suka, maka syarat yang terpenting jangan kamu membunuh diri kamu itu tidak ada.

Bab 3: Gharizah, Pernikahan dan Keluarga

3.1 Lapangan Gharizah

ALLAH menjadikan manusia supaya menjadi khalifah di permukaan bumi dan mengatur kesejahteraan bumi itu. Tujuan ini tidak akan bisa tercapai, melainkan apabila jenis manusia ini terus berkembang. Hidupnya berlangsung terus di permukaan bumi ini baik dengan bercocok-tanam, mendirikan perusahaan, pertukangan atau membuat bangunan-bangunan serta melaksanakan hak-hak Allah yang dibebankan kepadanya. Dan supaya kesemuanya itu dapat tercapai juga, maka Allah melengkapi tubuh manusia ini dengan gharizah (instink) dan rangsangan-rangsangan yang dapat membawa manusia ini dengan seluruh daya kemampuannya untuk kelangsungan hidupnya secara pribadi dan kelangsungan jenis.

Di antara sekian banyak gharizah itu ialah makan, dengan adanya makan ada kenyang, pribadi manusia itu bisa terus hidup. Dan ada pula gharizah seksual, dimana dengan tersalurnya gharizah ini jenis manusia itu dapat berlangsung.

Gharizah kedua ini sangat kuat sekali pada tubuh manusia. Oleh karena itu dia selalu minta tempat penyaluran untuk memenuhi fungsinya dan memuaskan keinginannya. Untuk itu manusia pasti berhadapan dengan salah sate posisi sebagai berikut:

1. Mungkin manusia akan melepaskan kendali seksualnya, sehingga akan pergi ke mana saja dan berbuat apa saja tanpa batas perisai yang membendungnya berupa agama, budi ataupun adat. Situasi ini terjadi di kalangan aliran-aliran yang bebas (free thinker) yang tidak beriman kepada Allah dan nilai-nilai yang luhur. Situasi seperti ini cukup dapat menjatuhkan derajat manusia kepada derajat binatang dan menghancurkan pribadi dan rumahtangga serta masyarakat secara keseluruhan.

2. Mungkin juga manusia akan menentang gharizah seksualnya itu, seperti halnya yang terjadi di kalangan aliran-aliran yang menganggap hubungan seksual itu suatu perbuatan yang kotor (cemar), melarang perkawinan dan menganggap celaka kalau kawin, seperti aliran Mano, kependetaan dan sebagainya. Pendirian ini bererti suatu penguburan terhadap gharizah dan menghilangkan fungsi gharizah seksual serta meniadakan kebijaksanaan dzat yang menciptakannya serta melawan aturan hidup yang mengatur gharizah ini supaya tersalur sesuai dengan fungsinya.
3. Mungkin juga manusia akan membuat pembatas yang beroperasi ke dalam, tanpa menjatuhkan derajat manusia dan tanpa memberikan kebebasan yang kegila-gilaan itu.

Pendirian ini berlaku di kalangan pemeluk-pemeluk agama Samawi (agama-agama yang datangnya dari Tuhan) yaitu dengan diharamkannya pembunuhan dan dianjurkannya kawin. Pendirian ini lebih menonjol lagi terdapat di dalam ajaran Islam yang mengakui gharizah seksual ini. Untuk itu maka dipermudah jalan-jalan penyalurannya; di samping Islam melarang hidup membujang dan menjauhi perempuan. Kemudian dibuatlah aturan-aturan yang melarang perbuatan zina dengan segala macam manifestasi dan pendahuluannya.

Pendirian inilah yang kiranya sangat adil dan bijaksana. Sebab andaikata tidak ada anjuran untuk kawin, niscaya gharizah seksual ini tidak akan dapat memenuhi fungsinya dalam rangka kelangsungan manusia.

Begitu juga andaikata pembunuhan itu tidak dilarang dan tidak diharuskannya seorang laki-laki mengadakan hubungan dengan perempuan, niscaya rumahtangga yang dibina di bawah naungan kehalusan budi yang tumbuh dari rasa cinta kasih (mawaddah warahmah) itu tidak akan ada. Dan jika rumahtangga tidak ada, masyarakat pun tidak akan ada; dan niscaya masyarakat tidak akan menemukan jalan untuk menuju kemajuan dan kesempurnaannya.

3.1.1 Jangan Dekat-dekat pada Zina

Tidak mengherankan kalau seluruh agama Samawi mengharamkan dan memberantas perzinaan. Terakhir ialah Islam yang dengan keras melarang perzinaan serta memberikan ultimatum yang sangat tajam. Karena perzinaan itu dapat mengaburkan masalah keturunan, merusak keturunan, menghancurkan rumahtangga, meretakkan perhubungan, meluasnya penyakit kelamin, kejahatan nafsu dan merosotnya akhlak. Oleh karena itu tepatlah apa yang dikatakan Allah:

"Jangan kamu dekat-dekat pada perzinaan, karena sesungguhnya dia itu perbuatan yang kotor dan cara yang sangat tidak baik." (al-Isra': 32)

Islam, sebagaimana kita maklumi, apabila mengharamkan sesuatu, maka ditutupnyalah jalan-jalan yang akan membawa kepada perbuatan haram itu, serta mengharamkan cara apa saja serta seluruh pendahuluannya yang mungkin dapat membawa kepada perbuatan haram itu.

Justru itu pula, maka apa saja yang dapat membangkitkan seks dan membuka pintu fitnah baik oleh laki-laki atau perempuan, serta mendorong orang untuk berbuat yang keji atau paling tidak mendekatkan perbuatan yang keji itu, atau yang memberikan jalan-jalan untuk berbuat yang keji, maka Islam melarangnya demi untuk menutup jalan berbuat haram dan menjaga daripada perbuatan yang merusak.

3.1.2 Pergaulan Bebas adalah Haram

Di antara jalan-jalan yang diharamkan Islam ialah: Bersendirian dengan seorang perempuan lain. Yang dimaksud perempuan lain, yaitu: bukan isteri, bukan salah satu kerabat yang haram dikawin untuk selama-lamanya, seperti ibu, saudara, bibi dan sebagainya yang insya Allah nanti akan kami bicarakan selanjutnya.

Ini bukan bererti menghilangkan kepercayaan kedua belah pihak atau salah satunya, tetapi demi menjaga kedua insan tersebut dari perasaan-perasaan yang tidak baik yang biasa bergelora dalam hati ketika bertemunya dua jenis itu, tanpa ada orang ketiganya.

Dalam hal ini Rasulullah bersabda sebagai berikut:

"Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhir, maka jangan sekali-kali dia bersendirian dengan seorang perempuan yang tidak bersama mahramnya, karena yang ketiganya ialah syaitan." (Riwayat Ahmad)

"Jangan sekali-kali salah seorang di antara kamu menyendiri dengan seorang perempuan, kecuali bersama mahramnya."

Imam Qurthubi dalam menafsirkan firman Allah yang berkenaan dengan isteri-isteri Nabi, yaitu yang tersebut dalam surah al-Ahzab ayat 53, yang ertinya: "Apabila kamu minta sesuatu (makanan) kepada mereka (isteri-isteri Nabi), maka mintalah dari balik tabir. Karena yang demikian itu lebih dapat membersihkan hati-hati kamu dan hati-hati mereka itu," mengatakan: maksudnya perasaan-perasaan yang timbul dari orang laki-laki terhadap orang perempuan, dan perasaan-perasaan perempuan terhadap laki-laki. Yakni cara seperti itu

lebih ampuh untuk meniadakan perasaan-perasaan bimbang dan lebih dapat menjauhkan dari tuduhan yang bukan-bukan dan lebih positif untuk melindungi keluarga.

Ini bererti, bahawa manusia tidak boleh percaya pada diri sendiri dalam hubungannya dengan masalah bersendirian dengan seorang perempuan yang tidak halal baginya. Oleh karena itu menjauhi hal tersebut akan lebih baik dan lebih dapat melindungi serta lebih sempurna penjagaannya.

Secara khusus, Rasulullah memperingatkan juga seorang laki-laki yang bersendirian dengan ipar. Sebab sering terjadi, karena dianggap sudah terbiasa dan memperingan hal tersebut di kalangan keluarga, maka kadang-kadang membawa akibat yang tidak baik. Karena bersendirian dengan keluarga itu bahayanya lebih hebat daripada dengan orang lain, dan fitnah pun lebih kuat. Sebab memungkinkan dia dapat masuk tempat perempuan tersebut tanpa ada yang menegur. Berbeda sekali dengan orang lain.

Yang sama dengan ini ialah keluarga perempuan yang bukan mahramnya seperti kemanakannya baik dari pihak ayah atau ibu. Dia tidak boleh berkhalwat dengan mereka ini. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda sebagai berikut:

"Hindarilah keluar-masuk rumah seorang perempuan. Kemudian ada seorang laki-laki dari sahabat Anshar bertanya: Ya Rasulullah! Bagaimana pendapatmu tentang ipar? Maka jawab Nabi: Bersendirian dengan ipar itu sama dengan menjumpai mati." (Riwayat Bukhari)

Yang dimaksud ipar, yaitu keluarga isteri/keluarga suami. Yakni, bahawa berkhalwat (bersendirian) dengan ipar membawa bahaya dan kehancuran, yaitu hancurnya agama, karena terjadinya perbuatan maksiat; dan hancurnya seorang perempuan dengan dicerai oleh suaminya apabila sampai terjadi cemburu, serta membawa kehancuran hubungan sosial apabila salah satu keluarganya itu ada yang berburuk sangka kepadanya.

Bahayanya ini bukan hanya sekedar kepada instink manusia dan perasaan-perasaan yang ditimbulkan saja, tetapi akan mengancam eksistensi rumahtangga dan kehidupan suami-isteri serta rahasia kedua belah pihak yang dibawa-bawa oleh lidah-lidah usil atau keinginan-keinginan untuk merusak rumahtangga orang.

Justru itu pula, Ibnul Atsir dalam menafsirkan perkataan ipar adalah sama dengan mati itu mengatakan sebagai berikut: Perkataan tersebut biasa dikatakan oleh orang-orang Arab seperti mengatakan singa itu sama dengan mati, raja itu sama dengan api, yakni bertemu dengan singa dan raja sama dengan bertemu mati dan api.

Jadi berkhalwat dengan ipar lebih hebat bahayanya daripada berkhalwat dengan orang lain. Sebab kemungkinan dia dapat berbuat baik yang banyak kepada si ipar tersebut dan

akhirnya memberatkan kepada suami yang di luar kemampuan suami, pergaulan yang tidak baik atau lainnya, Sebab seorang suami tidak merasa kikuk untuk melihat dalamnya ipar dengan keluar-masuk rumah ipar tersebut.

3.1.3 Melihat Jenis Lain dengan Bersyahwat

Di antara sesuatu yang diharamkan Islam dalam hubungannya dengan masalah gharizah, yaitu pandangan seorang laki-laki kepada perempuan dan seorang,perempuan memandang laki-laki. Mata adalah kuncinya hati, dan pandangan adalah jalan yang membawa fitnah dan sampai kepada perbuatan zina. Seperti kata seorang syair kuna:

Semua peristiwa, asalnya karena pandangan
Kebanyakan orang masuk neraka adalah karena dosa kecil
Permulaannya pandangan, kemudian senyum, lantas beri salam
Kemudian berbicara, lalu berjanji; dan sesudah itu bertemu.

Oleh karena itulah Allah menjuruskan perintahnya kepada orang-orang mu'min laki-laki dan perempuan supaya menundukkan pandangannya, diiringi dengan perintah untuk memelihara kemaluannya.

Firman Allah:

"Katakanlah kepada orang-orang mu'min laki-laki: hendaklah mereka itu menundukkan sebagian pandangannya dan menjaga kemaluannya; karena yang demikian itu lebih bersih bagi mereka. Sesungguhnya Allah maha meneliti terhadap apa-apa yang kamu kerjakan. Dan katakanlah kepada orang-orang mu'min perempuan: hendaknya mereka itu menundukkan sebagian pandangannya dan menjaga kemaluannya, dan jangan menampak-nampakkan perhiasannya kecuali apa yang biasa tampak daripadanya, dan hendaknya mereka itu melabuhkan tudung sampai ke dadanya, dan jangan menampakkan perhiasannya kecuali kepada suaminya atau kepada ayahnya atau kepada mertuanya atau kepada anak-anak laki-lakinya atau kepada anak-anak suaminya, atau kepada saudaranya atau anak-anak saudara laki-lakinya (keponakan) atau anak-anak saudara perempuannya atau kepada sesama perempuan atau kepada hamba sahayanya atau orang-orang yang mengikut (bujang) yang tidak mempunyai keinginan, yaitu orang laki-laki atau anak yang tidak suka memperhatikan aurat perempuan dan jangan memukul-mukulkan kakinya supaya diketahui apa-apa yang mereka rahasiakan dari perhiasannya." (an-Nur: 30-31)

Dalam dua ayat ini ada beberapa pengarahan. Dua diantaranya berlaku untuk laki-laki dan perempuan, yaitu menundukkan pandangan dan menjaga kemaluan. Sedang yang lain khusus untuk perempuan.

Dan kalau diperhatikan pula, bahawa dua ayat tersebut memerintahkan menundukkan sebagian pandangan dengan menggunakan min tetapi dalam hal menjaga kemaluan, Allah tidak mengatakan wa yahfadhu min furujihim (dan menjaga sebagian kemaluan) seperti halnya dalam menundukkan pandangan yang dikatakan di situ yaghudh-dhu min absharihim. Ini bererti kemaluan itu harus dijaga seluruhnya tidak ada apa yang disebut toleransi sedikitpun. Berbeda dengan masalah pandangan yang Allah masih memberi kelonggaran walaupun sedikit, guna mengurangi kesulitan dan melindungi kemasalahatan, sebagaimana yang akan kita ketahui nanti. Dan apa yang dimaksud menundukkan pandangan itu bukan bererti memejamkan mata dan menundukkan kepala ke tanah. Bukan ini yang dimaksud dan ini satu hal yang tidak mungkin. Hal ini sama dengan menundukkan suara seperti yang disebutkan dalam al-Quran dan tundukkanlah sebagian suaramu (Luqman 19). Di sini tidak bererti kita harus membungkam mulut sehingga tidak berbicara.

Tetapi apa yang dimaksud menundukkan pandangan, yaitu: menjaga pandangan, tidak dilepaskan begitu saja tanpa kendali sehingga dapat menelan perempuan-perempuan atau laki-laki yang beraksi.

Pandangan yang terpelihara, apabila memandang kepada jenis lain tidak mengamat-amati kecantikannya dan tidak lama menoleh kepadanya serta tidak melekatkan pandangannya kepada yang dilihatnya itu.

Oleh karena itu pesan Rasulullah kepada Sayyidina Ali:

"Hai Ali! Jangan sampai pandangan yang satu mengikuti pandangan lainnya. Kamu hanya boleh pada pandangan pertama, adapun yang berikutnya tidak boleh." (Riwayat Ahmad, Abu Daud dan Tarmizi)

Rasulullah s.a.w. menganggap pandangan liar dan menjurus kepada lain jenis, sebagai suatu perbuatan zina mata.

Sabda beliau:

"Dua mata itu bisa berzina, dan zinanya ialah melihat." (Riwayat Bukhari)

Dinamakannya berzina, karena memandang itu salah satu bentuk bersenang-senang dan memuaskan gharizah seksual dengan jalan yang tidak dibenarkan oleh syara'. Penegasan Rasulullah ini ada persamaannya dengan apa yang tersebut dalam Injil, dimana al-Masih

pernah mengatakan sebagai berikut: Orang-orang sebelummu berkata: "Jangan berzinal" Tetapi aku berkata: "Barangsiapa melihat dengan dua matanya, maka ia berzina."

Pandangan yang menggiurkan ini bukan saja membahayakan kemurnian budi, bahkan akan merusak kestabilan berfikir dan ketenteraman hati.

Salah seorang penyair mengatakan:

"Apabila engkau melepaskan pandanganmu untuk mencari kepuasan hati. Pada satu saat pandangan-pandangan itu akan menyusahkanmu jua. Engkau tidak mampu melihat semua yang kau lihat. Tetapi untuk sebagainya maka engkau tidak bisa tahan."

3.1.4 Haram Melihat Aurat

Di antara yang harus ditundukkannya pandangan, ialah kepada aurat. Karena Rasulullah s.a.w. telah melarangnya sekalipun antara laki-laki dengan laki-laki atau antara perempuan dengan perempuan baik dengan syahwat ataupun tidak.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

"Seseorang laki-laki tidak boleh melihat aurat laki-laki lain, dan begitu juga perempuan tidak boleh melihat aurat perempuan lain, dan tidak boleh seorang laki-laki bercampur dengan laki-laki lain dalam satu pakaian, dan begitu juga perempuan dengan perempuan lain bercampur dalam satu pakaian."1 (Riwayat Muslim, Ahmad, Abu Daud dan Tarmizi)

Aurat laki-laki yang tidak boleh dilihat oleh laki-laki lain atau aurat perempuan yang tidak boleh dilihat oleh perempuan lain, yaitu antara pusar dan lutut, sebagaimana yang diterangkan dalam Hadis Nabi. Tetapi sementara ulama, seperti Ibnu Hazm dan sebagian ulama Maliki berpendapat, bahawa paha itu bukan aurat.

Sedang aurat perempuan dalam hubungannya dengan laki-laki lain ialah seluruh badannya kecuali muka dan dua tapak tangan. Adapun yang dalam hubungannya dengan mahramnya seperti ayah dan saudara, maka seperti apa yang akan diterangkan dalam Hadis yang membicarakan masalah menampakkan perhiasan.

Ada yang tidak boleh dilihat, tidak juga boleh disentuh, baik dengan anggota-anggota badan yang lain.

Semua aurat yang haram dilihat seperti yang kami sebutkan di atas, baik dilihat ataupun disentuh, adalah dengan syarat dalam keadaan normal (tidak terpaksa dan tidak memerlukan). Tetapi jika dalam keadaan terpaksa seperti untuk mengobati, maka haram tersebut bisa hilang. Tetapi bolehnya melihat itu dengan syarat tidak akan menimbulkan fitnah dan tidak ada syahwat. Kalau ada fitnah atau syahwat, maka kebolehan tersebut bisa hilang juga justru untuk menutup pintu bahaya.

3.1.4.1 Batas dibolehkannya Melihat Aurat Laki-Laki atau Perempuan

Dan keterangan yang kami sebutkan di atas, jelas bahawa perempuan melihat laki-laki tidak pada auratnya, yaitu di bagian atas pusar dan di bawah lutut, hukumnya mubah, selama tidak diikuti dengan syahwat atau tidak dikawatirkan akan menimbulkan fitnah. Sebab Rasulullah sendiri pernah memberikan izin kepada Aisyah untuk menyaksikan orang-orang Habasyi yang sedang mengadakan permainan di masjid Madinah sampai lama sekali sehingga dia bosan dan pergi.2

Yang seperti ini ialah seorang laki-laki melihat perempuan tidak kepada auratnya, yaitu di bagian muka dan dua tapak tangan, hukumnya mubah selama tidak diikuti dengan syahwat atau tidak dikawatirkan menimbulkan fitnah.

Aisyah meriwayatkan, bahawa saudaranya yaitu Asma' binti Abubakar pernah masuk di rumah Nabi dengan berpakaian jarang sehingga tampak kulitnya. Kemudian beliau berpaling dan mengatakan:

"Hai Asma'! Sesungguhnya seorang perempuan apabila sudah datang waktu haidh, tidak patut diperlihatkan tubuhnya itu, melainkan ini dan ini -- sambil ia menunjuk muka dan dua tapak tangannya." (Riwayat Abu Daud)

Dalam hadis ini ada kelemahan, tetapi diperkuat dengan hadis-hadis lain yang membolehkan melihat muka dan dua tapak tangan ketika diyakinkan tidak akan membawa fitnah.

Ringkasnya, bahawa melihat biasa bukan kepada aurat baik terhadap laki-laki atau perempuan, selama tidak berulang dan menjurus yang pada umumnya untuk kemesraan dan tidak membawa fitnah, hukumnya tetap halal.

Salah satu kelapangan Islam, yaitu: Dia membolehkan melihat yang sifatnya mendadak pada bagian yang seharusnya tidak boleh, seperti tersebut dalam riwayat di bawah ini:

"Dari Jarir bin Abdullah, ia berkata: Saya bertanya kepada Rasulullah s.a. w. tentang melihat dengan mendadak. Maka jawab Nabi: Palingkanlah pandanganmu itu!" (Riwayat Ahmad, Muslim, Abu Daud dan Tarmizi) -- yakni: Jangan kamu ulangi melihat untuk kedua kalinya.

3.1.4.2 Perhiasan Perempuan yang Boleh Tampak dan yang Tidak Boleh

Ini ada hubungannya dengan masalah menundukkan pandangan yang oleh dua ayat di surah an-Nur 30-31, Allah perintahkan kepada laki-laki dan perempuan.

Adapun yang khusus buat orang perempuan dalam ayat kedua (ayat 31) yaitu:

a) Firman Allah:

"Janganlah orang-orang perempuan menampakkan perhiasannya, melainkan apa yang biasa tampak daripadanya."

Yang dimaksud perhiasan perempuan, yaitu apa saja yang dipakai berhias dan untuk mempercantik tubuh, baik berbentuk ciptaan asli seperti wajah, rambut dan potongan tubuh, ataupun buatan seperti pakaian, perhiasan, make-up dan sebagainya.

Dalam ayat di atas Allah memerintahkan kepada orang-orang perempuan supaya menyembunyikan perhiasan tersebut dan melarang untuk dinampak-nampakkan. Allah tidak memberikan pengecualian, melainkan apa yang bisa tampak. Oleh karena itu para ulama kemudian berbeda pendapat tentang erti apa yang biasa tampak itu dan ukurannya. Apakah ertinya: apa yang tampak karena terpaksa tanpa disengaja, misalnya terbuka karena ditiup angin; ataukah apa yang biasa tampak dan memang dia itu asalnya tampak?

Kebanyakan ulama salaf berpendapat menurut erti kedua, Misalnya Ibnu Abbas, ia berkata dalam menafsirkan apa yang tampak itu ialah: celak dan cincin.

Yang berpendapat seperti ini ialah sahabat Anas. Sedang bolehnya dilihat celak dan cincin, bererti boleh dilihatnya kedua tempatnya, yaitu muka dan kedua tapak tangan. Demikianlah apa yang ditegaskan oleh Said bin Jubair, 'Atha', Auza'i dan lain-lain.

Sedang Aisyah, Qatadah dan lain-lain menisbatkan dua gelang termasuk perhiasan yang boleh dilihat. Dengan demikian, maka sebagian lengan ada yang dikecualikan. Tetapi tentang batasnya dari pergelangan sampai siku, masih diperselisihkan.

Di samping satu kelonggaran ini, ada juga yang mempersempit, misalnya: Abdullah bin Mas'ud dan Nakha'i. Kedua beliau ini menafsirkan perhiasan yang boleh tampak, yaitu selendang dan pakaian yang biasa tampak, yang tidak mungkin disembunyikan.

Tetapi pendapat yang kami anggap lebih kuat (rajih), yaitu dibatasinya pengertian apa yang tampak itu pada wajah dan dua tapak tangan serta perhiasan yang biasa tampak dengan tidak ada maksud kesombongan dan berlebih-lebihan, seperti celak di mata dan cincin pada tangan. Begitulah seperti apa yang ditegaskan oleh sekelompok sahabat dan tabi'in.3

Ini tidak sama dengan make-up dan cat-cat yang biasa dipakai oleh perempuan-perempuan zaman sekarang untuk mengecat pipi dan bibir serta kuku. Make-up ini semua termasuk berlebih-lebihan yang sangat tidak baik, yang tidak boleh dipakai kecuali di dalam rumah. Sebab perempuan-perempuan sekarang memakai itu semua di luar rumah, adalah untuk menarik perhatian laki-laki. Jadi jelas hukumnya adalah haram.

Sedang penafsiran apa yang tampak dengan pakaian dan selendang yang biasa di luar, tidak dapat diterima. Sebab itu termasuk hal yang lumrah (tabi'i) yang tidak bisa dibayangkan untuk dilarangnya sehingga perlu dikecualikan. Termasuk juga terbukanya perhiasan karena angin dan sebagainya yang boleh dianggap darurat. Sebab dalam keadaan darurat, bukan suatu yang dibuat-buat. Jadi baik dikecualikan ataupun tidak, sama saja. Sedang yang cepat diterima akal apa yang dimaksud istimewa (pengecualian) adalah suatu rukhsah (keringanan) dan justru untuk mengentengkan kepada perempuan dalam menampakkan sesuatu yang mungkin disembunyikan; dan ma'qul sekali (bisa diterima akal) kalau dia itu adalah muka dan dua tapak tangan.

Adanya kelonggaran pada muka dan dua taak tangan, adalah justru menutupi kedua anggota badan tersebut termasuk suatu hal yang cukup memberatkan perempuan, lebih-lebih kalau mereka perlu bepergian atau keluar yang sangat menghajatkan, misalnya dia orang yang tidak mampu. Dia perlu usaha untuk mencari nafkah buat anak anaknya, atau dia harus membantu suaminya. Mengharuskan perempuan supaya memakai cadar dan menutup kedua tangannya adalah termasuk menyakitkan dan menyusahkan perempuan.

Imam Qurthubi berkata: "Kalau menurut ghalibnya muka dan dua tapak tangan itu dinampakkan, baik menurut adat ataupun dalam ibadat, seperti waktu sembahyang dan haji, maka layak kiranya kalau pengecualian itu kembalinya kepada kedua anggota tersebut. Dalil yang kuat untuk pentafsiran ini ialah hadis riwayat Abu Daud dari jalan Aisyah r.a., bahawa Asma' binti Abubakar pernah masuk ke rumah Nabi s.a.w. dengan berpakaian tipis,

kemudian Nabi memalingkan mukanya sambil ia berkata: "Hai Asma'! Sesungguhnya perempuan apabila sudah datang waktu haidhnya (sudah baligh) tidak patut dinampakkan badannya, kecuali ini dan ini -- sambil ia menunjuk muka dan dua tapak tangannya."

Sedang firman Allah yang mengatakan: "Katakanlah kepada orang-orang mu'min laki-laki supaya menundukkan pandangan" itu memberikan suatu isyarat, bahawa muka perempuan itu tidak tertutup. Seandainya seluruh tubuh perempuan itu tertutup termasuk mukanya, niscaya tidak ada perintah menundukkan sebagian pandangan, sebab di situ tidak ada yang perlu dilihat sehingga memerlukan menundukkan pandangan.

Namun, kiranya sesempurna mungkin seorang muslimah harus bersungguh-sungguh untuk menyembunyikan perhiasannya, termasuk wajahnya itu sendiri kalau mungkin, demi menjaga meluasnya kerusakan dan banyaknya kefasikan di zaman kita sekarang ini. Lebih-lebih kalau perempuan tersebut mempunyai paras yang cantik yang sangat dikawatirkan akan menimbulkan fitnah.

b) Firman Allah:

"Hendaknya mereka itu melabuhkan kudungnya sampai ke dadanya." (an-Nur: 31)

Pengertian khumur (kudung), yaitu semua alat yang dapat dipakai untuk menutup kepala. Sedang apa yang disebut juyub kata jama' (bentuk plural) dari kata jaibun, yaitu belahan dada yang terbuka, tidak tertutup oleh pakaian/baju.

Setiap perempuan muslimah harus menutup kepalanya dengan kudung dan menutup belahan dadanya itu dengan apapun yang memungkinkan, termasuk juga lehernya, sehingga sedikitpun tempat-tempat yang membawa fitnah ini tidak terbuka yang memungkinkan dilihat oleh orang-orang yang suka beraksi dan iseng.

c) Firman Allah:

"Dan hendaknya mereka itu tidak menampak-nampakkan perhiasannya terhadap suami atau ayahnya." (an-Nur: 31)

Pengarahan ini tertuju kepada perempuan-perempuan mu'minah, dimana mereka dilarang keras membuka atau menampakkan perhiasannya yang seharusnya disembunyikan, misalnya: perhiasan telinga (anting-anting), perhiasan rambut (tusuk); perhiasan leher (kalung), perhiasan dada (belahan dadanya) dan perhiasan kaki (betis dan gelang kaki). Semuanya ini tidak boleh dinampakkan kepada laki-laki lain. Mereka hanya boleh melihat muka dan kedua tapak tangan yang memang ada rukhsah untuk dinampakkan.

Larangan ini dikecualikan untuk 12 orang:

1. Suami. Yakni si suami boleh melihat isterinya apapun ia suka. Ini ditegaskan juga oleh hadis Nabi yang mengatakan:

"Peliharalah auratmu, kecuali terhadap isterimu."

2. Ayah. Termasuk juga datuk, baik dari pihak ayah ataupun ibu.

3. Ayah mertua. Karena mereka ini sudah dianggap sebagai ayah sendiri dalam hubungannya dengan isteri.

4. Anak-anak laki-lakinya. Termasuk juga cucu, baik dari anak laki-laki ataupun dari anak perempuan.

5. Anak-anaknya suami. Karena ada suatu keharusan untuk bergaul dengan mereka itu, ditambah lagi, bahawa si isteri waktu itu sudah menduduki sebagai ibu bagi anak-anak tersebut.4

6. Saudara laki-laki, baik sekandung, sebapa atau seibu.

7. Keponakan. Karena mereka ini selamanya tidak boleh dikawin.

8. Sesama perempuan, baik yang ada kaitannya dengan nasab ataupun orang lain yang seagama. Sebab perempuan kafir tidak boleh melihat perhiasan perempuan muslimah, kecuali perhiasan yang boleh dilihat oleh laki-laki. Demikianlah menurut pendapat yang rajih.

9. Hamba sahaya. Sebab mereka ini oleh Islam dianggap sebagai anggota keluarga. Tetapi sebagian ulama ada yang berpendapat: Khusus buat hamba perempuan (amah), bukan hamba laki-laki.

10. Keponakan dari saudara perempuan. Karena mereka ini haram dikawin untuk selamanya.

11. Bujang/orang-orang yang ikut serumah yang tidak ada rasa bersyahwat. Mereka ini ialah buruh atau orang-orang yang ikut perempuan tersebut yang sudah tidak bersyahwat lagi karena masalah kondisi badan ataupun rasio. Jadi yang terpenting di sini ialah: adanya dua sifat, yaitu mengikut dan tidak bersyahwat.

12. Anak-anak kecil yang tidak mungkin bersyahwat ketika melihat aurat perempuan. Mereka ini ialah anak-anak yang masih belum merasa bersyahwat. Kalau kita perhatikan dari kalimat ini, anak-anak yang sudah bergelora syahwatnya, maka orang perempuan tidak

boleh menampakkan perhiasannya kepada mereka, sekalipun anak-anak tersebut masih belum baligh.

Dalam ayat ini tidak disebut-sebut masalah paman, baik dari pihak ayah ('aam) atau dari pihak ibu (khal), karena mereka ini sekedudukan dengan ayah, seperti yang diterangkan dalam hadis Nabi:

"Pamannya seseorang adalah seperti ayahnya sendiri." (Riwayat Muslim)

3.1.4.3 Aurat Perempuan

Dari uraian terdahulu, kita tahu bahawa semua bagian tubuh yang tidak boleh dinampakkan, adalah aurat. Oleh karena itu dia harus menutupinya dan haram dibuka.

Aurat perempuan dalam hubungannya dengan laki-laki lain atau perempuan yang tidak seagama, yaitu seluruh badannya, kecuali muka dan dua tapak tangan. Demikian menurut pendapat yang kami anggap lebih kuat. Karena dibolehkannya membuka kedua anggota tersebut --seperti kata ar-Razi-- adalah karena ada suatu kepentingan untuk bekerja, mengambil dan memberi. Oleh karena itu orang perempuan diperintah untuk menutupi anggota yang tidak harus dibuka dan diberi rukhsah untuk membuka anggota yang biasa terbuka dan mengharuskan dibuka, justru syariat Islam adalah suatu syariat yang toleran.

Ar-Razi selanjutnya berkata: "Oleh karena membuka muka dan kedua tapak tangan itu hampir suatu keharusan, maka tidak salah kalau para ulama juga bersepakat, bahawa kedua anggota tersebut bukan aurat."

Adapun kaki, karena terbukanya itu bukan suatu keharusan, maka tidak salah juga kalau mereka itu berbeda pendapat (ikhtilaf), apakah dia itu termasuk aurat atau tidak?5

Sedang aurat orang perempuan dalam hubungannya dengan duabelas orang seperti yang disebut dalam ayat an-Nur itu, terbatas pada perhiasan (zinah) yang tidak tersembunyi, yaitu telinga, leher, rambut, dada, tangan dan betis. Menampakkan anggota-anggota ini kepada duabelas orang tersebut diperkenankan oleh Islam. Selain itu misalnya punggung, kemaluan dan paha tidak boleh diperlihatkan baik kepada perempuan atau laki-laki kecuali terhadap suami.

Pemahaman terhadap ayat ini lebih mendekati kepada kebenaran daripada pendapat sementara ulama yang mengatakan, bahawa aurat perempuan dalam hubungannya dengan mahram hanyalah antara pusar dan lutut. Begitu juga dalam hubungannya dengan sesama

perempuan. Bahkan apa yang dimaksud oleh ayat tersebut yang kiranya lebih mendekati kepada pendapat sebagian ulama, yaitu: "Bahawa aurat perempuan terhadap mahramnya ialah anggota yang tidak tampak ketika melayani. Sedang apa yang biasa tampak ketika bekerja di rumah, mahram-mahram itu boleh melihatnya."

Justru itu Allah memerintahkan kepada perempuan-perempuan mu'minah hendaknya mereka itu memakai jilbab ketika keluar rumah, supaya berbeda dengan perempuan-perempuan kafir dan perempuan-perempuan lacur. Untuk itu pula Allah perintahkan kepada Nabi-Nya supaya menyampaikan pengumuman Allah ini kepada ummatnya; yang berbunyi sebagai berikut:

"Hai Nabi! Katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mu'min semua hendaklah mereka menghulurkan jilbab-jilbab mereka atas (muka-muka) mereka. Yang demikian itu lebih mendekati mereka untuk dikenal supaya mereka tidak diganggu." (al-Ahzab: 59)

Jilbab, yaitu pakaian yang lebarnya semacam baju kurung untuk dipakai perempuan guna menutupi badannya.

Sebagian perempuan jahiliah apabila keluar rumah, mereka menampakkan sebagian kecantikannya, misalnya dada, leher dan rambut, sehingga mereka ini diganggu oleh laki-laki fasik dan yang suka iseng, kemudian turunlah ayat di atas yang memerintahkan kepada orang-orang perempuan mu'minah untuk menghulurkan jilbabnya itu sehingga sedikitpun bagian-bagian tubuhnya yang biasa membawa fitnah itu tidak tampak. Dengan demikian secara lahiriah mereka itu dikenal sebagai wanita yang terpelihara (afifah) yang tidak mungkin diganggu oleh orang-orang yang suka iseng atau orang-orang munafik.

Jadi jelasnya, bahawa ayat tersebut memberikan illah (alasan) perintahnya itu karena kawatir perempuan-perempuan muslimah itu diganggu oleh orang-orang fasik dan menjadi perhatian orang-orang yang suka iseng. Bukan ketakutan yang timbul dari perempuan itu sendiri atau karena tidak percaya kepada mereka, sebagaimana anggapan sementara orang, sebab perempuan yang suka menampakkan perhiasannya, yang berjalan dengan penuh bergaya (in action) dan bicaranya dibuat-buat, sering membuat perhatian orang laki-laki dan membikin sasaran orang-orang yang suka iseng.

Ini cocok dengan firman Allah yang mengatakan:

"Janganlah perempuan-perempuan itu berlaku lemah dengan perkataannya, sebab akan menaruh harapan orang yang dalam hatinya ada penyakit." (al-Ahzab: 32)

Islam memperkeras persoalan menutup aurat dan menjaga perempuan muslimah. Hanya sedikit sekali perempuan diberinya rukhsah (keringanan), misalnya perempuan-perempuan yang sudah tua.

Firman Allah:

"Dan perempuan-perempuan yang sudah putus haidhnya dan tidak ada harapan untuk kawin lagi, maka tidak berdosa baginya untuk melepas pakaiannya, asalkan tidak menampak-nampakkan perhiasannya. Tetapi kalau mereka menjaga diri akan lebih baik bagi mereka, dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui." (an-Nur: 60)

Yang dimaksud al-qawa'id (perempuan-perempuan yang duduk), yaitu perempuan-perempuan yang sudah tidak haidh dan tidak beranak lagi karena sudah tua. Justru itu mereka sudah tidak ada keinginan untuk kawin dan sudah tidak suka kepada laki-laki, begitu juga laki-laki itu sendiri sudah tidak suka kepada mereka.

Untuk mereka ini, Allah memberikan kelonggaran dan tidak menganggap suatu perbuatan dosa, jika mereka itu menanggalkan sebagian pakaian luar yang biasa tampak, seperti baju kurung, kebaya, kudung dan sebagainya.

Al-Quran memberikan batas rukhsah ini dengan kata: tidak menampak-nampakkan perhiasannya, yakni tidak bermaksud menanggalkan pakaiannya itu untuk menunjuk-nunjukkan. Akan tetapi kelonggaran ini diberikan jika memang mereka itu memerlukan.

Berdasar rukhsah ini, maka kiranya yang lebih afdhal dan lebih baik hendaknya mereka tetap menjaga diri dengan selalu mengenakan pakaian-pakaian tersebut, untuk mencari kesempurnaan dan supaya terhindar dari segala syubhat. Karena itu Allah mengatakan dan kalau mereka itu menjaga diri adalah lebih baik bagi mereka.

3.1.5 Perempuan Masuk Pemandian

Demi perhatian Islam terhadap masalah pemeliharaan aurat, maka Rasulullah s.a.w. melarang perempuan-perempuan masuk pemandian umum dan telanjang di hadapan perempuan-perempuan lain yang memungkinkan sifat-sifat badannya itu akan menjadi pembicaraan dalam majlis-majlis dan oleh mulut-mulut yang usil.

Begitu juga Rasulullah s.a.w. melarang laki-laki masuk pemandian kecuali dengan memakai kain yang dapat menutupi badannya dari pandangan mata orang lain. Sebagaimana tersebut dalam riwayat di bawah ini:

"Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhir, maka jangan masuk pemandian kecuali dengan memakai kain. Dan barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhir, maka jangan memasukkan (membiarkan masuk) isterinya ke pemandian." (Riwayat Nasa'i Tarmizi ia hasankan; dan Hakim ia berkata: hadis ini diriwayatkan dengan rawi-rawi Muslim) - lihat Targhib.

"Dari Aisyah r.a., ia berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. melarang perempuan-perempuan masuk pemandian, kemudian ia membolehkan laki-laki masuk pemandian dengan memakai kain." (Riwayat Abu Daud -- dan ia tidak melemahkan dan lafaz ini terdapat dalam sunannya -- juga diriwayatkan oleh Tarmizi dan Ibnu Majah, dan dalam sanadnya ada seorang yang tidak terkenal) - lihat Targhib.

Dikecualikan perempuan yang masuk pemandian guna berobat karena sakit yang dideritanya atau karena nifas dan sebagainya. Karena ada suatu riwayat dari Abdullah bin Umar, bahawa Rasulullah s.a.w. pernah mengatakan perihal pemandian sebagai berikut:

"Janganlah seorang laki-laki masuk pemandian kecuali dengan memakai kain, dan hendaklah mereka itu melarang perempuan-perempuan masuk pemandian kecuali karena sakit atau nifas." (Riwayat Ibnu Majah, Abu Daud - tetapi dalam sanadnya ada seorang yang bernama Abdurrahman bin Ziadah bin An'am al-Afriqi)

Dalam hadis ini ada sedikit kelemahan, tetapi berdasar kaidah-kaidah syara' sehubungan dengan masalah rukhshah untuk orang yang sakit dan demi memudahkan mereka untuk beribadah dan menunaikan kewajiban-kewajiban, maka semua itu dapat memperkuat dan menunjang hadis tersebut. Diperkuat juga dengan kaidah yang sudah masyhur, bahawa sesuatu yang diharamkan karena membendung bahaya, bisa menjadi mubah justru ada kepentingan yang sangat dan demi kemaslahatan.

Dan dikuatkan juga oleh hadis riwayat Ibnu Abbas yang menerangkan, bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda sebagai berikut:

"Berhati-hatilah kamu terhadap rumah yang disebut pemandian. Para sahabat bertanya: Ya Rasulullah! Sesungguhnya dia itu dapat menghilangkan kotoran dan berguna bagi orang yang sakit. Maka jawab Nabi: (Bolehlah kamu masuk) tetapi barangsiapa yang masuk hendaknya memakai tutup." (Riwayat Hakim dan ia berkata: Sahih dengan sanad Muslim)

Oleh karena itu kalau seorang perempuan masuk pemandian tanpa ada uzur yang mengharuskan, maka bererti dia telah berbuat yang haram dan akan mendapat ancaman Rasulullah s.a.w. Dalam Hadisnya yang diriwayatkan dari jalan Abu Malik al-Hudzali, bahawa beberapa orang perempuan dari Himasha atau dari Syam masuk ke rumah Aisyah kemudian

ia berkata: Apakah kamu ini perempuan-perempuan yang memasukkan anak-anak perempuanmu ke pemandian? Sungguh aku pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Tidak seorang pun perempuan yang melepas pakaiannya bukan di rumah suaminya, melainkan dia merobek tabir antara dia dengan Tuhannya." (Riwayat Tarmizi - dan lafaz ini baginya, dan ia berkata: hadis ini hasan. Juga diriwayatkan oleh Abu Daud dan Hakim; dan ia berkata: rawi-rawinya adalah rawi-rawi Bukhari dan Muslim) - lihat Targhib.

"Dari Ummu Salamah, sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda: Siapapun perempuan yang melepas pakaiannya bukan di rumahnya sendiri, maka Allah akan merobek daripadanya tabirnya." (Riwayat Ahmad, Abu Ya'la, Thabarani dan Hakim) - lihat Targhib.

Kalau demikian kerasnya Islam dalam persoalan perempuan yang masuk pemandian, yaitu sebuah bangunan yang berdinding empat yang hanya dimasuki orang-orang perempuan, maka bagaimana lagi hukumnya orang-orang perempuan cabul yang mau menampakkan auratnya di hadapan laki-laki yang suka iseng dan ditampakkan tubuhnya itu di pinggir laut yang menjadi sasaran semua mata yang sedang lapar dan membangkitkan gharizah yang menggelora?

Dan kalau perempuan-perempuan tersebut telah merobek-robek dinding antara dia dan Tuhannya, maka suami-suaminya yang membiarkan mereka ini bersekutu dalam dosa, karena mereka adalah yang tertanggungjawab kalau benar-benar mereka mengetahuinya.

3.1.6 Menampak-nampakkan Perhiasan adalah Haram

Seorang muslimah mempunyai budi yang dapat membedakan dari perempuan kafir atau perempuan jahiliah. Budi perempuan muslimah ialah pandai menjaga diri, tunduk, terhormat dan pemalu.

Berbeda dengan perempuan jahiliah, moralnya senang menunjuk-nunjukkan perhiasannya (tabarruj) dan suka menarik laki-laki.

Erti tabarruj yang sebenarnya ialah: membuka dan menampakkan sesuatu untuk dilihat mata. Mahligai disebut buruj seperti ayat yang mengatakan burujim musyyadah, tempat perjalanan bintang juga disebut buruj, karena tingginya dan tampak jelas oleh orang-orang yang melihatnya.

Zamakhsyari berkata: "Bahawa tabarruj itu ialah memaksa diri untuk membuka sesuatu yang seharusnya disembunyikan." Seperti kata orang Arab: safinatun barij (perahu yang tidak pakai atap).

Namun tabarruj dalam ayat di atas adalah khusus untuk perempuan terhadap laki-laki lain, yaitu mereka nampakkan perhiasannya dan kecantikannya.

Dalam mengertikan tabarruj ini, Zamakhsyari menggunakan unsur baru, yaitu: takalluf (memaksa) dan qashad (sengaja) untuk menampakkan sesuatu perhiasan yang seharusnya disembunyikan. Sesuatu yang harus disembunyikan itu ada kalanya suatu tempat di badan, atau gerakan anggota, atau cara berkata dan berjalan, atau perhiasan yang biasa dipakai berhias oleh orang-orang perempuan dan lainlain.

Tabarruj ini mempunyai bentuk dan corak yang bermacam-macam yang sudah dikenal oleh orang-orang banyak sejak zaman dahulu sampai sekarang.

Ahli-ahli tafsir dalam menafsirkan ayat yang mengatakan:

"Dan tinggallah kamu (hai isteri-isteri Nabi) di rumah-rumah kamu dan jangan kamu menampak-nampakkan perhiasanmu seperti orang jahiliah dahulu." (Ahzab: 33)

sebagai berikut:

- Yujahid berkata: Perempuan ke luar dan berjalan di hadapan laki-laki.
- Qatadah berkata: Perempuan yang cara berjalannya dibikin-bikin dan menunjuk-nunjukkan.
- Muqatil berkata: Yang dimaksud tabarruj, yaitu melepas kudung dari kepala dan tidak diikatnya, sehingga kalung, kriul dan lehernya tampak semua.

Cara-cara di atas adalah macam-macam daripada tabarruj di zaman jahiliah dahulu, yaitu: bercampur bebas dengan laki-laki, berjalan dengan melenggang, kudung dan sebagainya tetapi dengan suatu mode yang dapat tampak keelokan tubuh dan perhiasannya.

Jahiliah pada zaman kita sekarang ini ada beberapa bentuk dan macam tabarruj yang kalau diukur dengan tabarruj jahiliah, maka tabarruj jahiliah itu masih dianggap sebagai suatu macam pemeliharaan.